



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7401]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1979—

Jawatankuasa:

Maksud P. 31 [Ruangan 7446]

Maksud P. 61 [Ruangan 7448]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 7504]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) [Ruangan 7504]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

.. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

.. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

.. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

.. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

.. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

.. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

.. TUAN V. DAVID (Damansara).

.. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

.. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

.. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

.. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

.. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

.. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

.. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

.. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

.. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

.. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

.. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

.. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

.. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

.. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

.. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

.. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

.. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

.. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

.. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

.. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

.. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

.. TUAN LEE KAW (Kluang).

.. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

.. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

.. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

.. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

.. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

.. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

.. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

.. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

.. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

.. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 27hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PADI—PENYELIDIKAN MARDI

1. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akhir-akhir ini jarang-jarang terdengar penyelidikan dibuat ke atas sebarang benih padi dan lain-lain tanaman. Sementara tujuan kita ialah menambahkan hasil pertanian di atas tanah yang terhad dan jika ya, apakah peranan utama yang dimainkan oleh MARDI dan lain-lain badan yang terlibat dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu Anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan padi dan lain-lain tanaman sentiasa dipergiatkan. MARDI telahpun memilih sebilangan jenis-jenis padi yang telah disesuaikan dengan kawasan-kawasan penanaman padi di negara ini dan diperkenalkan dari masa ke semasa. Kajian jenis-jenis baja yang sesuai bagi kawasan-kawasan tertentu juga dilakukan seperti di MADA, KADA dan Seberang Perai. Semua penyelidikan ini dilakukan untuk meningkatkan hasil pertanian.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai jenis-jenis padi, apakah jenis-jenis padi yang bersesuaian yang masih ditanam oleh petani-petani hari ini dan kalau boleh, bolehkah dinyatakan berapa gantangkah boleh dapat satu ekar padi yang telah ada dan apakah nama jenis padi yang paling baik sekali dari jenis-jenis padi yang ada dan kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat “dan”, soalan tambahan banyak sangat.

Tuan Edmund Langgu Anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya tahu jenis padi yang boleh mengeluarkan hasil yang baik pada masa sekarang ialah Mat Candu, Seri Malaysia I, Seri Malaysia II, Malinja, Radin Putih, Radin Biasa dan Padi Rotan di East Malaysia. Jadi yang paling baik sekali boleh mengeluarkan 700—800 gantang satu ekar. Itu sahaja.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana MARDI ditugaskan menyelidik penanaman jenis-jenis padi yang sesuai pada hari ini bila kita hendak buat nasi beriani, terpaksa kita hendakkan Beras Siam ataupun Beras China Nombor Satu. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, adakah jenis padi ini boleh ditanam dalam Malaysia.

Tuan Edmund Langgu Anak Saga: Ini masih di bawah kajian oleh MARDI.

**PEPERIKSAAN PENILAIAN
DARJAH LIMA**

2. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa dengan meneruskan penilaian di peringkat darjah 5 boleh menjejaskan masa belajar murid-murid selama satu tahun di waktu mereka berada di dalam darjah enam. Tidakkah Kerajaan bercadang akan mengkaji perkara ini secepat mungkin bagi mengelakkan DARJAH MENUNGGU dan mengubah peperiksaan penilaian darjah 5 sekarang kepada peperiksaan penilaian sekolah rendah, iaitu sewaktu murid-murid berada dalam darjah 6. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menerangkan di sini bahawa tujuan pokok diadakan Peperiksaan Penilaian Darjah

Lima ialah untuk memberi maklumbalik atau 'feedback' kepada sekolah mengenai perlakuan murid-murid dalam matapelajaran-matapelajaran teras supaya pihak sekolah dapat mengenal kelemahan-kelemahan murid-murid dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu. Oleh itu, masalah 'DARJAH MENUNGGU' tidaklah berbangkit kerana dalam masa satu tahun di darjah enam itu usaha dapat ditumpukan kepada pengajaran pemulihan supaya kemahiran-kemahiran dalam matapelajaran-matapelajaran teras boleh dikuasai oleh murid-murid sebelum mereka meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah menengah.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa oleh kerana pentadbiran sesebuah sekolah rendah itu memberi perhatian hampir sepenuhnya kepada penilaian darjah lima maka pihak pentadbiran sekolah itu selalunya mengabaikan tugas sama ada mengatur guru-guru yang kurang kelayakan untuk mengajar di Darjah VI. Oleh yang demikian, Darjah VI tidak bererti sama sekali adanya di sekolah itu.

Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan sedar bahawasanya Darjah VI di sekolah rendah itu boleh dikatakan tidak begitu mengambil berat tentang pelajaran, kerana guru-guru yang mengajar sekalipun oleh sebab kekurangan guru-guru terlatih maka guru-guru yang tidak terlatih banyak ditempatkan di Darjah VI.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, anggapan bahawa Kerajaan hanya mementingkan Darjah V adalah tidak benar. Sebenarnya Kementerian Pelajaran sekarang mementingkan semua darjah, dari Darjah I hingga Darjah VI bagi sekolah-sekolah rendah. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai maklumat-maklumat yang tertentu mengenai sekolah-sekolah yang terutama sekali guru-guru yang mengabaikan Darjah VI, bolehlah menulis surat ataupun memberi maklumat kepada pihak Kementerian supaya tindakan yang sewajarnya akan dapat diambil.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi mengatakan bahawa peperiksaan penilaian darjah 5 adalah

dengan tujuan untuk mencari kelemahan-kelemahan yang timbul daripada mata pelajaran darjah 5. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan peperiksaan darjah 6 bagi tujuan-tujuan lain selain daripada untuk menguji tadi.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ujian diadakan di dalam darjah 3 dan 5. Jadi maklumat balik (feedback) yang kita perolehi dari kedua-dua darjah penilaian ini adalah mencukupi sekarang. Pada masa sekarang pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan satu kelas penilaian bagi darjah 6.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana memandangkan kepada sebahagian murid-murid darjah 5 yang mencapai keputusan yang begitu baik dalam keputusan peperiksaan darjah 5, umpamanya mendapat 5A, 4A, 3A dan sebagainya, tidakkah boleh murid-murid yang berkelulusan baik ini diteruskan pada masa itu ke sekolah menengah asrama penuh, ertinya ke Tingkatan I dengan tidak payah lagi murid-murid yang berkelulusan baik itu menunggu setahun lagi. Bukan semua—murid yang berkelulusan sahaja.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mengadakan double promotion seperti apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh kerana kalau kita buat begitu masa minima bagi seseorang itu belajar di sekolah rendah adalah tidak cukup. Jadi kemungkinan kelemahan timbul apabila dia sampai ke peringkat sekolah menengah rendah ataupun ke sekolah menengah atas.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada penilaian darjah ini terpaksa diadakan dalam darjah 5 memandangkan masa yang terpaksa diambil oleh pihak Kementerian untuk menempatkan pelajar-pelajar, misalnya, di sekolah-sekolah asrama penuh, di sekolah-sekolah menengah Sains MARA dan sebagainya.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, penilaian darjah 5 sepertimana yang

telah saya terangkan adalah ikutan dari penilaian darjah 3. Jadi tiap-tiap dua tahun kita adakan penilaian supaya kita dapat feedback bagaimana perkembangan pelajaran murid-murid itu dalam peringkat sekolah rendah.

TELEFON—PERMOHONAN PERKHIDMATAN

3. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berapa lamakah masa yang diperlukan untuk bertindak terhadap sesuatu permohonan bagi mendapatkan perkhidmatan telefon. Adakah beliau sedar bahawa orang ramai terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya untuk mendapatkan telefon. Apakah tindakan positif yang sedang beliau ambil untuk menyusun semula jabatannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, pembekalan perkhidmatan telefon kepada orang ramai bergantung kepada alat-alat dan kabel-kabel telefon yang disediakan di satu-satu kawasan. Di kawasan-kawasan yang telah tersedia dengan kemudahan ini masa untuk memberi perkhidmatan telefon adalah lebih kurang satu bulan. Tetapi bagi kawasan-kawasan yang belum disediakan dengan kabel-kabel dan alat-alat telefon akan memakan masa yang lebih lama sehingga rancangan-rancangan telah disediakan.

Kementerian ini sedar bahawa di beberapa kawasan orang ramai terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan perkhidmatan telefon tetapi usaha-usaha sedang diambil oleh Jabatan Telekom untuk melaksanakan rancangan-rancangan kabel dan juga pemasangan alat-alat telefon dengan tujuan mempercepatkan lagi pemberian perkhidmatan telefon kepada orang ramai.

Beberapa projek yang besar telah diserahkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dengan tujuan membantu Jabatan Telekom mengatasi masalah penunggu-penunggu telefon yang kian lama telah menunggu di beberapa kawasan.

Sepertimana yang telah diterangkan di persidangan Dewan Rakyat pada penghujung tahun sudah, Jabatan Telekom telah

menyediakan satu organisasi baru untuk menyusun semula Jabatan Telekom dan ini sedang dikaji oleh pihak Kementerian saya dan agensi pusat dan dijangka akan siap tidak berapa lama lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tahu Dewan ini dalam Wilayah Persekutuan berapa lama pemohon kena menunggu. Sekarang menunggu satu tahun atau satu tahun lebih, jadi beri ketetapan berapa lama pemohon kena tunggu.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberi secara tepat berapa lamakah pemohon-pemohon kena menunggu untuk mendapat perkhidmatan telefon, tetapi saya sedar di dalam kawasan Wilayah Persekutuan pada masa ini ada pemohon-pemohon yang telah menunggu lebih daripada tiga tahun untuk mendapatkan perkhidmatan telefon.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Kerajaan mempunyai rancangan tertentu untuk menggantikan telefon awam yang dirosakkan oleh orang ramai kerana kita dapat tahu banyak telefon awam yang telah rosak itu tidak dapat diganti selama dua tiga tahun.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Telekom akan mengambil tindakan untuk menggantikan telefon awam yang sudahpun dirosakkan oleh pihak-pihak tertentu. Saya sedar kadangkala terdapat kelewatan oleh kerana alat-alat barangkali tidak dapat dibekalkan dalam masa yang dikehendaki tetapi perkara ini adalah sentiasa di dalam perhatian Jabatan Telekom.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Adakah semasa pihak Kementerian hendak menukar telefon-telefon awam yang rosak ini akan dimasuk sama penukaran tempat untuk mencari tempat baru yang agak lebih selamat seperti dekat Balai Polis ataupun dekat rumah Penghulu dan sebagainya.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Telekom sedar bahawa kadar kerosakan telefon-telefon awam barangkali agak nya

tinggi. Oleh sebab itu, pada masa-masa yang akan datang dalam kita menempatkan pondok-pondok telefon yang baru akan kita tentukan kawasan-kawasan yang mana keselamatan telefon-telefon itu agaknya lebih terjamin. Tetapi saya suka menegaskan bahawa oleh kerana ini adalah satu kemudahan yang terbuka kepada orang ramai, kita tidak akan dapat menghapuskan 100% kejadian merosakkan telefon-telefon awam, hanya kita akan dapat mengurangkan kejadian tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Saya dapati bahawa salah satu sebab yang menyebabkan kelewatan pemasangan telefon ialah kekurangan kabel-kabel dan alat-alat yang dipesan dari luar negeri dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, saya ingin mendapat tahu apakah rancangan yang telah diambil oleh Jabatan Telekom untuk menentukan bahawa boleh mendapat kabel-kabel dan alat-alat yang cukup untuk memenuhi rancangan pemasangan telefon.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara pokok dalam menyediakan kabel-kabel bawah tanah ialah kerana Jabatan Telekom menghadapi kekurangan kakitangan. Oleh sebab itulah sepertimana yang saya telah nyatakan dalam jawapan saya sebahagian besar daripada kerja-kerja menanam kabel bawah tanah telahpun diserahkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dalam pihak swasta supaya akan dapat membantu usaha-usaha Jabatan Telekom. Walau bagaimanapun, kesan-kesan daripada usaha ini akan hanya kita dapat nampak dalam beberapa masa yang akan datang.

UNDANG-UNDANG IMIGERESEN

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Undang-undang Imigeresen yang ada sekarang ini masih berpandukan kepada undang-undang zaman penjajah dahulu. Adakah beliau bercadang mengubahsuaikan atau membuat pindaan kepada Ordinan/Peraturan-peraturan dan Akta Paspot supaya dapat diperketatkan, memandangkan rakyat di dalam dan di luar negeri tidak mematuhi

Peraturan-peraturan Imigeresen di negara ini. Jika ya, bila; jika tidak, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlampau umum soalan ini dan tidak ditentukan bab mana yang dikatakan tidak memuaskan, maka tidak dapat saya hendak menjawabnya. Undang-undang inipun digubal pada tahun 1959, kita pinda pada tahun 1963, selepas itu kita pinda lagi pada tahun 1974 dan pada masa ini rasanya tidak ada perkara di dalam ini yang patut kita ambil untuk dipinda, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Parit ada nampak mana-mana undang-undang ini, bab-bab yang tidak memuaskan, tolonglah berhubung dengan saya dan saya berjanji akan memberi segala pertimbangan yang sewajarnya.

SISA PERKILANGAN MINYAK KELAPA SAWIT—KAJIAN

5. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada satu kajian yang lengkap telah dijalankan untuk mengetahui kemungkinan menggunakan sisa-sisa daripada perkilangan minyak kelapa sawit dan bagi memproses cecair perindustrian bagi menjadikannya bahan-bahan pengeluaran berkaitan yang berguna dan dengan ini mengurangkan masalah pencemaran yang berbangkit dari sisa-sisa tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa memang ada kajian-kajian dibuat untuk mengetahui kemungkinan menggunakan sisa-sisa perkilangan minyak kelapa sawit dan bagi memproses cecair perindustrian untuk dijadikan bahan-bahan keluaran sampingan. Kajian-kajian itu telah dijalankan oleh agensi-agensi swasta dan institusi-institusi Kerajaan seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Dengan tertubuhnya Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) di bawah Kementerian saya pada 15hb Mei, 1979, kerja-kerja penyelidikan ke atas kemungkinan menjadikan sisa-sisa perkilangan minyak kelapa sawit sebagai bahan sampingan seperti baja dan makanan ternakan akan dijalankan dan diteruskan dengan lebih giat lagi oleh Institut yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berhubung dengan masalah pencemaran yang berbangkit dari sisa-sisa itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertanggungjawab bagi mengelakkan berlakunya pencemaran itu. PORIM (Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia) akan bekerjasama dan berusaha mencapai standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian tersebut dalam penghasilan sisa-sisa dan cecair perkilangan minyak kelapa sawit.

DISEL—LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

6. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah pengeluaran disel maksima tiap-tiap penapis minyak (refinery) yang ada dalam negara kita sekarang, dan apakah isipadu yang benar-benar dikeluarkan oleh tiap-tiap refinery bagi 12 bulan yang lalu;
- (b) apakah jumlah permintaan disel dalam Malaysia bagi 12 bulan yang lalu;
- (c) adakah bukti-bukti menunjukkan bahawa pengeluaran disel dikurangkan dengan pengajanya, disorok, diseludup dan sebagainya mengakibatkan kedudukan kekurangan disel baru-baru ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan disel itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) di negara ini terdapat 3 kilang penapis minyak, 2 daripadanya adalah kepunyaan Syarikat Shell iaitu satu ditempatkan di Port Dickson dan satu di Miri, Sarawak. Satu lagi kilang penapis adalah kepunyaan Syarikat Esso dan ditempatkan di Port Dickson juga.

Jumlah pengeluaran minyak disel bagi ketiga-tiga penapis ini bagi tahun 1978 adalah seperti berikut:

- (a) Kilang Penapis Shell di Port Dickson 6,055,566 barrel
- (b) Kilang Penapis Shell di Miri 1,956,092 barrel

(c) Kilang Penapis Esso di Port Dickson 2,690,501 barrel

Ini memberikan jumlah pengeluaran minyak disel sebanyak 10,702,159 barrel dalam tahun 1978 atau lebih kurang 891,846 barrel sebulan secara purata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tidak dapat menentukan pengeluaran disel maksima bagi tiap-tiap kilang penapis minyak yang berkenaan kerana kuantiti minyak disel yang diperolehi adalah bergantung kepada campuran jenis-jenis minyak mentah (crude mix) yang ditapis dan juga permintaan pasaran pada keseluruhannya.

Untuk menjawab soalan (b), permintaan pasaran bagi minyak disel bagi tahun 1978 adalah berdasarkan kepada jumlah penjualan yang telah diperbuat. Penjualan bagi disel industri adalah sebanyak 11,201,321 barrel dan ini merupakan 74.37% daripada jumlah bekalan yang dibuat bagi tahun 1978. Jualan disel runcit pula adalah sebanyak 3,860,228 barrel iaitu merupakan sebanyak 25.6% daripada jumlah bekalan tahun 1978. Oleh itu, jumlah permintaan pasaran bagi minyak disel bagi tahun 1978 adalah sebanyak 15,061,608 barrel. Ini bermakna bahawa bagi tahun 1978, oleh kerana pengeluaran tempatan adalah sebanyak 10,702,159 barrel sahaja, sejumlah 4,359,449 barrel atau 29.9% adalah diimport terus dari luar negeri.

Berhubung dengan soalan (c) dan (d), Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11-6-79, dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan yang telah diberi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada beberapa jawapan mengenai kekurangan disel dan sungguhpun ada usaha diambil oleh pihak Kerajaan atas perkara ini termasuk siasatan yang dijalankan oleh Yang di-Pertua sendiri, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kekurangan disel masih sangat serius termasuk di Kuala Lumpur di mana pada hari Ahad yang lalu langsung tak boleh dapat setitik disel pun dan untuk mengatasi masalah

disel ini, bolehkah PETRONAS yang mendapat bekalan sehari 175,000 gelen disel daripada Shell Refinery di Port Dickson dan Mudul Refinery di Singapura yang mana PETRONAS mendapat bekalan percuma oleh kerana production sharing agreement, bolehkah tindakan diambil supaya downstream activities PETRONAS diperhebatkan supaya 175,000 gelen disel yang didapati setiap hari boleh dibekalkan untuk digunakan oleh orang ramai oleh kerana sekarang baru setakat 4 stesyen PETRONAS membekalkan sebanyak 9,000 gelen sahaja?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengatakan bahawa tidak ada setitik disel pun di Kuala Lumpur pada hari Ahad yang lalu oleh kerana seperti termaklum setiap stesyen PETRONAS yang menjual minyak disel dan minyak tanah memang sentiasa ada bekalan. Namun demikian, memanglah menjadi rancangan pihak PETRONAS untuk memperbesarkan downstream activitiesnya berkenaan dengan minyak dan seperti yang diumumkan baru-baru ini, PETRONAS akan membuka stesyen-stesyen minyak di Melaka dan di Johor dan seterusnya di seluruh Semenanjung buat masa-masa yang akan datang. Jadi tunggulah sehingga rancangan ini disediakan oleh pihak PETRONAS.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu, oleh kerana saya percaya minyak disel ini boleh dikatakan cukup tetapi ini adalah satu perbuatan menyorok, sebagai satu bukti baru-baru ini Setiausaha Parlimen sendiri telah melawat ke Perlis yang mana dahulu daripada itu boleh dikatakan stesyen minyak di setiap tempat tidak ada. Dengan berita kedatangan Setiausaha Parlimen yang berkenaan, maka besoknya minyak disel berkenaan telah ada. Jadi saya faham di sini, minyak disel telah disorokkan. Apakah langkah tegas Kementerian tersebut yang mana perkara ini seringkali berlaku.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak ada membuat publisiti yang saya akan pergi ke Perlis. Namun demikian, semasa lawatan saya ke sana, masalah yang masih ada pada ketika itu ialah berkenaan dengan sistem dua harga

minyak yang satu ialah untuk industri dan satu lagi untuk domestik. Jadi, kemungkinan besar bahawa disel-disel yang dikhaskan untuk domestik telah dijual untuk industri, tetapi pada masa sekarang langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah tidak mengadakan sistem dua harga, oleh itu masalah itu tidak timbul lagi. Walau bagaimanapun, pada masa ini Pegawai-pegawai Kementerian saya, khasnya daripada Bahagian Penguatkuasa, sentiasa membuat penyelidikan di tiap-tiap petrol station yang berkenaan dan di mana perlu mereka pergi setiap hari. Kalau ada di dapati bahawa penyelewengan ataupun bekalan tak cukup, pegawai-pegawai akan mengambil tindakan yang tertentu.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS ini baharu ada 4 atau 5 buah station minyak di Kuala Lumpur, apakah dasar PETRONAS jika pengguna-pengguna di Johor tidak boleh dapat disel, bolehkah pengguna-pengguna ini membeli terus kepada PETRONAS?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu hendak diluaskan ke Melaka dan Johor.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana station minyak PETRONAS ini tidak akan kering diselnya, jadi adakah station minyak PETRONAS ini akan juga dibuka di Kota Bharu dan di Kuantan?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, insya Allah.

BUKU-BUKU TEKS SEKOLAH MENENGAH

7. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa Buku-buku Teks Sekolah Menengah Kerajaan sekarang ini didapati tidak mencukupi di pasaran pada awal tahun persekolahan atau tidak dapat membeli langsung apabila terlewat membelinya, ini menyebabkan anak-anak yang ibubapanya berpendapatan lebih daripada \$500.00 sebulan tidak dapat memiliki Buku Teks secukupnya. Ini mengakibatkan anak-anak tersebut belajar tanpa mempunyai Buku Teks secukupnya berbanding dengan anak-anak yang mendapat Skim Pinjaman Buku Teks. Jika

sedar, apakah tindakan Kerajaan memastikan bekalan dalam pasaran buku-buku teks tersebut mencukupi. Dan apakah Kerajaan bercadang, dengan melalui saluran tertentu, untuk membekalkan sendiri buku tersebut atau mengadakan Skim Pinjaman Buku Teks sementara dapat memberi kepada anak-anak yang tidak bernasib baik untuk membeli buku tersebut di pasaran, agar anak-anak itu tidak ketinggalan dalam pelajarannya.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, masalah ketiadaan buku-buku teks untuk setengah judul di kedai-kedai buku memang telah berlaku pada awal tahun ini. Tetapi ini tidak bermakna bahawa judul-judul tertentu itu tidak mencukupi di pasaran sebab Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua penerbit-penerbit untuk mengeluarkan bilangan buku yang mencukupi bagi semua judul, mahupun untuk Skim Pinjaman Buku Teks atau untuk pasaran terbuka.

Masalah tersebut telah berlaku oleh sebab kedai-kedai buku berkenaan yang mungkin digemari oleh orang ramai telah kehabisan stoknya, walaupun kedai-kedai buku lain mempunyai stok buku yang banyak. Adalah dicadangkan bahawa murid-murid yang tidak layak menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, membeli bukunya daripada beberapa kedai-kedai buku yang ada di kawasanya. Jika langkah ini masih tidak berjaya, Guru Besar berkenaan hendaklah memesan buku ini terus daripada penerbit-penerbit, di mana mereka telah bersetuju supaya membekalkannya terus ke sekolah.

Oleh itu, saya tidak bercadang untuk Kementerian membekalkan sendiri buku tersebut kerana masalah yang akan timbul mungkin lebih banyak lagi dan saya juga tidak bercadang mengadakan Skim Pinjaman Buku Teks sementara untuk murid-murid tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebab utama pembekalan buku ini tidak digemari oleh pembekal-pembekal buku kerana buku teks ini katanya sangat sedikit untuk mereka menjalankan perniagaan. Jadi, saya hendak bertanya berapa peratuskah di antara murid-murid di

sekolah menengah itu kebiasaannya dibekalkan skim buku teks.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya tidak dapat peratusnya, saya minta notis.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberi beberapa cara bagaimana untuk mengatasi masalah ini, di antara caranya ialah pihak guru besar memesan sendiri secara terus kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya buku teks didapati dengan seberapa segera. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang supaya tidak membebankan guru-guru besar dan juga membebankan ibubapa dan seterusnya murid-murid yang berkenaan, pilihan ini dikhaskan kepada arahan kepada guru-guru besar supaya membuat persiapan awal-awal lagi dan memesan terus buku-buku tersebut kepada pihak Kementerian Pelajaran ataupun kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penerbit.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun ini memang Kementerian bercadang supaya semua buku teks sama ada mereka itu layak di bawah Skim Pinjaman Buku Teks atau tidak buku-buku mestilah sedia sama ada di pasaran biasa ataupun dalam stock Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum akhir tahun ini.

LETRIK—SESCO SARAWAK

8. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Tenaga, Pos dan Telekom menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga untuk memasang bekalan letrik yang diminta oleh SESCO Sarawak dari rumah-rumah per-sendirian di negeri tersebut adalah terlalu tinggi, misalnya SESCO Sarawak meminta bayaran sebanyak \$2,601.50 hanya untuk menggantung dawai atas ke rumah per-sendirian yang terletak di tepi jalan yang jaraknya ialah 120 kaki sahaja dari dawai letrik yang sedia ada.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum SESCO adalah sebuah badan yang membekalkan

elektrik di negeri Sarawak dan bertanggungjawab kepada Kerajaan Sarawak dan bukan kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, saya tidak dapat memberi tahu apa yang berlaku di sana.

Walau bagaimanapun, menurut keterangan yang diterima dari SESCO Sarawak, SESCO hanya mengenakan bayaran bagi pemasangan bekalan elektrik terus kepada pengguna berdasarkan kos sebenar perbelanjaan pemasangan itu. SESCO tidak sedikit pun mengambil keuntungan dalam perkara ini.

Semenjak tahun 1973 harga minyak, harga tiang kayu dan alat seperti conductor, insulator dan lain-lain telah naik berlipat kali ganda. Ini menyebabkan SESCO menaikkan harga pemasangan bekalan elektrik kepada pelanggan-pelanggan. SESCO juga menerangkan bahawa mengenai bayaran sebanyak \$2,601.50 seperti ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin Ahli Yang Berhormat merujuk kepada bayaran yang dikenakan oleh SESCO kepada pemasang bekalan elektrik ke rumah Ahli Yang Berhormat. Bayaran yang dikenakan itu tinggi disebabkan oleh masalah dari segi teknik di mana SESCO terpaksa mengambil bekalan elektrik 230 kilo watt dari sumber low voltage yang terletak sejauh 4 tiang elektrik. Dawai yang berdekatan hanya berkeupayaan 6,600 voltan dan tidak sesuai dari segi teknik.

TANAMAN KOKO DAN TANAMAN LADA

9. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada terdapat rancangan untuk membesarkan tanaman koko di seluruh Sarawak terutama di Kapit; dan
- (b) sama ada terdapat rancangan untuk memberi subsidi dalam bentuk baja kepada penanam-penanam lada yang tidak termasuk dalam skim subsidi lada.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang terdapat rancangan untuk membesarkan tanaman koko di seluruh Sarawak terutamanya di Kapit. Buat masa ini perhatian ditumpukan kepada rancangan tanaman koko yang menjadi

tanaman sampingan dengan tanaman kelapa. Satu kajian untuk menjadikan tanaman secara monocrop sedang dijalankan di beberapa bahagian di Sarawak, sekiranya hasil kajian ini menggalakkan dan menguntungkan petani-petani maka rancangan ini akan diperbesarkan.

- (b) Buat masa ini tidak ada rancangan untuk memberi subsidi dalam bentuk baja kepada penanam-penanam lada yang tidak termasuk dalam skim penanaman lada.

KAMPUNG BARU—PERLUASKAN KAWASAN

10. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada lebih kurang 450 buah kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia akan dilebarkan dengan memperluaskan kawasan kampung-kampung baru itu supaya sejajar dengan pertumbuhan bilangan penduduk dan berikan butir-butir lanjut mengenai rancangan ini jika ada.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah untuk memperbesarkan kampung-kampung baru adalah satu proses yang melibatkan kuasa ke atas tanah. Mengikut Perlembagaan Malaysia perkara-perkara mengenai tanah adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Kementerian saya ada membuat perhubungan yang rapat serta kerjasama yang erat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan mengenai hal yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak dapat memberi jaminan bahawa sempadan kampung-kampung ini akan diperluaskan oleh kerana mereka juga menghadapi masalah-masalah keperluan tanah; bukan sahaja dari penduduk-penduduk kampung baru tetapi juga dari sebilangan besar lagi penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional. Di samping itu masalah ini akan menjadi lebih rumit lagi sekiranya kampung-kampung baru itu di kelilingi oleh

tanah-tanah milik sendiri atau oleh pihak swasta yang menggunakannya dengan baik dan atau mengeluarkan hasil yang sungguh berguna kepada masyarakat dan negara.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa untuk memaju dan memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk di kampung baru bukanlah hanya dengan meluaskannya secara fizikal atau kawasan semata-mata, kerana dalam keadaan di mana tanah menjadi halangan untuk proses perluasan, proses tersebut boleh juga dilaksanakan dengan mencari jalan menambahkan pendapatan dari kawasan-kawasan lain atau dari punca-punca selain daripada tanah yang berdekatan. Punca-punca tersebut telah dan boleh didapati di beberapa kampung baru iaitu seperti pekerjaan perindustrian dan melalui usaha-usaha pertanian.

BUTA HURUF DI KALANGAN MURID

11. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah faktor-faktor utama menyebabkan berlakunya buta huruf di kalangan murid-murid sekolah sepertimana yang diperkatakan hari ini dan apakah benar bahawa faktor utama ialah kerana kaedah mengajar mereka yang dijalankan di sekolah-sekolah hari ini tidak sesuai dengan keadaan penduduk negara kita.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, ada berbagai faktor yang boleh menyebabkan berlakunya buta huruf di kalangan murid-murid sekolah antaranya adalah seperti berikut:

(a) *Sifat Fizikal*

Kecacatan yang terdapat pada diri murid seperti kekurangan dari segi pendengaran dan penglihatan dan juga kesihatan yang terganggu boleh menyebabkan sukar baginya mengikuti pelajaran terutama dari segi mengingat semula sesuatu yang dipelajari.

(b) *Faktor Sosial*

Keadaan latarbelakang murid itu di rumah dan masyarakat sekeliling juga mempengaruhi minat seseorang

murid itu. Faktor ini boleh dibahagikan seperti berikut:

- (i) Sikap ibubapa yang negatif terhadap pelajaran.
 - (ii) Suasana yang tidak menggalakkan murid-murid membaca.
 - (iii) Murid tidak dapat menyesuaikan diri dengan alam persekolahan.
 - (iv) Pengaruh rakan sebaya yang mempunyai sikap yang negatif terhadap pelajaran.
- (c) *Kebolehan serta Pencapaian Murid-murid.*

Kebolehan serta pencapaian murid-murid adalah berbeza-beza. Murid-murid yang lemah serta kurang cergas pemikirannya akan mengalami kesukaran untuk mencapai taraf pembelajaran yang telah dikhususkan mengikut peringkat-peringkat darjah. Murid-murid dalam gulungan ini berkehendakkan perhatian yang tersendiri dari segi pengajaran serta bahan-bahan pembelajaran bagi membolehkan mereka itu mencapai taraf yang diperlukan.

Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menentukan keperluan dari segi pengajaran serta bahan pembelajaran bagi gulungan murid-murid yang lemah ini dapat diatasi.

Sebagai contoh:

- (a) Kajian telahpun dijalankan dalam beberapa tahun kebelakangan ini bagi mendapatkan maklumat mengenai golongan murid-murid yang lemah dalam pencapaian pelajaran mereka dan hasil daripada kajian ini dapat disediakan rancangan pemulihan yang sesuai bagi keperluan murid-murid berkenaan.
- (b) Mengadakan bahan pembelajaran sokongan yang lebih sesuai dengan keupayaan serta keadaan kemajuan murid-murid yang lemah bagi peringkat-peringkat tertentu.

- (c) Mengadakan kursus latihan khas bagi guru-guru di Maktab Perguruan Ilmu Khas semenjak tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir)

SYARIKAT MALAYSIA DALAM SENARAI STOCK EXCHANGE SINGAPURA

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Arab News on International Finance (World Stock Market) mensenaraikan syarikat-syarikat Malaysia dalam senarai Stock Exchange Singapura, dan ini menyebabkan nama Singapura lebih terkenal dari Malaysia, sedangkan pada hakikatnya dua buah negara tersebut adalah berlainan. Sama ada Kerajaan akan membetulkan kedudukan yang sebenarnya supaya nama Malaysia dikenali oleh umat Arab, dan pendapat orang ramai kebanyakannya tidak tahu di mana negara Malaysia, sedangkan setiap orang Islam di Malaysia tahu di mana Saudi Arabia.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa Arab News on International Finance (World Stock Market) telah menyenaraikan syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia dalam bidang senarai Pasaran Saham Singapura (Singapore Stock Exchange). Tetapi saya tidaklah berpendapat bahawa dengan perbuatan tersebut akan membuat negara Singapura lebih terkenal daripada negara Malaysia oleh kerana pengenalan sesuatu negara kepada rakyat negara yang lain terpujang bukan sahaja kepada satu saluran pengedaran umum (mass communication) yang specific seperti Arab News on International Finance itu tetapi juga kepada lain-lain saluran pengedaran umum.

Pengenalan sesebuah negara itu terpujanglah kepada berbagai saluran pengedaran umum seperti majalah-majalah, berita-berita semasa diterbitkan oleh surat-surat khabar tempatan di negara tersebut dan sebaran am yang lain, kegiatan pegawai diplomatik dan perdagangan kita di luar negeri dan juga pertukaran lawatan pemimpin-pemimpin di antara negara-negara yang berkenaan.

Oleh yang demikian anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengenalkan nama baik Malaysia bukan sahaja kepada negara-negara Arab tetapi juga kepada negara-negara lain terutamanya dalam bidang kewangan Antara Bangsa. Berhubung dengan ini, Kerajaan telahpun berjaya merundingkan pinjaman yang pertama berjumlah 100 juta dollar Amerika daripada pasaran modal Arab yang mana barangkali Ahli Yang Berhormat telahpun mengetahui bahawa perjanjian pinjaman ini telahpun ditandatangani pada pagi tadi.

Selain daripada tujuan untuk mendapatkan sumber kewangan untuk pembangunan negara, pinjaman itu juga dibuat untuk tujuan memperkenalkan nama Malaysia khususnya dalam bidang kewangan di pasaran modal tersebut.

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa setiap orang Islam di Malaysia tahu di mana Saudi Arabia, saya rasa perkara ini sememangnya patut berlaku oleh kerana Saudi Arabia adalah negara di mana orang-orang Islam pergi menunaikan Fardu Haji iaitu salah satu daripada Rukun Islam.

TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (KINDERGARTEN)

14. Wan Zainab binti M. A. Bakar (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa permohonan untuk mendapatkan permit membuka Taman Bimbingan Kanak-kanak (Kindergarten) adalah amat sukar diperolehi walaupun syarat-syarat yang diperlukan adalah lengkap dan memuaskan.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya ketahui sekiranya setiap syarat-syarat yang diperlukan oleh Pendaftar Sekolah-sekolah untuk mendaftarkan sebuah Taman Didikan Kanak-kanak (Kindergarten) telahpun dipenuhi oleh pemohon, maka saya tidak nampak bagaimanakah permit untuknya didapati sukar untuk diperolehi. Sekiranya benar ada kes seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, saya akan berasa sukacita sekiranya kes itu dirujuk kepada pihak Kementerian dengan segala detail yang lengkap untuk membolehkan pihak Kementerian membuat penyiasatan.

STADIUM TERTUTUP DI PERAK

15. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Perak tidak ada sebuah stadium bertutup (Indoor Stadium) dan oleh sebab itu beberapa pertandingan antarabangsa tidak boleh diadakan di Perak. Jika ya, sama ada beliau ada rancangan mendirikan sebuah Stadium bertutup (Indoor Stadium) di Ipoh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa buat ketika ini tidak ada Stadium bertutup di Negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak sedia ada rancangan untuk membina sebuah Stadium Tertutup di Ipoh berhampiran dengan Tepian Gelanggang Negeri Perak di Ipoh. Batu asas projek ini telah diletakkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 15hb September, 1978 dan pelaksanaan projek ini dijangka mula pada tahun ini.

PERJANJIAN DAMAI MESIR—ISRAEL

16. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri Negara-negara Islam yang telah diadakan di Rabat, Moroko baru-baru ini, di mana suatu keputusan telah diambil dari persidangan itu untuk mengutuk Perjanjian Damai Mesir-Israel di Kem David, dan nyatakan peranan Malaysia dalam soal ini bagi mengelakkan Kerajaan Malaysia daripada dikecam oleh setengah-setengah Kerajaan yang terlibat, terutama Negara-negara Timur Tengah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, di Persidangan Menteri-menteri Luar Islam yang ke 10 di Fez, Maghribi baru-baru ini, Malaysia tidak menentang atau menyokong penggantungan keanggotaan Mesir di Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam. Dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Malaysia pada persidangan-persidangan itu beliau telah membayangkan rasa kesal terhadap tindakan yang telah diambil terhadap Mesir itu dan kecurigaan sama ada tindakan tersebut benar-benar menguntungkan perpaduan Islam. Seperti yang saya nyatakan

dalam jawapan kepada soalan-soalan yang terdahulu berkenaan dengan perkara yang sama bahawa Malaysia tidak pernah membuat kenyataan terhadap Perjanjian Damai Mesir dengan Israel hanya sekadar menegaskan kepercayaan bahawa pertikaian Arab/Israel dapat diselesaikan dengan adanya satu penyelesaian yang comprehensive, adil dan berkeadilan. Untuk makluman Yang Berhormat Perjanjian Damai Mesir/Israel telah ditandatangani di Washington D.C. dan bukan di Camp David, Maryland.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Di atas penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas krisis Arab/Israel dan timbul pula krisis Arab dengan Arab, jadi soalan saya adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menawarkan diri untuk menjadi orang tengah dalam menyelesaikan krisis ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu perkara ini tidak timbul lagi.

JURUKAMERA DAN CREW RTM

17. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Penerangan menyatakan mengenai langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh Kementerian tersebut ke atas juru kamera dan 'crew'nya yang sentiasa bergerak bebas untuk membuat liputan berita bagi siaran Radio dan TV di tempat-tempat yang sulit dan penuh rahsia, terutamanya di bilik-bilik gerakan dan di mesyuarat-mesyuarat penting.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, juru-kamera-jurukamera dan crew RTM memang ditapis oleh Pegawai Keselamatan Kerajaan. Kawalan keselamatan selalunya diadakan oleh Penganjur di tempat-tempat di mana perkara-perkara sulit dan rahsia dibincangkan. Kawalan keselamatan serupa ini juga dikenakan kepada pegawai-pegawai RTM. Selain daripada itu pegawai-pegawai RTM terutama jurukameranya hanya diminta mengambil gambar-gambar yang difikirkan perlu sahaja. Ini selalunya dijalankan sebelum sesuatu Mesyuarat bercorak sulit atau rahsia dimulakan.

Setakat ini langkah-langkah seperti ini adalah didapati memuaskan.

RUMAH PANGSA UNTUK DIJUALKAN

18. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau telah meminta atau menasihatkan pihak-pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menjualkan unit-unit rumah yang dimiliki mereka kepada orang-orang yang menyewa rumah-rumah berkenaan selama sepuluh atau lima belas tahun seperti penghuni-penghuni rumah-rumah dan rumah-rumah pangsa di Jalan Rifles Range dan Jalan Shaik Madar, Pulau Pinang yang dimiliki oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah pangsa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu; iaitu di Jalan Rifle Range dan Jalan Shaik Madar adalah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang sendiri. Kedua-dua projek tersebut tidak dibiayai melalui peruntukan perumahan awam kos rendah dari Kementerian saya. Oleh itu masalah samia ada rumah tersebut hendak dijualkan atau disewakan adalah terpulang kepada budibicara pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang sendiri.

PERWAKILAN PERDAGANGAN MALAYSIA KE CHINA

19. Tuan Lee Kaw (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) (i) mengapakah perwakilan Malaysia ke Canton Trade Fair setiap tahun, termasuk perwakilan di bawah anjuran PERNAS, telah dikenakan dengan berbagai-bagai syarat-syarat terhad seperti mereka hanya dibenarkan melawat Canton sahaja dan tidak ke tempat-tempat lain;
- (ii) sama ada rakyat Malaysia, termasuk ahli-ahli perwakilan yang di bawah anjuran PERNAS, akan dibenar membuat lawatan-lawatan bebas ke China di masa hadapan setelah lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ke China baru-baru ini, dan jika tidak, mengapa; dan

- (b) (i) mengapakah perwakilan ke Canton Trade Fair terpaksa kena ditanya oleh Kementerian beliau sebaik sahaja mereka mendarat di lapangan terbang atau di Malaysia dan kadang-kadang nama-nama, nombor-nombor Kad Pengenalan serta tempat-tempat tinggal mereka terpaksa dicatitkan;
- (ii) sama ada syarat-syarat ini dikenakan ke atas setiap rakyat Malaysia termasuk pemimpin-pemimpin negara ini seperti Menteri-menteri Kabinet, sebaik sahaja mereka pulang dari China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Tujuan pemergian-pemergian perwakilan perdagangan ke Republik Rakyat China adalah semata-mata untuk urusan perdagangan dan ini adalah diselenggarakan dan diaturkan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan RRC. Oleh kerana pameran perdagangan ini hanya diadakan di Canton dan tidak ditempat-tempat lain, maka sebab itulah dihadkan bahawa lawatan itu hanya di Canton. Dan tidak ada sebarang perwakilan perdagangan lain selain daripada perwakilan perdagangan di bawah anjuran PERNAS yang diizinkan untuk melawat pameran perdagangan di Canton itu.
- (ii) Perkara ini telahpun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Keluang pada 11hb Jun, 1979 dan juga jawapan saya pada 12hb Jun, 1979. Jadi saya rasa tidak payahlah saya jawab.
- (b) (i) Langkah-langkah ini diambil semata-mata di atas sebab-sebab keselamatan; dan
- (ii) Syarat-syarat ini dikenakan kepada semua melainkan Menteri-menteri atau pegawai-pegawai yang melawat dengan rasmi.

PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA DENGAN KOREA SELATAN

20. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sikap yang perlu Malaysia ambil terhadap Kerajaan Korea Selatan, jika Kerajaan itu masih mengganggu penerbangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) ke Seoul.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, masalah Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan Republik Korea telah diselesaikan. Pegawai-pegawai Malaysia dan Republik Korea telah berjaya mencapai persetujuan baru. Mengikut persetujuan ini MAS berhak mengadakan 3 penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu ke Seoul melalui Taipei. MAS boleh mengangkut traffic pada semua sektor tersebut. MAS boleh menggunakan beberapa jenis Aircraft termasuk Airbus dalam perkhidmatannya ke Republik Korea.

KAL (Korean Airlines) juga diberi hak yang sama iaitu mengadakan 3 penerbangan seminggu ke Kuala Lumpur. Dengan adanya persetujuan baru MAS boleh menyambung semula perkhidmatannya ke Seoul. Oleh yang demikian masalah penerbangan MAS ke Seoul tidaklah berbangkit lagi.

PEGAWAI KANAN TENTERA— “OPTIONAL RETIREMENT”

21. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat ramai Pegawai-pegawai Kanan Tentera Udara/Laut/Darat meninggalkan atau berhenti dari perkhidmatan secara “Optional Retirement” atau sukarela. Adakah mereka tidak berpuashati dengan tanggagaji yang ada ataupun dengan peluang kenaikan pangkat. Jika ya, apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa tidaklah tepat jika dikatakan bahawa ramai pegawai kanan tentera kita telah meninggalkan atau berhenti dari perkhidmatan secara optional retirement atau secara sukarela. Setakat ini hanya 2.9% sahaja

daripada jumlah pegawai-pegawai kanan yang telah bersara semenjak 1hb Januari, 1976 kerana berbagai sebab. Jumlah ini adalah dianggap sebagai angka biasa di dalam sesuatu Angkatan Tentera yang sedang berkembang.

Sebab-sebab mereka ini berhenti atau meninggalkan perkhidmatan mereka adalah berbagai, ini termasuklah:

- (i) Telah genap umur untuk persaraan secara sukarela dan mereka layak menerima pencen dan ganjaran perkhidmatan.
- (ii) Telah genap umur di mana mereka terpaksa diberhentikan menurut syarat-syarat perkhidmatan dalam Angkatan Tentera.
- (iii) Berhenti kerana sebab-sebab peribadi sama ada kerana kesihatan ataupun lain-lain.
- (iv) Kerana kehilangan minat di dalam atau di luar kawalan diri mereka sendiri di mana mereka ini dipelawa supaya membuat permohonan mengundurkan diri dari meneruskan perkhidmatan mereka.

Yang demikian, jelaslah bahawa pemberhentian mereka bukanlah kerana tidak berpuas hati dengan tanggagaji yang ada ataupun tiada peluang kenaikan pangkat seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENGURUSAN PERDAGANGAN PERTANIAN

22. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa negara kita tersangat condong kepada kemajuan perindustrian berasaskan pertanian, sama ada langkah-langkah segera telah diambil untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia dalam lapangan pengurusan perdagangan pertanian bagi merapatkan jurang yang serius di dalam lapangan ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian adalah mengambil langkah memaju dan memperdagangkan sektor pertanian ke arah kemajuan perindustrian berasaskan pertanian.

Salah satu langkah yang sedang diambil ialah melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dengan menggalakkan ahli-ahli koperasi peladang menceburi bidang perindustrian seperti memproses koko, kelapa, kopi, kacang tanah, ubi kayu, tembakau, buah-buahan, pemulihan kilang-kilang padi dan sebagainya. Tenaga kakitangan yang mahir dan terlatih memang diperlukan. Kementerian bukan sahaja mengadakan kursus-kursus latihan bagi kakitangannya sendiri tetapi juga menghantar mereka berkursus di pusat-pusat latihan seperti INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara), MIM (Management Institute of Malaysia), NPC (National Productivity Centre) dan mengikuti kursus oleh agensi-agensinya Kerajaan tertentu seperti LTN (Lembaga Tembakau Negara), MARDI (Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia) dan lain-lain lagi. Kementerian juga telah menghantar beberapa orang kakitangannya berkursus pendek di luar negeri seperti di Filipina, Jepun, Australia. Pegawai-pegawai juga dihantar mengikuti kursus di peringkat ijazah dalam bidang perniagaan tani di Universiti Pertanian Malaysia.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu beberapa cara untuk melatih pegawai-pegawai daripada Kementerian beliau untuk menghadapi masalah ini dan hanya satu cara iaitu melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Latihan yang diberikan kepada mereka yang berkecimpung secara langsung di dalam soal kemajuan perindustrian berasaskan pertanian ini, saya ingin bertanya, adakah tidak ada cara-cara lain untuk memberikan latihan yang lebih banyak kepada mereka yang berkecimpung di dalam perindustrian itu sendiri, yang saya maksudkan selain daripada pegawai-pegawai?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, setakat mana yang dijalankan sekarang, setakat itulah yang boleh dijalankan oleh Kementerian kita.

RUMAH MURAH MUTUNYA RENDAH

23. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak rumah-rumah yang dibina oleh

pemaju-pemaju perumahan atau kontraktor-kontraktor di negara kita sangatlah rendah mutunya dan kebanyakan rumah-rumah yang telah siap banyak terdapat retak dan sebagainya. Adakah mereka itu benar-benar menumpukan sepenuh masa atau bersungguh-sungguh ke atas mutu rumah-rumah yang mereka bina dan kebanyakan dari kontraktor-kontraktor di negara ini cuma mementingkan kekayaan sendiri sahaja dan bukan kerana kepentingan rakyat dan negara. Jika ya, apakah langkah-langkah dapat mengatasi masalah ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Kementerian saya banyak menerima aduan-aduan yang serupa ini daripada pembeli-pembeli yang terlibat. Apabila Kementerian saya menerima sungutan begini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Bahagian Penguatkuasa membuat siasatan-siasatan mengenai perkara ini dan mencari sebab-sebab mengapa mutu-mutu pembinaan sekarang ini adalah tidak begitu baik. Banyak perkara-perkara yang menimbulkan keadaan begini dan terutama sekali ialah kurang pengawasan daripada pemaju-pemaju perumahan mengenai mutu pembinaan ini.

Selain daripada itu sebab-sebab yang diberikan oleh pemaju mengenai perkara ini ialah bahawa bahan-bahan binaan yang dikeluarkan sekarang ini adalah rendah mutunya dan tenaga buruh yang kurang mahir tidak dapat menghasilkan karya yang lebih baik. Pemaju-pemaju perumahan juga di dalam usahanya untuk mengurangkan perbelanjaan, ada yang tidak menggunakan profesional, misalnya akitek-akitek untuk mengawasi kerja-kerja pembinaan ini dan oleh itu soal mutu tidak dapat dikawal dan ini terserah kepada pemborong-pemborong atau pemaju-pemaju itu sendiri untuk menentukannya. Dalam hal ini di mana beberapa aduan telah dibuat kepada Kementerian saya, tindakan-tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Dalam beberapa hal, Kementerian saya telah mengarahkan pemaju-pemaju perumahan untuk memperbaiki keadaan-keadaan ini. Memandangkan keadaan ini masih berlaku pada masa ini, Kementerian

saya bercadang membuat beberapa pindaan kepada undang-undang mengenai kemajuan perumahan supaya pemaju mengambil perhatian lebih berat mengenai mutu binaan, dan juga pada masa akan datang menghendaki pihak-pihak profesional secara langsung terlibat di dalam pengawasan mutu-mutu binaan ini.

Di samping itu Kementerian saya sedang membuat kajian bagaimana kuasa-kuasa tempatan dapat membantu dalam hal ini. Langkah-langkah tersebut di atas adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah ini. Untuk membolehkan aduan-aduan dan masalah-masalah yang timbul antara pembeli dan pemaju mengenai soal ini, Kementerian saya bercadang untuk menubuhkan satu Panel Perumahan yang mana di antara lain tugas Panel ini untuk mengkaji masalah ini dan mengesyorkan cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa beliau bercadang untuk meminda undang-undang berkenaan bagi mengatasi masalah yang telah dibangkitkan di dalam soal ini. Soalan saya ialah sebelum undang-undang itu dibuat, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sebab yang utama adalah kurangnya pengawasan daripada pemaju-pemaju. Jadi apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di atas kurangnya pengawasan pemaju-pemaju ini supaya mereka dapat mengawasi lebih lagi sebelum menunggu pindaan undang-undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi iaitu pengawasan kepada pemaju-pemaju berkenaan mengenai lesen-lesen yang kita keluarkan begitu juga permit-permit iklan, Jadi kalau ada perkara-perkara itu, kita akan ambil tindakan melalui lesen-lesen dan juga melalui permit-permit iklan.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya, adakah rancangan-rancangan tertentu untuk menyediakan reka bentuk tertentu (standard design) bagi rumah

murah yang boleh digunakan ataupun boleh diikuti oleh pemaju-pemaju perumahan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak teknikal dalam Kementerian saya memang ada membuat reka bentuk yang sesuai mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud sekiranya pemaju-pemaju itu telah membina rumah-rumah yang kurang bermutu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud bahawa lesen mereka akan diambil balik.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah yang kurang bermutu ini kalau rumah itu harga rendah, memanglah mutu yang hendak digunakan itu tidak dapat rumah harga tinggi dan rumah harga tinggi yang kurang mutunya inilah yang menjadi masalah pada hari ini iaitu rumah yang harga mahal mutunya kurang, tetapi rumah harga murah, mutunya tidak dapat diadakan dengan mutu yang baik—rumah harga tinggi ia buat mutu yang tidak baik. Kebanyakan pemaju-pemaju mengadakan rancangan perumahannya ialah rumah harga tinggi dan sehingga hari ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah menetapkan kepada pemaju-pemaju perumahan supaya harga rumah itu diiklankan dalam iklannya. Jadi sebelum kita mengeluarkan permit iklan ataupun lesen, pemaju-pemaju perumahan dikehendaki memberitahu Kementerian, berapakah harga rumah-rumah itu yang hendak dijual kepada penghuni-penghuni.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendengar jawapan Timbalan Menteri tentang rumah harga mahal dan rumah harga murah, saya dapati jawapan beliau seolah-olah menyatakan bahawa rumah harga murah itu tidak bermutu, dan bila rumah murah tidak bermutu, Kementerian tidak dapat membuat apa-apa. Apakah ini sikap Kementerian Perumahan terhadap rumah-rumah harga murah dan Kementerian sebaliknya pula hanya menumpukan perhatiannya melindungi rumah-rumah harga mahal sahaja.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya membetulkan, bukan rumah itu tidak bermutu, rumah itu murah, mutu yang diadakan itu harganya murah. Jadi bukan mutu rumah itu rendah. Kementerian saya sentiasa hendak membuat rumah dengan harga rumah awam kos rendah, tetapi mutu rumah itu dikehendakki baik dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan No. 24 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

PELABURAN DALAM KEBUN KOKO/KOPI

12. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan yang dibuat untuk menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian dalam pembangunan pertanian dengan melabur dalam kebun-kebun koko, kopi dan lain-lain sebesar estet di Sarawak.

Tuan Edmung Langgu anak Saga: Buat masa ini Kementerian Pertanian belum ada rancangan untuk menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian dalam pembangunan pertanian secara besar-besaran di dalam kebun-kebun koko, kopi dan lain-lain, kerana buat masa ini perhatian penuh diberi kepada pekebun-pekebun kecil, petani-petani dan nelayan-nelayan untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka.

MINYAK KELAPA SAWIT

24. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa oleh kerana perusahaan minyak kelapa sawit di negara kita akan menjadi satu daripada punca-punca pendapatan eksport yang terbesar mengatasi perusahaan getah pada masa akan datang, sama ada langkah-langkah telah diambil untuk mengwujudkan kajian mutu tinggi bagi memperbaiki cara-cara pengeluaran dan mencari penggunaan-penggunaan yang baru bagi minyak kelapa sawit.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Memandangkan pengeluaran minyak kelapa sawit yang dijangka bertambah dalam tahun-tahun

akan datang, iaitu pada paras 2.3 juta dan dalam tahun 1980 dan kira-kira 4 juta tan dalam tahun 1985, memang tidak dapat dinafikan bahawa perusahaan ini akan terus menjadi satu daripada punca-punca pendapatan eksport yang terbesar di negara ini. Dalam keadaan di mana pengeluaran minyak kelapa sawit sentiasa menghadapi persaingan dengan lain-lain jenis minyak sayuran dan lemak di pasaran dunia, pihak Kementerian saya sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap perkembangan perusahaan ini. Seperti Ahli Yang Berhormat mungkin telah maklum Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah badan penyelidikan yang bernama Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa sawit Malaysia (PORIM) berkuatkuasa pada 15hb. Mei, 1979 yang lalu. Badan ini bertanggungjawab atas semua bidang penyelidikan kelapasawit termasuklah meninggikan kecekapan pengeluaran dan keperluan kegunaan akhir serta mencari kegunaan-kegunaan baru bagi bahan ini. Sebuah makmal sementara telahpun didirikan untuk menjalankan projek-projek penyelidikan yang segera. Dalam pada itu sebuah makmal penyelidikan yang tetap sedang dirancang untuk disiapkan dalam tahun 1980—1981.

Sungguhpun Instituti itu belum menjalankan penyelidikan secara fizikal kerana ianya baru sahaja ditubuhkan, ianya telah merangka suatu rancangan penyelidikan yang menyeluruh yang akan merangkumi semua aspek penting kelapasawit dan minyak kelapasawit. Untuk tujuan meninggikan dan memperbaiki cara-cara pengeluaran, rancangan itu akan mengandungi kajian-kajian cerakin dan penyelidikan pemerosekan. Kajian-kajian itu akan meliputi penyelidikan yang teliti ke atas pembiakan benih dan tumbuhan, berbagai aspek fisiologi dan agronomi terutamanya penggunaan baja dan kaedah-kaedah pengutipan buah dan pengangkutan yang akan diikuti dengan siasatan tentang kemungkinan penggunaan jentera. Selanjutnya kajian itu akan menumpukan kepada proses pengambilan minyak di kilang-kilang dengan tujuan mengatasi beberapa ketidak sempurnaan dalam proses itu seperti penggunaan tenaga yang banyak, kerugian minyak, pengoksidaan dan pengotoran besi. Seperti yang terkandung juga dalam rancangan itu, penyelidikan

mengenaigunaan akhir (end-uses) minyak kelapasawit akan dijalankan dengan tujuan memperluas, mempelbagai dan mencari kegunaan-kegunaan baru bagi bahan itu bukan sahaja untuk tujuan makanan tetapi juga untuk tujuan yang bukan makanan seperti sabun, bahan pencuci dan asid lemak.

FLUORIDATION—KESAN ATAS KESIHATAN MANUSIA

25. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kegunaan "fluoridation" mempunyai kesan-kesan atas kesihatan manusia sepertimana didakwa oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan sama ada apa-apa kajian mendalam telah dijalankan untuk menentukan sama ada kegunaan bahan tersebut boleh menjejaskan kesihatan manusia, dan oleh kerana bandar Kluang merupakan bandar yang pertama di mana fluoridation digunakan sama ada satu kajian yang menyeluruh telah dijalankan untuk mendapati sama ada penduduk-penduduk di bandar tersebut mempunyai apa-apa kesan buruk akibat penggunaan fluoridation.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Daripada penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian scientific yang telah dibuat di serata dunia sepanjang 30 tahun semenjak fluoridation ini diadakan, tidak ada menunjukkan apa-apa kesan yang buruk atas kesihatan manusia, tetapi sebaliknya telah membuktikan kekurangan kerosakan gigi kepada mereka yang menggunakan air minum yang mengandungi fluoride paras optima itu seumur hidup. Atas sebab-sebab inilah Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengesyorkan bahawa fluoridation digunakan untuk mengurangkan kejadian kerosakan gigi di kalangan rakyat di negara-negara anggotanya.

Satu Jawatankuasa, Kementerian Kesihatan telah diwujudkan dalam tahun 1971 untuk menasihatkan Kementerian Kesihatan atas perlaksanaan fluoridation. Ahli-ahlinya terdiri dari Pegawai-pegawai Bahagian Kesihatan, Pusat Penyelidikan Perubatan (IMR), Jabatan Kimia, Kementerian Kerja Raya (Bekalan Air) dan Bahagian Pergigian. Laporan rasmi itu telah membuat syor bahawa fluoridation dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Di bandar Kluang, di mana fluoridation telah dilaksanakan selama 14 tahun semenjak awal tahun 1966, telah dibuat satu kajian dalam tahun 1973 di mana didapati kekurangan kerosakan gigi sebanyak lebih daripada 60 peratus di golongan tiap-tiap kanak-kanak. Kementerian Kesihatan tidak mempunyai data-data yang menunjukkan bahawa fluoridation yang diadakan di bandar Kluang itu menyebabkan atau menunjukkan ada terbukti penyakit-penyakit yang lain seperti yang dialami oleh penduduk-penduduk di tempat-tempat yang tidak ada fluoridation. Keadaan yang serupa didapati di masyarakat Johor Bahru dan Singapura yang mana fluoridation telahpun dilaksanakan serentak lebih daripada 20 tahun dahulu, tidak juga menunjukkan ada akibat-akibat yang buruk ke atas kesihatan manusia. Apa yang didapati di ketiga-tiga tempat, iaitu di Kluang, di Johor Bahru dan di Singapura, ialah kerosakan gigi lebih berkurangan daripada tempat-tempat yang tidak ada fluoridation.

PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA DI UNIVERSITI

26. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menambahkan penuntut-penuntut bukan Bumiputra ke dalam Universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Penambahan dalam pengambilan pelajar-pelajar bukan Bumiputra ke Universiti-universiti tempatan telahpun diterangkan di Dewan ini pada 11hb Jun, 1979 yang lalu. Saya tidak bercadang menambah kenyataan saya itu.

DUTI IMPOT BUAH-BUAHAN

27. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan akan menimbang menarik balik duti impot ke atas buah-buahan sebagai cara membantu pengguna-pengguna Malaysia memperoleh buah-buahan yang murah, dan jika tidak, kenapa.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, duti impot yang dikenakan atas sesuatu barang itu adalah atas tujuan-tujuan tertentu. Duti impot yang dikenakan atas buah-buahan adalah untuk

memberi perlindungan kepada petani-petani yang menanam buah-buahan tempatan. Dengan tidak secara langsung, duti impot ini akan memberi galakan kepada penduduk negara ini memilih buah-buahan tempatan. Ini akan menjimatkan pertukaran wang asing kepada negara dan juga membolehkan petani-petani dan penanam buah-buahan tempatan memperoleh pendapatan yang lebih. Berasaskan kepada tujuan-tujuan yang saya telah nyatakan, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik duti impot ke atas buah-buahan.

Walau bagaimanapun, sebagai Ahli Yang Berhormat sendiri maklum, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk membolehkan pengguna-pengguna memperoleh buah-buahan pada paras harga yang lebih rendah. Duti impot atas buah-buahan telah diturunkan sebanyak 50% dalam Belanjawan 1979 yang lalu. Di samping itu tindakan juga telah diambil supaya pihak peniaga menyalurkan faedah dari penurunan duti tersebut kepada pengguna-pengguna.

KEMALANGAN PERUSAHAAN

28. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan kemalangan</i>	<i>Bilangan pekerja diliputi</i>	<i>Peratus</i>
1974	39,808	503,407	7.1%
1975	41,986	645,933	6.5%
1976	45,447	808,739	5.6%
1977	47,917	933,604	5.1%
1978	50,152	11,091,997	4.6%

Adalah jelas, dari angka-angka di atas, bahawa walaupun bilangan kemalangan telah bertambah daripada 39,808 dalam tahun 1974 kepada lebih 50,000 pada tahun 1978, akan tetapi kadar kemalangan tersebut telah berkurangan daripada 7.1% dalam tahun 1974 kepada hanya 4.6% dalam tahun 1978.

Kementerian saya sentiasa memandang berat perkara ini, dan telah menjalankan berbagai-bagai langkah untuk mengurangkan bilangan dan kadar kemalangan ini. Di samping menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967, dan berbagai-bagai peraturan-peraturannya, pegawai-pegawai dari jabatan

ada beliau sedar bahawa terdapat lebih banyak kemalangan perusahaan berlaku dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghalang kejadian-kejadian tersebut dan bagaimana mangsa-mangsanya diberi bayaran pampasan dan adakah mereka diberi bayaran pampasan secukupnya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Saya sedar bahawa bilangan kemalangan perusahaan telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Ini adalah disebabkan oleh bertambah bilangan perusahaan baru yang didirikan dan juga lebih ramai pekerja-pekerja yang diambil bekerja buat pertama kalinya.

Sungguhpun bilangan pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan adalah bertambah tahun demi tahun, akan tetapi kadar peratusan kemalangan itu telah berkurangan dari setahun kesetahun. Hakikat ini dapat dibuktikan dengan berpandukan kepada angka-angka kemalangan yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial dari tahun 1974 hingga tahun 1978, seperti berikut:

tersebut juga mengadakan rancangan-rancangan galakan yang bertujuan untuk mewujudkan suasana kerja yang sihat dan selamat. Aktiviti yang dijalankan termasuklah menganjurkan seminar-seminar, memberi ceramah-ceramah kepada pihak pengurusan, pihak pekerja, badan-badan sukarela, Kesatuan Sekerja, Institusi-institusi Pelajaran dan lain-lain badan seperti Kerajaan, berserta dengan pertunjukan filem-filem keselamatan dan mengeluarkan serta mengedarkan surat-surat berita yang berkaitan dengan kemalangan dan penyakit-penyakit perusahaan. Tujuan utama aktiviti-aktiviti ini ialah untuk menggalakkan pekerja-pekerja

dan pihak pengurusan untuk memainkan peranan mereka dalam bidang keselamatan ditempat kerja. Tanggungjawab pihak pengurusan bukan sahaja untuk mematuhi kehendak-kehendak Undang-undang tetapi juga untuk menanam semangat bekerjaselamat di kalangan pekerja-pekerja dengan memberi galakan-galakan yang sesuai supaya dapat memupuk minat dengan kerjasama pihak pengurusan, pekerja dan Kerajaan barulah kita dapat mengurang dan mengelakkan berlakunya kemalangan di dalam perindustrian.

Mengenai perkara bayaran pampasan kepada mangsa-mangsa kemalangan ini, seperti biasa, adalah layak untuk mendapat faedah sama ada di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 atau di bawah Akta Keselamatan Sosial 1967 di kawasan di mana Akta ini telah dilaksanakan.

Kadar faedah ini adalah sejajar dengan Covensi Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Kementerian saya berpendapat bahawa bayaran faedah yang dibayar adalah berpatutan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar faedah di bawah Ordinan Pampasan Pekerja telah ditambah sekali ganda mulai dari 1-1-1977. Sementara berbagai-bagai faedah di bawah Sekim Keselamatan Sosial telah juga dinaikkan pada 1hb Mac, 1979.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus mengkaji semula Undang-undang ini dan jika difikirkan perlu, pindaan yang sewajarnya akan dikemukakan, untuk memperbaiki lagi faedah-faedah kepada pekerja-pekerja kita.

SIMEN DI KELANTAN—KEKURANGAN

29. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab berlakunya kekurangan bahan binaan seperti simen dan besi di Kelantan pada awal tahun 1979 hingga kini adalah kerana masalah pengangkutan. Jika ya apakah ikhtiar-ikhtiar telah dijalankan oleh beliau untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kekurangan bahan simen di Kelantan pada awal tahun 1979 bukanlah semata-mata disebabkan oleh

masalah pengangkutan sahaja. Umpamanya di dalam pengangkutan simen berkampit dengan keretapi ke merata-rata tempat di Semenanjung Malaysia, pihak Keretapi Tanah Melayu hanya akan membekalkan gerabak-gerabak kosong kepada pembekal-pembekal simen berkampit yang utama di negara ini iaitu Associated Pan Malaysia Cement (APMC) dan CIMA. Pihak Keretapi Tanah Melayu tidak berkuasa untuk menentukan ke mana simen-simen ini perlu dihantar oleh pembekal-pembekal.

Bagi mengatasi masalah ini beberapa tindakan akan dan sedang dibuat iaitu:

- (i) Pegawai-pegawai Keretapi Tanah Melayu telah mengadakan rundingan dengan pengilang-pengilang simen. Pihak Keretapi Tanah Melayu telah menasihatkan mereka supaya 35% gerabak-gerabak yang diberikan kepada mereka digunakan bagi pengangkut simen ke Pantai Timur. Keretapi Tanah Melayu juga telah memberi maklumat-maklumat mengenai destinasi perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu untuk mengangkut simen kepada pengilang-pengilang simen tersebut.
- (ii) Membuat rancangan bagi mengangkut simen secara terus daripada kilang ke negeri-negeri ke Pantai Timur.
- (iii) Atas permohonan pihak SEDC pihak Keretapi Tanah Melayu bersetuju membekalkan 10 buah gerabak bagi mengangkut simen kepunyaan SEDC tiap-tiap minggu.
- (iv) Bagi kiriman simen dari negeri Perlis ke Kelantan pula, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk meminta kebenaran Kerajaan Thai menggunakan landasan Keretapi dari Padang Besar ke Sungai Golok.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam bulan Mei ini sejumlah 7,483 ton simen telah diedarkan ke Kelantan dan ini adalah mengatasi had keperluan di Kelantan iaitu sebanyak 7,000 ton sebulan.

Berhubung dengan pengangkutan besi dari Singapura ke Kelantan, Keretapi Tanah Melayu tidak menghadapi apa-apa masalah di dalam pengangkutan trafik ini.

RAKYAT MALAYSIA LAHIR DI NEGERI ASING

30. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan taraf kewarganegaraan untuk:

- (a) kanak-kanak yang dilahirkan dari ibubapa rakyat Malaysia di negeri-negeri asing; dan
- (b) kanak-kanak yang dilahirkan dari ibubapa rakyat Malaysia di sesebuah kapal di lautan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bagi menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa segala perkara yang ditanyakan itu termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Silalah buat rujukan sewajarnya.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

31. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga barang-barang dan barang-barang keperluan di Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga barang-barang dan barang keperluan di Semenanjung Malaysia; sama ada kawalan harga ke atas barang-barang dan barang keperluan di kedua-dua negeri ini akan dikenakan dengan tujuan mengurangkan beban orang-orang miskin dan jika tidak mengapa.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Memanglah saya sedar bahawa harga barang-barang dan barang-barang keperluan di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi lagi daripada harga di Semenanjung Malaysia. Perbezaan harga ini berlaku adalah kerana kos tambang kapal yang tinggi untuk membawa muatan ke kedua-dua negeri tersebut. Ini adalah disebabkan pada kebiasaannya kapal-kapal dari Semenanjung yang membawa muatan ke Sabah dan Sarawak tidak dapat membawa balik muatan yang mencukupi dari kedua-dua negeri tersebut. Di samping itu, kos pengangkutan dalam negeri, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, akan mengakibatkan kenaikan harga barang-barang tersebut juga.

Dalam perkara ini, inginlah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa

walaupun harga barang-barang di negeri-negeri tersebut adalah lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia, tetapi kedudukan harganya sentiasa stabil, misalnya harga susu, tepung, besi, gula dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengisytiharkan 19 jenis barang-barang sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Di samping itu, sejumlah 21 jenis barangan untuk kegunaan di hari-hari perayaan juga diisytiharkan sebagai barang kawalan mulai daripada awal bulan puasa sehingga tamatnya Perayaan Tahun Baru China. Selanjutnya, Kementerian saya juga telah mengambil tindakan untuk mewartakan 111 jenis barangan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 sebagai barang-barang yang diwajibkan untuk ditandakan harganya. Kesemua tindakan yang diambil adalah bertujuan untuk mengawal dan menstabilkan harga barangan di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya juga menyiasat ke atas aduan-aduan yang diterima sama ada dari orang perseorangan atau badan-badan tertentu. Kerjasama dari orang ramai adalah mustahak dan perlu dalam perkara ini dan setiap aduan yang diterima adalah diberi perhatian serius oleh Kementerian saya.

PEGAWAI KADAZAN DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

32. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan keturunan Kadazan yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dengan memberikan perpecahan jawatan mengikut tingkatan tertinggi, Bahagian Satu, Bahagian Dua, Bahagian Tiga dan Bahagian Empat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Bilangan pegawai Kerajaan keturunan Kadazan yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan 'A' dalam Tingkatan Tertinggi	6 orang
Kumpulan 'A'	32 orang

Kumpulan 'B'	148 orang
Kumpulan 'C'	1,084 orang
Kumpulan 'D'	1,709 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa klasifikasi jawatan-jawatan di bawah Laporan Gaji Kabinet ianya tidak lagi mengikut Bahagian I, II, III dan IV, tetapi adalah berdasarkan kepada Kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D'.

KAD PENGENALAN DI SABAH

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kad-kad pengenalan yang dikeluarkan di Sabah kepada berbagai-bagai kaum seperti pada 30hb. April, 1979 berbanding dengan kadar kelahiran mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah bilangan kad pengenalan yang telah dikeluarkan di Sabah mulai 1hb Jun 1972, iaitu tarikh kuatkuasa Undang-undang Pendaftaran Sabah (1972) sehingga 30hb. April, 1979 ialah 520,288. Bukanlah menjadi dasar dan amalan Kementerian ini untuk menyimpan rekod-rekod pemegang-pemegang kad pengenalan mengikut pecahan kaum, sama ada di Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung Malaysia.

Tahun	Impot (\$ juta)	Ekspot (\$ juta)	Jumlah Perdagangan (\$ juta)	Imbangan Perdagangan (\$ juta)
1974	492.89	216.60	703.49	-282.29
1975	356.20	128.30	484.51	-228.90
1976	341.30	113.43	454.70	-227.90
1977	345.40	294.30	639.70	- 51.10
1978	509.40	250.80	760.20	-258.60

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat sama ada sekatan-sekatan yang dikenakan untuk peniaga-peniaga dan pelancung-pelancung akan dilonggarkan, sukalah saya memaklumkan iaitu jawapan tersebut telahpun diberi oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada 11-6-79 dan

PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA—CHINA

34. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi angka-angka perdagangan dengan Negeri Republik Rakyat China dalam masa lima tahun yang lalu, sama ada kadar perdagangan telah bertambah sejak perhubungan diplomatik diwujudkan dan sama ada sekatan-sekatan yang dikenakan untuk peniaga-peniaga dan pelancung-pelancung akan dilonggarkan.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China telah meningkat dengan kadar tetap semenjak perhubungan diplomatik diwujudkan pada bulan Mei, 1974, iaitu dari \$703.5 juta pada tahun 1974 kepada \$760.2 juta pada tahun 1978. Impot daripada Republik Rakyat China yang bernilai \$492.9 juta pada tahun 1974 telah meningkat kepada \$509 juta dalam tahun 1978. Ekspot Malaysia ke Republik Rakyat China telah juga meningkat daripada \$216.6 juta dalam tahun 1974 kepada \$250.8 juta dalam tahun 1978.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, angka-angka perdagangan dengan Republik Rakyat China dalam masa lima tahun yang lalu (1974-1978) adalah seperti berikut:

saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

PENDATANG HARAM VIETNAM MENJADI PEROMPAK

35. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dari manakah datangnya

senjata dan bot yang digunakan oleh perompak-perompak Vietnam ke atas nelayan-nelayan kita baru-baru ini dan adakah ini ada kaitan dengan bot polis yang diberitakan hilang dari Pulau Bidong baru-baru ini. Adakah benar bahawa pendarang-pendatang haram di Pulau Bidong telah membuat sampan-sampan dari bahan plywood yang diuntukkan bagi pembinaan perumahan mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kejadian rompak ke atas nelayan-nelayan baru-baru ini telahpun dijawab pada 22hb Jun 1979 lalu yang mana perkara tersebut masih dalam siasatan.

Mengenai pendarang-pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong membuat sampan-sampan dari bahan plywood itu adalah benar. Tetapi walau bagaimanapun sampan-sampan tersebut telah dimusnahkan.

SIGNSBOARD PEMAJU PERUMAHAN

36. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada menjadi satu kesalahan kepada syarikat pemaju perumahan yang tidak mengadakan signboard syarikatnya bila membuat sesuatu bangunan atau projek perumahan. Jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Menyentuh soalan daripada Ahli Yang Berhormat, signboard untuk projek perumahan adalah merupakan salah satu bentuk iklan yang dibuat mengenai satu-satu projek perumahan itu. Sama ada pemaju mengadakan signboard atau tidak bagi projek perumahan itu tidak menjadi kesalahan oleh kerana pemaju boleh mengiklankan projek perumahan dalam bentuk-bentuk lain seperti mengiklankan di akhbar-akhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekiranya pemaju-pemaju hendak mengadakan signboard tersebut maka ianya terlebih dahulu hendaklah mendapat kelulusan dari Kementerian saya. Yang penting di sini pemaju tersebut hendaklah mendapat permit iklan daripada Kementerian saya terlebih dahulu dan sebelum itu mendapat satu lesen pemaju perumahan. Permit iklan selain daripada membenarkan pemaju membuat iklan di dalam apa-apa bentuk, juga membenarkan pemaju-pemaju membuat kutipan-kutipan wang tempahan daripada pembeli-pembeli.

DOKTOR ASING DAN PENGAMBILAN PEGAWAI TADBIR

37. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa masalah pengaliran cerdik pandai adalah suatu masalah besar yang sedang dihadapi oleh Malaysia sekarang, walaupun Kerajaan berulang-kali menafikannya ia tetap menjadi satu kenyataan:

- (a) sama ada benar bahawa doktor-doktor asing dibayar gaji yang lebih tinggi dari doktor-doktor tempatan; dan
- (b) berhubung dengan pengambilan sebilangan doktor-doktor asing pula, yang mana salah satu sebab yang diberi ialah kita kekurangan pegawai-pegawai perubatan yang berkelayakan, bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini bilangan doktor-doktor yang terlibat dalam kerja-kerja pentadbiran seperti menandatangani surat-surat harian, cek-cek persediaan inden bagi pembekalan dan pembelian dan tugas-tugas lain yang tidak sesuai bagi seseorang doktor. Di setiap negeri, Pengarah atau Timbalan Pengarah termasuk Penyelia tidak merawat pesakit-pesakit. Sekiranya sesuatu sistem disusun maka akan didapati sekurang-kurangnya 100 orang doktor merawat pesakit-pesakit dari menjalankan tugas-tugas kerani yang boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai tadbir oleh yang demikian, apakah tujuan Kerajaan dalam hal ini atau adakah Kerajaan akan terus mem-bazirkan wang rakyat dengan mem-biarkan doktor-doktor dengan ijazah MBBS menjalankan tugas-tugas kerani.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Adalah tidak benar bahawa doktor-doktor asing dibayar gaji yang lebih tinggi dari doktor-doktor tempatan. Gaji yang dibayar kepada semua doktor dalam Tingkatan Biasa adalah mengikut tanggagaji yang berkuatkuasa sekarang, iaitu mengikut Kod Gaji A15, yang mana gaji permulaannya ialah \$1,225/- dan gaji maksimumnya \$2,205.
- (b) Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah menempatkan Pegawai-pegawai Pentadbir (PTD dan PTA) di semua pejabat

Pengarah Negeri dan Pejabat Penguasa Perubatan untuk menjalankan tanggungjawab pentadbiran yang bukan professional.

Pegawai-pegawai Professional pada peringkat negeri dan di hospital-hospital adalah bertanggungjawab ke atas perkhidmatan pengurusan professional di tiap-tiap negeri dan hospital. Mereka menguruskan surat-menyurat yang memerlukan keputusan professional dan juga tanggungjawab Ketua Jabatan yang tidak boleh diperturunkuasa (delegated) kepada pegawai-pegawai pentadbir.

Saya perlu menegaskan bahawa Kementerian Kesihatan adalah menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan ikhtisas, dan pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan ini juga hendaklah menjadi sebahagian dari tanggungjawab-tanggungjawab doktor-doktor yang berkenaan. Dalam proses pengurusan ini, mereka juga adalah dikehendaki menjalankan sedikit sebanyak tugas-tugas pentadbiran.

PEKERJA-PEKERJA LADANG

38. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar beberapa ladang-ladang yang dimiliki oleh Syarikat Sime Darby, Guthrie dan Syarikat-syarikat lain mengambil kerja "pelatih-pelatih" untuk menjalankan tugas-tugas biasa yang dijalankan oleh kakitangan-kakitangan ladang-ladang untuk selama lebih daripada tujuh tahun tanpa mengesahkan mereka di dalam jawatan mereka; dan
- (b) jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk hentikan penindasan jenis ini yang telah menempatkan pelatih-pelatih ini dalam keadaan "limbo" dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memaksa syarikat-syarikat berkenaan untuk mengesah dan menempatkan pelatih-pelatih berkenaan dalam perkhidmatan tetap syarikat berkenaan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Ya, saya sedar bahawa ada terdapat amalan-amalan di ladang-ladang yang menggaji pekerja-pekerja

mereka, sebagai "pelatih-pelatih". Akan tetapi penggajian ini adalah atas dasar persetujuan dan persefahaman di antara pekerja-pekerja dengan majikan mereka itu sendiri. Mereka digaji sebagai pelatih oleh kerana beberapa sebab, seperti kekurangan pengalaman dan kelulusan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, dalam satu atau dua tahun yang lepas, setelah "pelatih-pelatih" ini menjadi ahli-ahli Kesatuan Sekerja, maka issue ini diperjuangkan oleh Kesatuan Sekerja, dengan secara berunding terus dengan majikan-majikan mereka, dan banyak kes-kes seperti ini telah diselesaikan.

Mana-mana kes-kes yang tidak dapat diselesaikan secara runding damai oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan, di bawah Kementerian ini, dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) TAHUN 1979 (BIL. 2) TAHUN 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (26hb Jun, 1979)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak ada siapa lagi petang semalam waktu ditangguhkan hendak bercakap, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

Maksud P. 31—

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan membuat beberapa syor-syor dan juga yang telah memberi sokongan terhadap usul ini. Hujah-hujah yang telah dibuat itu akan

diambil perhatian dan di mana perlu akan diambil tindakan sewajarnya sama ada oleh pihak Kerajaan, oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank Rakyat sendiri.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya memilih pegawai-pegawai yang jujur untuk Bank Rakyat, rasa saya ini bukan sahaja tepat untuk Bank Rakyat bahkan ini adalah satu syarat penting untuk berjayanya sesebuah institusi itu dan juga berjayanya satu-satu dasar Kerajaan.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, saya rasa ini tidaklah dirasakan perlu, kerana pertamanya Pendaftar Kerjasama (Registrar of Co-operative) mempunyai kuasa-kuasa yang agak luas untuk menyelia segala syarikat-syarikat kerjasama termasuklah Bank Rakyat di negara ini dan lebih penting lagi Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan-peruntukan Khas) 1978 ada mempunyai peruntukan-peruntukan yang agak lengkap mengenai bidang-bidang kawalan dan penyeliaan dan pengawasan Bank Rakyat iaitu termasuklah kuasa bagi Menteri memberi kuasa untuk memeriksa buku-buku dan lain-lain dokumen yang ada di Bank Rakyat ataupun yang ada di subsidiarinya dan seperti yang telah dijamin oleh kedua-dua Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Menteri Pertanian langkah-langkah akan terus diambil untuk memulihkan kedudukan di Bank Rakyat.

Saya juga ingin menegaskan kepada Yang Berhormat bahawa keperluan \$155 juta khususnya \$55 juta yang diminta kali ini adalah dianggarkan dalam tahun 1977 berdasarkan kepada akaun-akaun yang belum diodit setakat 30-6-1977 maka jumlah terakhir yang diperlukan belumlah boleh ditentukan setakat pada masa ini. Dan juga ingin saya menegaskan bahawa jumlah ini adalah pinjaman yang diberi kepada Bank Rakyat dengan syarat-syarat yang tertentu.

Juga Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada menyatakan hasrat beliau mengapa kita semuanya tidak menunjukkan, dengan izin, outrage atau shock terhadap perkara Bank Rakyat ini. Sebenarnya bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional

yang merasakan outrage tetapi rasa saya lebih-lebih lagi pihak Kerajaan sendiri, bukan sahaja outrage tetapi merasa sangat keciwa yang penyelewengan seperti ini telah berlaku. Tetapi ada bezanya di antara perasaan outrage antara Ahli Pembangkang dengan Ahli-ahli Kerajaan iaitu pertamanya Ahli-ahli Pembangkang telah meluahkan segala-gala perasaan yang ada melalui ucapan-ucapan yang berapi-api. Tetapi di pihak Kerajaan perasaan outrage dan kesal itu dirasakan dengan keinsafan bahawa tindakan tegas mesti diambil segera untuk memperbaiki kerosakan yang telah dibuat itu. Meluahkan perasaan dalam ucapan-ucapan tidak akan membetulkan keadaan, hanya langkah-langkah positif sahaja yang akan dapat memberi kesan, itulah sebabnya Usul ini dikemuka kepada Dewan yang mulia ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$55,000,000 untuk Kepala P. 31 disetujui menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud P. 61 yang berjumlah sebanyak \$50,705,702. Sila.

Maksud P. 61—

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya memohon membentangkan Anggaran Tambahan Belanja Pembangunan Kedua Tahun 1979 bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Kepala Bekalan P. 61 berjumlah \$50,705,702.

Tambahan berjumlah \$50,705,702 ini adalah diperlukan untuk penambahan ekuiti Kerajaan Persekutuan di dalam Lembaga Letrik Negara. Dari jumlah ini sebanyak \$20,705,702 adalah diperlukan sebagai bayaran gantirugi kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang di atas pengambilalihan pembekalan letrik daripadanya oleh Lembaga Letrik Negara.

Dalam tahun 1979 LLN telah mengemukakan jumlah kekurangan wangnya sebanyak \$150 juta. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah bersetuju untuk menambah ekuitinya sebanyak \$90 juta lagi dan jumlah ini akan diberi dengan secara beransur-ansur. Sebagai ansuran pertama, Kerajaan telah bersetuju untuk mengeluarkan sebanyak \$30 juta.

Pada tahun ini LLN memerlukan punca kewangan yang besar kerana LLN sedang melaksanakan projek-projek besar seperti Projek Janaelektrik Perai, Peringkat 3, Projek Janaelektrik Pasir Gudang, Projek-projek Transmission dan Projek Bekalan Letrik Luar Bandar yang makin bertambah.

Saya suka memaklumkan bahawa Lembaga Letrik Negara telah mengambilalih Jabatan Bekalan Letrik Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang mulai 1hb Januari, 1976. Dalam proses pengambilalih ini, Kerajaan telah bersetuju untuk membayar gantirugi bersih kepada Jabatan Bekalan Letrik Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang berjumlah \$20,705,702. Gantirugi bersih ini dikira dari nilai harta yang dipunyai oleh Jabatan Bekalan Letrik Lembaga Pulau Pinang dan yang diambilalih oleh LLN setelah ditolak dengan tanggungan Jabatan itu.

Suka juga saya menjelaskan bahawa penilaian harta-harta ini telah dibuat secara "book value" bagi harta-harta perlu yakni essential assets dan mengikut harga pasaran bagi assets yang tidak perlu atau non-essential asset seperti rumah-rumah kakitangan, tanah dan sebagainya. Kerja-kerja penilaian ini telah dijalankan oleh satu kumpulan kerja di bawah Jawatankuasa Pengambilan yang terdiri dari Bahagian Perancang Ekonomi, Perbendaharaan, LLN, Lembaga Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kerjaraya yang bertanggungjawab ke atas LLN sebelum LLN dipindahkan ke bawah Kementerian ini.

Dengan ini saya memohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan sebanyak \$50,705,702 di bawah Kepala Bekalan P. 61 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka, diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Perbelanjaan di bawah Maksud

P. 61 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1979 ini diluluskan dan sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.47 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos iaitu Maksud P. 61 sebanyak \$50,705,702 iaitu bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini.

Saya berpendapat ini juga mustahak sebab banyak lagi perkara-perkara berkaitan dengan bekalan letrik di luar bandar dan di dalam bandar belum beres. Begitu juga dengan pondok-pondok telefon.

Tuan Pengerusi, kita telah merdeka 21 tahun lebih tetapi masih lagi sebilangan penduduk-penduduk luar bandar masih di dalam kegelapan dan mereka ini belum dapat lihat TV yang dipunyai oleh mereka sendiri, hanya dapat melihat TV di rumah kawan-kawan mereka sahaja yang ada bekalan letrik. Maka dengan ini, saya rasa peruntukan ini bukan setakat banyak yang dipohonkan bahkan patut ditambah lagi supaya rakyat yang merdeka di Malaysia ini dapat mengecapi nikmat kemerdekaan. Dan juga patutlah kampung-kampung yang ketinggalan yang belum sampai bekalan letrik ini diberi perhatian. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.49 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam membahaskan permohonan yang telah dibuat oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan tambahan sebanyak \$50,705,702 sebagaimana yang diterangkan dalam Kertas Perintah 18/1979 ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya dapat isyarat di sini, ucapannya tidak jelas didengar. Diharap bercakap kuat sedikit.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Insya Allah.

Tuan Pengerusi, mengikut peruntukan asal untuk mencerahkan Malaysia ini, dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, kalau tidak silap \$410 juta yang ditulis di sini dan kalaulah \$410 juta ini dapat dibelanjakan dengan baik dan dapat dilaksanakan projek-projek dengan baik, dengan teratur, saya rasa sudah cukup bagi Malaysia ini untuk memberi faedah kepada rakyat jelata dalam segi hendak mencerah rumah, mencerah halaman, mencerah segala-galanya dan untuk projek-projek yang lain, atau apa sahaja projek yang hendak menggunakan kuasa letrik ini. Tetapi nampaknya, soal electricity sudah jadi soal politik, ia tidak jadi soal untuk memberi kepentingan asasi kepada orang ramai. Minta maaf, sebab, Tuan Pengerusi ada bersama-sama saya di London baru-baru ini iaitu pada 14hb.

Tuan Pengerusi: Apa kena-mengena itu dengan ini?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Saya hendak sebut fasal bab elektrik ini yang saya kata sudah jadi permainan politik.

Dalam pertemuan rombongan Tuan Pengerusi dengan saya bersama-sama dengan pelajar-pelajar di London ada seorang pelajar bangun dan bertanya sama ada betulkah atau tidak di waktu pilihanraya tahun 1978 hari itu salah seorang daripada Menteri Besar dalam Malaysia ini dalam kempennya, katanya kalau kawasan ini Barisan Nasional kalah, tiang-tiang yang dipacak ini dan kayu-kayu tiang yang telah dibawa dengan lori-lori ini hendak dibawa balik ke tempat asalnya. Kebetulananya kawasan itu Barisan Nasional kalah, dia angkat balik—habis.

Tuan Pengerusi: Dia menunaikan janjilah itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Pengerusi kata ini soal tunai janji, jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini tunai janji. Dia kata sudah kalah dia hendak bawa balik—bawa baliklah. Ini masalah yang berbangkit.

Saya rasa soal elektrik ini tidak usah buat kejam begitulah, nampak tak elok sangat. Kita nampak LLN mengagungkan Kerajaan adil, bijaksana, tetapi kalau macam itu Kerajaan tak bijaksana, nampak macam Kerajaan bekerja tak berapa elok.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, setengah daripada \$50 juta ini iaitu \$20,705,702 ini hendak diberikan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang. Saya ucapkan terima kasih kerana Pulau Pinang dekat dengan negeri Kedah sebab barangkali tenaga daripada Pulau Pinang itu yang disalurkan ke negeri Kedah ini. Jadi sudah diambil alih, sekarang duduk benar-benar dalam tangan LLN yang Timbalan Menterinya pun muda, banyak lagilah, tak usah dipuji sangat. Masalah sekarang inipun jadi juga soal elektrik ini bahan politik, khasnya di antara kawasan PAS dengan kawasan UMNO di dalam negeri Kedah fasal parti lain itu tak berapa hendak susah sangat sebab yang berlagu teruk di negeri Kedah ini PAS dengan UMNO. Jadi kadang-kadang sedih juga, Tuan Pengerusi, benar-benarlah kampung ini sama sahaja, lepas kampung PAS, kampung UMNO, kadang-kadang kampung UMNO duduk di sana, kampung PAS di sini, jadi pencawang elektrik duduk di sana, dia lalu tempat kampung PAS ini tak ada, tetapi ada di kampung UMNO sana. Sedih juga ini, mengalir juga air mata anak-anak orang PAS ini. Anak-anak orang UMNO tengok TV, sekarang ada TV Warna pula, anak orang PAS hendak pergi ke rumah orang UMNO ia tak beri pula, ia kata ini anak PAS. Inipun satu bala juga, Tuan Pengerusi. Saya rasa dan berharap sangat dalam soal-soal ini sudah menjadi tujuan matlamat Kerajaan kita.

Saya masa di London juga, Tuan Pengerusi, terbaca satu line antara Perdana Menteri sekarang ini dengan Perdana Menteri yang kalah itu, hak perempuan dengan hak laki-laki itu.

Tuan Pengerusi: Bukan hak, Perdana Menteri laki-laki, Perdana Menteri perempuan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Perdana Menteri laki-laki itu kalah, Perdana Menteri perempuan menang. Perdana Menteri perempuan itu berkata soal berkempen ini memanglah macam-macam kita berkempen tetapi sekarang ini saya sudah menang, jadi Kerajaan sekarang ini saya tak kira, awak orang Labour Partykah, awak orang Liberalkah, semua adalah tanggungjawab saya untuk memberikan kebaikan kepada rakyat jelata ini. Jadi hak ini yang saya mahu, Tuan Pengerusi.

Tahun 1983 nanti kita tengok, sekarang ini tak usah kira apa, ada projek-projek kita beri semua sekali. Yang saya kasihan sekali kawasan Kuala Muda inipun tak ada apa—gelap juga. Itu tak apalah fasal jauh, di Ulu Banat sana—kata orang Kedah tetapi macam kawasan saya di Kota Setar ini dekat sangat dengan Alor Setar, tetapi Alor Setar cerah. Oleh kerana kawasan saya banyak orang PAS fasal itu saya menang—gelap juga. Ini tak patut. Walau bagaimanapun saya berharap, saya tak hendak sokong hendak beri duit ini, memang kalau untuk demi kepentingan orang ramai (rakyat) saya boleh berdiri 5 jam saya hendak beri sokongan tetapi kalau demi kepentingan parti politik—jangan, tak boleh, Tuhan marah sebab wang ini bukan wang Kerajaan tetapi wang rakyat. Jadi kalau sudah wang rakyat biarlah dikembali balik keseluruhan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat yang lain bercakap, ucapan tadi itu sebenarnya dicakapkan pada ucapan dasar, bukan pada dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa ini tumpukan boleh atau tidak boleh dan mengapa patut dibenarkan \$50,705,702 ini diberikan untuk menggantikan sebagai bayaran gantirugi kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang tetapi fasal cerita tadi baik juga, seronok, orang lain nampaknya dengar jadi saya biarkan juga, sampai London sampai Kedah, ini Pulau Pinang sahaja.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda.

3.57 ptg.

Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Pengerusi, saya memang tidak ada ingatan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini tetapi dengan sebab nama kawasan saya telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar maka suka saya bangun untuk memberi penerangan sedikit berkenaan dengan pendirian saya sendiri sebagai Wakil Rakyat dan juga dahulu sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam hal elektrik (LLN) pada masa itu. Pada masa dahulu saya memang tegas dalam soal ini, iaitu soal elektrik ini tidak ada sempadan politik, memang patut diberikan kepada semua tempat yang harus menerima kemudahan-kemudahan elektrik ini dan

begitu jugalah sikap saya sebagai Wakil Rakyat yang biasa pada hari ini.

Pada masa dahulu, lebih-lebih lagi semasa saya menjadi Pengerusi Lembaga Perancang Keluarga, saya memang sangat bergiat untuk mencuba supaya dapat lebih banyak lagi elektrik itu disampaikan kepada kawasan-kawasan luar bandar kerana dengan jalan itu dapat kita kawalkan sedikit biaknya beranak yang berlaku di tempat-tempat yang gelap. Kalau ada hobi, misalnya ada elektrik adalah TV, ada radio, kurangnya sedikit masuk kelambu cepat, dengan itu jarak beranak itu sudah turun dengan sebab dasar yang kita berikan elektrik kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi tak usahlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar bimbang dalam kawasan Kuala Muda, saya dengan kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan akan berikhtiar supaya semua rakyat, tidak kira apa warna corak parti politiknya akan mendapat kemudahan-kemudahan yang sewajar mereka itu mendapat sebagai rakyat yang biasa.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap atas satu perkara sahaja.

Baru-baru ini di Pulau Pinang telah berlaku breakdown dalam perbekalan electricity selama satu hari setengah dan kilang-kilang elektronik di Bayan Lepas mendapat kerugian yang besar yang melebihi \$2 juta. Saya rasa ini adalah satu perkara yang sangat serius dan satu perkara yang tidak akan beri satu imej yang baik untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur kepada negara kita.

Kalau negara kita tidak mengadakan satu perbekalan electricity yang licin yang tidak selalu tergendala, saya rasa ini akan jadi satu 'black mark' kepada iklim pelaburan di tanahair kita dan perkara ini bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang, tetapi pun selalu berlaku di Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan mengakibatkan kerugian yang besar.

Sungguhpun kita ada mendengar banyak penjelasan mengenai load-shedding tetapi apa yang tidak boleh dinafikan ialah satu rancangan tidak cukup untuk menjamin

sungguhpun kita menghadapi drought atau kemarau, perbekalan yang stabil, yang cukup untuk keperluan di tanahair kita.

Saya harap dengan peruntukan ini untuk Pulau Pinang dan lain-lain tempat di tanahair kita pihak LLN dan Kementerian yang berkenaan boleh mengulangkaji masalah ini dan menentukan supaya perkara ini tidak berlaku dan kerugian yang boleh dielakkan tidak juga berlaku.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

4.03 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong permohonan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebanyak \$50,705,702 di bawah Maksud P. 61.

Untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha pembangunan yang sedang pesat berjalan dan keperluan-keperluan tenaga yang dikehendaki bagi memenuhi Dasar Ekonomi Baru, maka saya dengan sukacitanya menyokong supaya peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos itu diluluskan bahkan jika tidak cukup seyogianya ditambah lagi. Ini ialah kerana memandangkan bahan tenaga perhubungan dan pos ini satu unsur yang amat penting. Tanpa bahan tenaga segala-galanya akan lumpuh dan segala pembangunan yang dicita-citakan akan terbengkalai.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya dapati banyak lagi kawasan-kawasan pendalaman di sekitar tanahair kita dari semenjak merdeka hingga sekarang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan bekalan elektrik, khususnya beberapa tempat di kawasan saya yang bernama Semerah Darat. Peruntukan yang dipohon tidaklah banyak hanya sebanyak lebihkurang \$300,000. Usaha mendapatkan bekalan elektrik ini telah diperjuangkan tahun demi tahun, pilihanraya demi pilihanraya tetapi belum juga mendapat perhatian. Maka dengan terlulusnya peruntukan yang dipohon ini, saya berharaplah kawasan Semerah Darat ini akan dimasukkan dalam senarai projek

yang akan diluluskan kalau ada baki dan koret-koret. Inipun bukan saya memaksa, hanya merayu dan mendayu. Walau bagaimanapun Semerah adalah berpuas hati dan berterima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang baru-baru ini telah meluluskan beberapa projek bekalan elektrik di kawasan luar bandar dan ini disambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan dan tidak ada ungkai kata yang terpuaya dilafazkan selain daripada jutaan terima kasih.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan menyediakan bekalan elektrik bersungguhsungguh disediakan oleh Kementerian tetapi kelambatan terus berlaku. Ini adalah kerana beberapa faktor. Kadang-kadang peruntukan ada bahan yang diperlukan tiada atau peruntukan ada, bahan ada, suasana tidak mengizinkan kerana urusan pengambilan tanah yang lambat atau keengganan penduduk menebang pokok-pokok dan lain-lainnya. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya usaha-usaha pembeli tiang-tiang lampu buatan tempatan seyogialah digalakkan daripada membeli tiang-tiang lampu yang diperbuat atau yang diimport daripada negara-negara lain seperti Indonesia kerana tiang lampu yang diperbuat daripada kayu itu biasanya tidak tahan dan usaha-usaha membuat tiang lampu daripada batu haruslah diusahakan di negara ini sendiri dan seyogianya diberi perhatian iaitu kita mempunyai bahan-bahan mentah yang diperlukan seperti simen, pasir, besi dan air-air percuma di sekitar kawasan lombong itu bolehlah digunakan untuk membuat tiang-tiang lampu dan dengan ini dapat menyelamatkan berjuta-juta ringgit wang negara dan dapat menjalankan pembinaan dengan segera.

Dengan ini saya menyokong anggaran sebanyak yang dipohonkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.06 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan sebanyak \$50.7 juta kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebagaimana yang dibentangkan pada hari ini.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa rancangan elektrik ini akan diutamakan di luar-luar bandar kerana perlaksanaanya \$30 juta itu akan dijalankan dengan seberapa segera. Apa yang saya hendak menekankan di sini, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya rancangan-rancangan elektrik ini dibawa ke tempat-tempat yang mundur, di tempat-tempat yang ketinggalan seperti di Kelantan.

Kalau saya hendak cerita hal ketinggalan di Kelantan ini kalau 18 tahun ketinggalan maka 18 tahun lamanya kita dapat ceritakan tentang ketinggalan yang terdapat di Kelantan. Kalau sebelum daripada ini pembangunan dapat dibuat di negeri-negeri lain, misalnya di Trengganu, di Pahang, di kawasan Pekan ataupun di kawasan-kawasan lain di sebelah Pantai Barat ini saya rasa sampailah masanya sekarang pelaksanaan itu dititikberatkan di negeri Kelantan terutama di kawasan Pasir Puteh kerana dia sempadan dengan Besut.

Kalau negeri Trengganu dan Besut itu kecerok-cerok rantaunya penuh dengan elektrik menyala maka di Pasir Puteh kawasan yang berhampiran tidak mendapat rancangan elektrik luar bandar. Saya mintalah ketinggalan yang terdapat di Kelantan selama 18 tahun itu sekurang-kurangnya dapat dipenuhi dalam masa dua tahun ini ataupun sebelum kita menghadapi pilihanraya masa akan datang kerana sebagaimana kata saya tadi bahawa untuk memasukkan api elektrik ini merupakan janji kita kepada rakyat untuk memberi dan menaikkan taraf hidup rakyat. Jadi kalau sekiranya kita memberi api elektrik merupakan satu sumbangan Kerajaan kita kepada penduduk luar bandar.

Sebagaimana saya kata tadi, Pasir Puteh bersempadan dengan Besut. Jadi segala pembangunan di Besut itu dapat dilihat oleh orang Kelantan. Maka dengan sebab itulah juga perubahan politik yang berlaku disebabkan oleh rindunya orang Kelantan kepada pembangunan dan suasana yang lebih baik, api elektrik, maka dengan sebab itulah pembangunan ini saya minta diutamakan di negeri Kelantan.

Kita tahu sebagaimana yang disebutkan tadi kita kekurangan pegawai untuk memasang elektrik, tetapi sebagaimana saya katakan tadi

kalau kita kekurangan pegawai kita pinjamlah pegawai-pegawai dari kawasan-kawasan lain, kita bawa ke Kelantan sekejap kerana negeri Kelantan ini tertinggal lama dari segi pembangunan api elektrik dan juga pembangunan lain itu ada juga tetapi oleh kerana kita bincang elektrik maka kita sebut elektrik sahaja. Sebenarnya, projek yang dijalankan di Kelantan sekarang ini kebanyakan projek lama-lama untuk tahun 1976, 1977 yang pada masa dahulu tidak berjalan kerana kekurangan pegawai dan kelengkapan dan mungkin dengan sebab lain-lain seperti kekurangan wang. Projek 1980, 1981 dan 1982 belum lagi berjalan kerana menyudahkan saki-baki yang lama. Jadi, saya mintalah kalau boleh projek 1979, 1980 dan 1981 ini akan dapat disegerakan dan pegawai-pegawai itu biarlah sebagai satu task force untuk buat gerakan kilat di negeri Kelantan supaya ketinggalan yang saya sebut 18 tahun itu dapat dikurangkan sedikit, kalau tidak dapat melebihi daripada negeri-negeri lain. Jadi inilah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya benda ini dapat disegerakan atau dapat diberi perhatian istimewa kepada negeri Kelantan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya teringat kepada kekurangan kakitangan tadi walaupun sudah ada ataupun belum lagi diadakan, jadi saya minta supaya diadakan skim latihan pegawai-pegawai LLN itu. Kalau sudah ada pun hendaklah dipergiatkan dan ditambah lagi kerana kita tidak mahu disebut beberapa kali bahawa kita kekurangan pegawai, kekurangan kakitangan teknik untuk menjalankan pemasangan atau pelaksanaan api elektrik. Begitu juga kedengaran kita kekurangan kontraktor dalam bahagian teknik yang terdiri daripada bumiputra. Ini juga saya rasa inisiatif ataupun daya-usaha daripada pihak Kementerian ini supaya dapat memberi latihan bukan sahaja pegawai, menambahkan latihan pegawai LLN tetapi juga kontraktor bumiputra dalam pemasangan elektrik ini supaya dapat bukan sahaja menambah lagi sumbangan bumiputra dalam benda ini tetapi dapat mempercepatkan pelaksanaan api elektrik itu di luar bandar.

Selain daripada itu, saya menyebutkan satu perkara lagi yang kadang-kadang benda dalam negeri kita juga kekurangan sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari

Semerah tadi, kita bergantung kepada kayu untuk membuat tiang elektrik, tetapi malangnya oleh kerana kita terlampau banyak mengeksport kayu ke luar negeri, kadang-kadang kita terlupa kegunaan dalam negeri kita yang digunakan oleh Kerajaan sendiri sebenarnya, saya ingin mengatakan satu perkara walaupun dinafikan, tetapi saya jumpa kepada pegawai LLN sendiri bahawa kita kekurangan kayu untuk membuat tiang elektrik kadang-kadang untuk permintaan bagi negeri Kelantan pun dihantar sehingga mengikut bulan, misalnya, sebulan dihantar 200 batang, bulan depan pula 200 batang jadi macam ada kuota penghantarannya. Jadi, benda-benda seperti ini sepatutnya tidak timbul kerana benda ini kegunaan Kerajaan dan benda ini dihasilkan dalam negeri kita.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyentuh sedikit soal api elektrik dibangkitkan oleh wakil dari Kota Star. Sebenarnya, dalam Dewan inilah baru saya dengar orang PAS berkehendakkan elektrik. Yang saya tahu kalau di kampung-kampung dia pernah sebut elektrik. Yang saya tahu kalau di kampung-kampung dia pernah sebut elektrik dan tak pernah minta elektrik. Dalam Dewan ini baru saya dengar dia minta elektrik, kerana dia pergi ke kampung, dia tak sebut, dia tak sebut berkehendakkan elektrik, cuma dia kata, "Apa guna elektrik? Tok nenek kita pakai pelita ayam!" Ini ayat yang digunakan oleh PAS. Mungkin dengan simbol "BULAN" itu dapat menerangkan rakyat, tak tahulah. Tetapi inilah baru saya dengar dia berkehendakkan elektrik. Jadi tak usahlah ambil hati sangat pihak Timbalan Menteri apa yang dikatakan itu. Hatinya berkehendakkan, tetapi masa kempen pilihanraya tak berkehendakkan. Oleh sebab dia menimbulkan benda ini kita menggunakan sebagai issue politik.

Sebenarnya rancangan-rancangan Kerajaan yang kita jalankan ini banyak ditentang oleh pihak Pembangkang, terutama PAS kalau di Kelantan. Banyak yang menghalang supaya rancangan kita ini tidak dijalankan, misalnya, kalau pemasangan dawai elektrik itu tidak dapat dijalankan disebabkan oleh tanah atau sebab-sebab lain, kalau kita pergi tanya tanah itu tanah siapa, tanah itu tidak dapat dilalui dawai elektrik, itulah tanah orang PAS. Ini

saya ada bukti cukup, bukan bercakap atas nafsu atau hendak menuduh sesiapa. Kalau kita pergi ke satu kawasan itu hendak dimasukkan taliair umpamanya, kita tanya sama ada hendak masukkan taliair, maka tanah yang menjadi masalah dalam pembinaan taliair itu adalah tanah orang PAS. Jadi begitulah kalau dawai lalu pun, kalau menyebabkan masalah tanah, maka tanah yang tak dapat dipasang dawai itu sehingga berbulan-bulan, kadang-kadang sampai bertahun-tahun untuk menyelesaikan masalah tanah.

Kalau pihak LLN pergi gali lubang untuk memasang tiang, sebelum sempat kita pasang, esoknya kita tengok dikambus balik lubang itu. Ini kenyataan dan saya ada buktinya. Jadi inilah satu cara yang saya katakan tadi api elektrik itu dalam Dewan ini orang PAS bercakap meminta bekalan elektrik kerana rakyat tak berapa dengar barangkali, tetapi kalau di kampung-kampung dia mendesak supaya jangan memberi kerjasama kepada rancangan Kerajaan dalam pembangunan, walaupun hasrat Kerajaan ingin memberikan pembangunan seperti itu dan halangan besar di Pasir Putih untuk memasang dawai elektrik adalah tuan-tuan tanah terdiri daripada ahli PAS tidak membenarkan memasang dawai elektrik atas tanah itu. Jadi kalau ada timbul masalah tidak adil dalam pemasangan letrik itu, saya rasa pihak Timbalan Menteri tak usahlah mengambil hati, kerana apa yang penting ialah kita beri kepada orang yang hendak dan orang yang mahu, kerana sebagaimana kita tahu ialah mereka itu lebih pentingkan pelita ayam daripada api letrik, sebagaimana kehendak setengah pemimpinnya yang berlaku di Kelantan sehingga 18 tahun rakyat Kelantan telah diputarakan pemikirannya dalam soal apakah perlunya elektrik. Ini soalnya. Walau bagaimanapun, setelah Kerajaan baru ini memerintah, permintaan rakyat begitu tinggi terhadap api elektrik. Jadi saya sekali lagi berharap kepada pihak Timbalan Menteri titik-beratkan kepada negeri Kelantan, diutamakan Kelantan kerana seperti saya kata tadi selama ini rakyat tidak sedar tentang perlunya elektrik, tetapi sekarang ini baru sedar. Jadi kalau kita istimewa sedikit di kawasan luar bandar seperti itu adalah boleh menguntungkan Kerajaan sebagaimana kata wakil dari Kuala Muda tadi kalau sudah terang

lambat sedikit kita tidur. Ini akan memberikan faedah kepada rakyat.

Pada hari ini nampaknya nada DAP slow sedikit. Jadi dia menyokong Anggaran Tambahan ini dan saya ucapkan terima kasih kerana sokongan itu. Walaupun sokongan itu ada juga bendanya memberi pertanyaan kepada pihak Menteri tetapi walau macam mana pun sokongan itu adalah baik dan kalau tiap-tiap kali DAP sokong bukannya baik? Benda ini kalau tak sokong pun, Kerajaan buat juga, kerana sebagaimana kita tahu yang berlaku kelmarin, misalnya, dia tak sokong, tetapi undang-undang itu lulus juga. Jadi, hari ini eloklah dia sokong seperti ini dan saya harap kalau ada undang-undang lagi sokonglah, beri sokongan jangan tengok sahaja.

Sekali lagi saya menyokong peruntukan \$50.7 juta ini dan saya harap pembangunan ini ditumpukan ke negeri yang mundur seperti Pantai Timor.

Tuan Pengerusi: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan dan sebelum daripada itu, bagaimana yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi bahawa sepatutnya wakil dari Kota Setar bercakap dalam perkara dasar tetapi oleh sebab sebagaimana bola itu melanting begitulah melanting balik, dengan sebab itu izinkanlah saya bercakap sedikit dalam soal yang sama.

Tuan Pengerusi, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kota Setar tadi yang mengatakan Kerajaan kita hari ini memilih bulu, kalaulah kepada parti-parti Pembangkang tidak diberi sama sekali. Ini adalah kenyataan yang tidak benar sama sekali. Saya suka menyatakan di tempat saya sendiri iaitu dalam kawasan Kangar, bukan sahaja parti Pembangkang, yang saya tahu di Perlis itu kebanyakannya adalah UMNO dan PAS, sama-sama Melayu, yang satu golongan UMNO dan satu golongan lagi PAS. Katanya pihak LLN tidak beri kepada orang PAS, ini

tidak betul sama sekali, bahkan orang PAS ini bukan kadar dia hendak dapat api sahaja tetapi bila sesuatu rancangan hendak dimasukkan, dia sendiri cari peluang berjumpa dengan pihak-pihak kontrektor yang akan memasang supaya mendapatkan kantin dan sebagainya.

Kalaulah seorang UMNO misalnya kena sampai \$500 atau \$600 untuk memasang api elektrik tetapi setengah orang PAS tidak sampai sebanyak itu dia menjadi agen dengan pihak yang akan memasang tadi. Itulah yang biasa terjadi pada negeri Perlis. Tetapi walau macam mana pun, saya bersetuju dengan pendapat kawan saya tadi, memang PAS ataupun parti Pembangkang di mana pun dia ikut irama seperti kata orang, lain padang lain belalang; dia ikut keadaan. Kalau dalam pilihanraya dia mengatakan api ini tidak berguna tetapi apabila dapat api elektrik, katanya hendak pula. Ini sebagai satu bukti Kerajaan ini baik. Katanya Kerajaan memang kena beri kepada semua rakyat, itu bukan parti yang baru, Kerajaan pula pendek kata pihak Pembangkang ini ada sahaja, kita macam ini, dia bertindak balas dengan cara lain. Kenyataannya lebih tepat lagi dia tidak mahu mengaku kebenaran atas apa yang kita buat. Itulah yang saya suka hendak menjelaskan apa yang dikatakan oleh wakil dari Kota Setar tadi adalah tidak benar, khususnya di kawasan Kangar sendiri tidak berlaku, orang-orang PAS juga banyak yang dapat—tidak ada satu kampung pun yang kita tinggalkan, kecuali ada satu-satu perkara yang tidak dapat dielakkan, kadang-kadang UMNO pun banyak kita tinggalkan. Dalam soal ini, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan moga-moga perkara ini dapat kita atasi.

Tuan Pengerusi, soal yang diminta untuk diberi kepada Pulau Pinang tadi, saya berpendapat amatlah wajar, kerana hari ini kita tahu elektrik yang dipasang oleh swasta dan sebagainya tentulah harganya lebih tinggi daripada yang dijalankan oleh Kerajaan ataupun LLN sendiri. Boleh jadi ini berlaku di Pulau Pinang maka dengan sebab itu ia ambal alih dan diberi gantirugi oleh Kerajaan. Saya percaya walaupun di Perlis negeri yang kecil, ada juga tempat-tempat yang dijalankan oleh swasta. Kalau tidak silap saya, ada tiga tempat di Perlis, pertama di Kuala Perlis; yang kedua, di Pekan Kaki Bukit dan yang ketiga di

Padang Besar. Di tempat-tempat ini telah lama dipasang elektrik tetapi oleh pihak swasta. Elektrik ini sebagaimana kita tahu ada caranya dipasang oleh LLN, swasta dan ada juga yang pakai Deko dan ini lebih mahal belanjanya. Yang keduanya pihak swasta tadi, saya dapat tahu di Padang Besar, Kaki Bukit dan Kuala Perlis, mereka kata perbelanjaannya berlipat ganda daripada yang dipasang oleh LLN sendiri. Jadi, saya berharap, janganlah Pulau Pinang sahaja diberi gantirugi, kepada tempat lain pun yang saya contohkan di Perlis ada tiga tempat, boleh jadi negeri lain pun harus ada dalam Malaysia. Kalau ada, hendaklah diambil alih cepat oleh Kerajaan, kalaulah didapati pihak swasta atau badan perniagaan itu akan menanggung kerugian yang besar, carilah subsidi ataupun apa yang patut oleh Kerajaan supaya dapat diambil alih dengan segera. Kalau tidak diambil alih dengan segera akibatnya pengguna elektrik dengan cara swasta tadi berlipat kali ganda pembayarannya daripada yang kita kena bayar kalau dipasang oleh Kerajaan. Oleh itu, saya harap perkara ini akan diambil alih dengan segera kepada semua negeri khususnya macam saya katakan di Perlis ada tiga tempat.

Tuan Pengerusi, satu lagi dari segi elektrik yang selalu berlaku, di Perlis saya ucapkan terima kasih, kerana saya dapat tahu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberi peruntukan tambahan lagi, ini saya ucapkan terima kasih. Tetapi apa yang menjadi musykil ataupun problem yang selalu timbul, kebanyakan kita yang kena bayar tadi dibayar oleh Kerajaan kecuali yang kena dibayar oleh pengguna wayar elektrik yang masuk dalam rumah, tiang-tiangnya dibayar oleh Kerajaan. Tetapi kalaulah terlewat daripada masa yang ditetapkan maka tiang yang terlewat dipasang tadi hendaklah dibayar oleh pengguna itu sendiri. Ini telah berlaku beberapa perkara yang amat rumit yang ditanggung oleh Wakil-wakil Rakyat khususnya oleh Menteri-menteri Besar sendiri. Itu berlaku dalam negeri Perlis kerana orang yang telah dapat pasang dahulu, dia tidak payah bayar harga tiang tetapi yang terkemudian, sekian-sekian masa yang ditetapkan oleh LLN terpaksa dibayar harga tiang kerana rancangan itu terlewat daripada masa yang ditetapkan. Tetapi yang menjadi sedih, apa terjadi kepada pihak yang terlewat tadi,

bukanlah salah pengguna itu sendiri tetapi salah pihak setengah kakitangan pegawai tidak membanci rumah dan tanah, kalau dibancipun kadang-kadang keciciran borang yang berkenaan. Maka dengan kerana keciciran borang yang berkenaan bila hendak pasang pula dia kena pasang lain, dia kena bayar 100% harga tiang, maka dengan sebab itu dituduh Kerajaan dan Wakil Rakyat tidak adil; mengapa dia tidak kena bayar, yang aku kena bayar? Kata kita kerana tuan terlewat. Dia kata: aku dibanci mengapa tidak diambil? Kata pihak sana hilang dan sebagainya. Ini biasa berlaku. Saya harap perkara macam ini kalau boleh jangan berlaku lagi dan yang berlaku saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih dan saya percaya benda ini bukan sahaja berlaku di kawasan saya harus di tempat lain juga, dia minta laporan lengkap, insya Allah saya akan hantar kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menjauhi perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi menjadi masalah elektrik ini perkara yang banyak timbul. Satu-satu kawasan kita tetap hendak pasang elektrik, ada peruntukan tetapi tidak boleh masuk kerana tiang elektrik ini sebagaimana kita tahu dia menghendaki dawai jangan ada lintangan pokok dan sebagainya. Kalau ada pokok mesti ditebang. Yang rumitnya dalam satu-satu kampung, ini biasa berlaku; kata pihak LLN elektrik boleh dipasang di kampung itu dengan syarat semua pokok-pokok yang hendak dilalui oleh tali elektrik ataupun tiang elektrik mesti ditebang. Ramai orang yang suka pokok-pokok ditebang kecuali seorang hamba Allah sebagaimana kata wakil Pasir Putih tadi waima dia kedekut pokok itu dia tidak bertebang kadang-kadang dia hendak sabotajkan dasar Kerajaan atau kehendak orang ramai, dia kata: aku tidak beri tebang pokok itu. Undang-undang Kerajaan tidak ada, kalaulah boleh saya merayu kalaulah segi lain kita keluarkan berpuluh juta ringgit untuk diberi kepada rakyat dan kita hendak buat batas dan sebagainya mengikut rancangan kemudahan-kemudahan buat batas kita boleh buka tanah, harga tanah TOL pun diberi dengan harga pokok kalau hendak buat batas dan sebagainya, kalaulah boleh saya fikir kita bubuh satu syarat, tiap-tiap pokok yang berharga boleh dibayar oleh Kerajaan, kalau

boleh itu saya berharap. Kalau tidak boleh juga adakan satu undang-undang, demi kepentingan orang ramai misalnya satu kampung ada 100 buah rumah jangan kerana satu buah rumah, kata: aku tidak beri tebang 99 buah rumah akan mengakibatkan kerana seorang tidak beri, ini mengakibatkan kelayakan semua, Tuang Pengerusi, amatlah tidak adil. Kalau tidak boleh bayar harga, adakan undang-undang mahu tidak mahu demi kepentingan umum mesti ditebang. Macam kita selalu buat batas sama ada awak beri atau tidak beri tanah Kerajaan hendak ambil, dia kena beri juga. Dari segi elektrik saya rasa kita kena buat begitu. Kalau tidak, banyak kampung yang diperlukan, yang ditetapkan oleh Kerajaan hendak pasang dahulu ketinggalan sampai tiga, empat tahun disebabkan satu dua orang yang degil menentang dasar Kerajaan ataupun kerana kedekut pokoknya tidak boleh tebang. Ini selalu berlaku. Jadi, saya harap sangatlah kalau boleh diubah dasar, kalau tidak boleh diubah dasar adakan satu undang-undang jangan kerana seorang mengakibatkan ramai yang rugi.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya harap kalau boleh elektrik ini banyak mana orang kampung hendak, banyak mana sahaja rancangan Kerajaan hendak menggunakan di luar bandar, kita pasang. Kalau diminta peruntukan \$100 juta misalnya hendak mengadakan elektrik seluruh Malaysia khususnya di luar bandar, kita tahu dalam bandar kebanyakannya ada, patut diadakan besar-besaran kerana pada pendapat saya, tidak ada satu rancangan Kerajaan yang rugi, jangka panjang untung, rugi itu saya agak itu pun jangka pendek, jangka panjang untung juga macam Pejabat Kebajikan kerana kita beri tidak boleh dapat balik. Kalau dikaji dari segi agama dia untung sebab dapat pahala dari Tuhan tetapi dari segi lain buat batas dapat buat elektrik kita dapat hasil yang banyak sebab dengan adanya elektrik pertama dapat bekalan api, kedua dengan adanya elektrik orang pakai TV banyak, dengan adanya TV kita dapat cukai. Dengan adanya elektrik serba-serbinya ada kementerian, tiap-tiap benda itu semua Kerajaan akan dapat cukai. Saya tidak fikir satu benda yang kita adakan akan dapat kerugian. Dengan sebab itu, saya harap sangat-sangat peruntukan yang diminta ini kalau boleh cari jalan tambah lagi asalkan

untuk menerangkan seluruh Malaysia kita. Tentang pegawai itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan awasilah betul-betul, saya tidak salahkan Menteri, saya tidak salahkan Timbalan Menteri, kedua-dua Menteri, baik Menteri, baik Timbalan Menteri, orangnya penuh dedikasi yang rajin bekerja, tetapi maklumlah, beliau bukan boleh buat seorang, pegawainya berilah kursus dan beri tahu betul-betul, kadang-kadang ada pilih kasih sangat; satu kampung ketinggalan oleh kerana, minta maaf, Tuan Pengerusi, saya kata ini ada kenyataan, kalau Menteri hendak tahu saya boleh beri tahu, kadang-kadang tidak patut rumah itu dapat, dia beri dapat dahulu, rumah yang patut dapat tidak dapat, kerana cara sedikit ini dia tidak masuk. Cara masuk ini serba-serbi ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tajuk ini ialah penyertaan ekuiti oleh Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara. Yang Berhormat tumpukan perbincangan ini kepada perkara yang berkaitan sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Kesimpulannya saya menyokong peruntukan yang telah diminta dan saya harap kalau boleh lebihkan lagi supaya rancangan elektrik ini dapat berjalan dengan baik dan saya suka menegaskan di sini supaya segala-galanya tidak akan dapat dilaksanakan dengan kegigihan dua-dua Menteri dan pegawai-pegawai di pejabat dengan wangnya kalau perancangan di peringkat bawahnya tidak baik. Maka dengan sebab itu peringkat atas dan bawah hendaklah berjalan dengan baik baharulah terlaksana apa yang diminta itu.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, izinkan saya berucap sepatah dua kata atas Butiran 15—Penyertaan Ekuiti oleh Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara.

Tuan Pengerusi, dengan penambahan ekuiti Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga Letrik Negara, saya harap bahawa pihak Lembaga Letrik Negara dapat melaksanakan segala rancangan-rancangan untuk menambahkan bekalan tenaga untuk keperluan di negara

kita, keperluan yang dikehendaki oleh kawasan industri, keperluan yang dikehendaki oleh kawasan-kawasan perumahan dan lain-lainnya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa apabila Kerajaan hendak merancang untuk menambah peluang-peluang untuk membolehkan pihak swasta untuk melabur negara kita mendirikan lagi banyak bangunan-bangunan dan industri-industri banyak tenaga dikehendaki untuk mencapai tujuan ini.

Di sini saya berharap bahawa LLN ada satu rancangan jangka panjang dan juga dapat menentukan bahawa dengan pertambahan ekuiti Kerajaan Federal dalam LLN ini, setiap langkah dapat diambil untuk menentukan bahawa segala rancangan-rancangan ini dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan untuk mencapai tujuan-tujuan dan objektif-objektifnya. Di sini saya ingin mengesyorkan bahawa mengenai perbekalan elektrik ini, ingin saya menyentuh perbekalan elektrik di kawasan luar bandar dan di sini saya ingin mencadangkan bahawa unit perbekalan elektrik di luar bandar patutlah diperkuatkan lagi untuk menentukan bahawa rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk membekalkan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya, dalam kampung-kampung, kampung-kampung baharu dan estet-estet dapat dilaksanakan. Di sini ingin saya menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada aduan-aduan yang sentiasa diterima oleh saya apabila saya melawat kawasan saya iaitu di kawasan Serdang, negeri Selangor mengenai kelewatan yang penduduk-penduduk di kampung baharu ada menghadapi apabila mereka hendak memohon untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Saya berharap pihak Menteri yang berkenaan dapatlah menyasiat kedudukan mengenai perbekalan elektrik di kawasan-kawasan kampung baharu dan juga mencari satu jalan atau cara yang sesuai bagaimana kelewatan ini dapat diatasi. Saya juga mengesyorkan di sini bahawa saya berharap LLN dapat mengadakan satu rancangan yang lebih positif untuk menentukan bahawa kampung-kampung baharu di kawasan-kawasan luar bandar boleh mendapat bekalan elektrik dengan secepat mungkin oleh sebab ada satu perkara yang tidak dapat dinafikan iaitu untuk menikmati bekalan elektrik ialah

bukan satu apa yang saya anggap sebagai kemewahan (luxury) tetapi bekalan elektrik ialah satu perkara yang boleh dianggap satu perkara yang perlu (essential commodities) dan saya haraplah bahawa pihak yang berkuasa akan menentukan bahawa semua rancangan-rancangan elektrik di kawasan luar bandar dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Satu perkara akhir yang saya ingin sentuh di sini ialah masalah pemotongan bekalan elektrik yang kadang-kadang berlaku di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur, apabila pemotongan ini berlaku ada menjejaskan perniagaan dan kilang-kilang yang berkenaan.

Saya difahamkan bahawa apabila soalan ini dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Damansara, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri ialah pemotongan ini berlaku ialah disebabkan berlakunya sambungan-sambungan haram (illegal extension) yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Mungkin ini satu perkara yang benar akan tetapi saya berharaplah bahawa Lembaga Letrik Negara dapat berusaha untuk mengurangkan kejadian gangguan elektrik ke paras yang paling minima supaya masalah ini tidak sentiasa berlaku dan tidak akan menjejaskan perniagaan di kilang-kilang atau industri-industri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.38 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail: (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama dengan Yang Berhormat yang lain iaitu menyokong peruntukan tambahan sebanyak \$50.7 juta sebagaimana yang diminta oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit dalam perkara ini berhubung dengan projek elektrik di luar bandar. Dalam masalah ini suka saya hendak menimbulkan pelaksanaan projek-projek elektrik di negeri Perak.

Tuan Pengerusi, oleh kerana negeri Perak ini pengeluaran elektrik adalah dikuasai oleh

dua badan iaitu LLN, jadi mana-mana kawasan yang di bawah kawalan LLN ini pembangunan elektrik berjalan dengan pesat sekali dan kebetulan pula LLN ini mengawasi kawasan-kawasan bandar dan juga kebanyakan kampung-kampung baharu.

Dengan sebab itu, masalah pembekalan elektrik di kawasan bandar dan kampung-kampung baru dan juga kawasan-kawasan di bawah kewalannya membangun dengan pesat. Akan tetapi di mana-mana kawasan terutama sekali di luar bandar yang duduk di bawah kawalan KED pembangunan elektrik sangatlah lambat. Umpamanya, kita boleh mengambil contoh kebanyakan projek-projek elektrik luar bandar yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua sampai hari ini masih lagi belum dilaksanakan. Apa yang diberitahu kepada saya oleh pihak KED Negeri kemungkinan rancangan projek elektrik luar bandar yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu akan selesai pada tahun 1979. Akan tetapi, sampai hari ini, pertengahan tahun 1979, riak-riak untuk menyampaikan elektrik di kawasan-kawasan yang telah diluluskan itu masih belum nampak lagi.

Saya berharap benar kepada Kementerian ini supaya dapat mengambil satu langkah sama ada menggesa atau mencari jalan bagaimana pihak KED dapat melaksanakan rancangan elektriknya lebih cepat lagi. Saya difahamkan pihak Kementerian telah memperuntukkan kepada negeri Perak wang yang banyak di dalam projek elektrik sebahagian besarnya adalah diperuntukkan kepada KED dan kemungkinan belanja yang telah diluluskan itu saya rasa tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Saya berasa amat dukacita kerana dalam satu tahun hanya di dalam satu kawasan atau satu kampung sahaja yang boleh disampaikan elektrik. Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian berkenaan, terutama sekali daerah Kuala Kangsar, Ulu Perak di mana kawasan Parlimen saya di Padang Rengas ini adalah termasuk dalam kawasan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menarik perhatian barangkali ini dalam makluman Menteri yang berkenaan bahawa penduduk-penduduk dalam kawasan Parlimen Padang

Rengas ini telah banyak berkorban kepada negara kita di dalam pembangunan elektrik. Saya suka memberi contoh pada tahun 1926 sebuah ampangan yang terbesar dalam negara kita ini iaitu Ampangan Chenderoh telah dibina di dalam kawasan Padang Rengas dan rakyat dalam kawasan ini telah banyak berkorban sama ada memberi tanah untuk membuat jalan masuk ke Ampangan Chenderoh dan begitu juga tanah-tanah dan pokok-pokok yang telah diberi oleh penduduk kawasan itu untuk talian elektrik dari Chenderoh ke kawasan Lembah Kinta. Tetapi rakyat di Lembah Kinta daripada dahulu, tahun 1926 sampai sekarang telah menikmati kekayaan daripada hasil Ampangan Chenderoh. Begitu juga apabila elektrik daripada Janakuasa Batang Padang yang dialirkan ke utara iaitu ke Prai melalui kawasan Padang Rengas juga. Rakyat kawasan ini telah banyak berkorban kerana telah membenarkan pihak LLN mengambil pokok dan tanah untuk talian ke utara.

Baru-baru ini kita telah berjaya dengan projek raksaksa Ampangan Temenggor. Penduduk-penduduk dalam kawasan Padang Rengas lagi sekali berkorban memberi tanah dan pokok-pokok untuk talian daripada Temenggor ke selatan. Dan mungkin tidak berapa lama lagi apabila terlaksananya pembinaan Ampangan Kenering kalau talian ini ke selatan mesti melalui kawasan Padang Rengas juga. Dan kemungkinan tidak berapa lama lagi sebuah ampangan akan dibina di Bersia. Kalau ke selatan kawasan Padang Rengas jugalah yang akan dilalui oleh talian elektrik yang kita banggakan dalam negara ini.

Saya rasa penduduk-penduduk kawasan Padang Rengas telah banyak berkorban demi kepentingan negara untuk pembangunan elektrik. Tuan Pengerusi, malangnya, sebahagian besar penduduk-penduduk dalam kawasan Padang Rengas ini tidak menikmati api elektrik, mereka hanya dapat menikmati melihat talian-talian yang melalui di atas bumbung rumah atau tepi rumah. Sebab itu, saya berharap benar kepada Menteri yang berkenaan dapat memperuntukkan wang yang lebih sedikit kepada kawasan ini, mudah-mudahan dapat kita melegakan perasaan frustrasi rakyat yang ada dalam kawasan Padang Rengas dan juga kawasan Grik yang

meliputi jajahan Kuala Kangsar dan Ulu Perak.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya suka hendak menarik perhatian Kementerian ini iaitu setelah baru-baru ini dalam tahun yang lalu pihak KED telah banyak membatalkan kuasa-kuasa generator yang kecil-kecil di kawasan-kawasan luar bandar dengan mengalirkan elektrik daripada Ampangan Chenderoh ke kawasan-kawasan yang dahulu iaitu kampung baru, pekan-pekan yang menggunakan generator dahulu tetapi hari ini telah menggunakan kuasa elektrik daripada Ampangan Chenderoh.

Saya berterima kasih bagi pihak mereka yang dahulu mendapat elektrik ini hari ini telah mendapat bayaran yang murah. Kalau dahulu satu unit 40 sen; hari ini telah mendapat satu unit yang pertama lebih kurang 12 sen. Akan tetapi, masalah ini saya suka menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan iaitu masalah pembayaran bil-bil elektrik pada tiap-tiap bulan kerana di kawasan ini semua bil-bil elektrik adalah dibayar melalui Jabatan Pos daripada dahulu sampai sekarang. Akan tetapi apabila terlaksananya aliran elektrik daripada Ampangan Chenderoh mana-mana mereka yang telah dikenakan bayaran lebih daripada \$100 pada tiap-tiap bulan—ini kebanyakan terlibat kepada mereka yang berniaga—Pejabat-pejabat Pos tidak dibenarkan menerima bayaran elektrik di tempat masing-masing. Jadi pembayaran ini hendaklah dibuat di Pejabat KED di Ipoh yang terlalu jauh daripada kawasan, umpamanya, di kawasan Lenggong dan sebagainya.

Saya harap pihak Menteri dapat memberi perhatian supaya walaupun bayaran lebih daripada \$100 ini dibolehkan dibayar di Jabatan Pos. Saya diberitahu oleh pihak KED mengatakan bahawa Jabatan Pos yang tidak mahu menerima bayaran lebih daripada \$100, tetapi Pejabat Pos mengatakan tidak begitu, KED yang tidak mahu membenarkan Jabatan Pos menerima bayaran \$100 lebih pada tiap-tiap bulan.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, lagi sekali saya dengan sukacitanya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain menyokong peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian ini sebanyak \$50.7 juta.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Setapak.

4.48 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun yang pertama hendak menyokong Anggaran Tambahan Kedua sebanyak \$50.7 juta bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk kegunaan penyertaan ekuiti Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara.

Kita semua sedia maklum bahawa bekalan elektrik akan menentukan pengeluaran kuasa yang memainkan peranan penting di dalam negara kita daripada semua aspek, daripada segi industri, daripada segi penggunaan sehari-hari dan juga demi untuk kesihatan badan dan keselisaan dan sebagainya, semuanya berkehendakkan kuasa bekalan elektrik.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah memohon tambahan penyertaan ekuiti Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara. Kita semua sedia maklum kedudukan kewangan Lembaga Letrik Negara pada hari ini adalah dalam keadaan yang tidak berapa sehat. Dalam pada itu pihak orang ramai dan pihak Kerajaan selalu berkehendakkan semua tindakan ini dibebankan kepada Lembaga Letrik Negara. Jadi sewajarnya pihak Kerajaan sendiri mengambil berat untuk menambahkan bagi pelaksanaan pembangunan Lembaga Letrik Negara.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, di dalam negara kita ini, Tuhan telah memberi pula satu kuasa cahaya matahari dan kita semua sedia maklum di negara-negara yang telah maju dan di sebelah Europe pada ketika ini telahpun menjalankan satu kajian bagaimana cara hendak menggunakan kuasa cahaya matahari itu yang boleh mengeluarkan pula cahaya elektrik yang dikatakan solar energy concept. Terutamanya sekarang kajian sedang dijalankan di negara Germany yang mana Kerajaannya sendiri sudi untuk memberi bantuan kepada negara-negara yang sedang membangun sekiranya ada rundingan dijalankan. Jadi sukacitalah saya dalam perkara solar energy concept ini pihak Kerajaan Malaysia kita merundingkan dengan negara-negara yang telah mempunyai

kemudahan ataupun yang mempunyai perediaan bagi menjalankan ataupun bagi mengeluarkan system solar energy ini.

Saya difahamkan di dalam beberapa kajian yang dibuat rupa-rupanya cahaya matahari ini kalau dapat disimpan boleh digunakan bagi mengeluarkan kuasa sejuk seolah-olah seperti hawa sejuk iaitu dalam bahasa Inggerisnya 'air-conditioned' sekarang. Dan ini telah digunakan seperti di Timur Tengah, di Kuwait yang mana kuasa cahaya matahari ini boleh mengeluarkan hawa sejuk bagi menyimpan bahan-bahan mentah seperti sayur-sayuran, beras dan barang-barang makanan kerana di negara itu terlampau panas dan bahan-bahan mentah dan bahan-bahan makanan mudah rosak. Jadi dengan alat teknologi penggunaan solar energy concept ini dapat menyejukkan bahan-bahan mentah dan juga boleh dianggap sebagai jenis alat penyejuk kepada bahan-bahan mentah seperti makanan yang saya sebutkan tadi.

Dalam perkara ini, sukalah saya mengesyorkan pihak Kerajaan kita mengambil kesempatan walaupun perbelanjaan asasnya boleh menjadi besar dan mahal tetapi setelah perkara ini berjaya, oleh sebab negara kita dalam masa setahun boleh banyak kita terdapat cahaya matahari dan kalau boleh kita mempunyai satu sistem bagaimana hendak menyimpan (preserve) cahaya matahari bagi mengguna bekalan itu, saya percaya untuk jangka panjang sistem solar energy concept ini amat berguna dan juga akan bertambah murah.

Pada hari ini kita semua sedia maklum bekalan elektrik di dalam negara kita ini semata-mata selain daripada menggunakan hydro banyak menggunakan minyak. Dan kita semua tahu minyak dari masa ke semasa harganya telah bertambah mahal dan sudah semestinyalah perbelanjaan iaitu yang akan ditanggung oleh consumer, orang yang menerima bekalan ini satu masa akan bertambah mahal juga. Jadi kalau kita ada menggunakan satu sistem yang boleh mendapat kuasa bekalan elektrik melalui solar energy concept ini, kita boleh mengurangkan belanja.

Dalam perkara ini juga, Tuan Pengerusi, kita semua sangat sedih bukan semua

kawasan-kawasan di luar bandar boleh menikmati bekalan elektrik kerana konsep ini terpercil dan jauh dan kalau kita hendak membekal dan menggunakan pemasangan wayar akan mengambil masa yang lama dan berpuluh-puluh batu. Dan kalau hendak sampai pun kuasa itu melalui pusat janakuasa elektrik misalnya, ini tidak ekonomik dan tidak boleh dilaksanakan, jadi sampai mana dan sampai bila penduduk-penduduk di luar bandar yang terpercil seperti kawasan di Sarawak, di Sabah bila mereka ini sungguh-sungguh hendak mendapat nikmat penggunaan kuasa elektrik. Menterinya orang daripada Sarawak tetapi kita takut nanti mereka ini akan menentang Kerajaan, mereka mendengar kita di dalam bandar di sini mendapat segala alat kemudahan tetapi mereka di sana tidak dapat, walhal mereka sama-sama di dalam negara kita yang telah merdeka. Jadi ini juga dalam satu kajian yang telah dibuat cara menggunakan solar energy concept ini boleh digunakan untuk kawasan-kawasan di luar bandar dengan syarat mereka yang tinggal di kawasan luar bandar itu diberi ilmu pengetahuan bagi menjaga alat-alat solar energy concept ini supaya dapat mereka menjaganya dan boleh membekalkan untuk kegunaan mereka. Dan juga saya difahamkan daripada kuasa cahaya matahari ini boleh digunakan untuk kegunaan radio dan alat-alat perhubungan misalnya wireless set dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sudahlah sampai masanya dan ketikanya pihak Kerajaan kita memikirkan secara serius di dalam perkara ini, walaupun kita sekarang ini difahamkan di dalam negara kita ada mempunyai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail yang sedang dijalankan tetapi itu juga satu perkara yang baik menggunakan kuasa nuklear tetapi yang paling penting saya rasa elok juga kita menjalankan satu cara serius masalah solar energy kerana cahaya matahari itu ada di dalam negara kita dan boleh kita gunakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita di atas berubahnya satu dasar yang baharu-baharu ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengenai kedudukan setingan di seluruh negara ini. Kita semua sedia maklum pada suatu ketika dahulu setingan dianggap sebagai satu

kawasan yang tidak boleh mendapat pertolongan bekalan api dan air oleh kerana kedudukan tanah itu tidak mempunyai geran dan siapa yang tinggal di atas tanah itu tidak boleh mendapat bekalan api dan air kerana gerannya tidak ada. Tetapi sekarang dengan adanya satu perubahan yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menerima kedudukan setinggan ini sebagai kedudukan yang biasa walaupun mereka menumpang di atas tanah Kerajaan tetapi mereka berhak menerima bekalan kemudahan asas seperti air dan api dan api ini juga dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Letrik Negara. Saya mintalah kerana dengan adanya bekalan api ini dipercepatkan membekalkan di kawasan-kawasan setinggan akan boleh mengelakkan berbagai penyakit berlaku di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Menteri dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di dalam perkara ini bahawasanya kalau kita lihat di bangku-bangku sekolah ramai anak-anak kita yang bersekolah yang mengidap penyakit rabun ialah anak-anak daripada setinggan kerana mereka tidak ada kuasa elektrik di dalam rumah, mereka menggunakan lampu-lampu yang lama dan mereka ini lama kelamaan mengidap penyakit rabun. Sudahlah mereka ini sentiasa hidup susah, anaknya pula yang menjadi harapan untuk menentukan masa hadapan keluarganya itu mengidap penyakit rabun. Jadi Menteri dan Timbalan Menteri berdosa kalau tidak menjalankan kajian ini segera menyiasat dan juga berbagai-bagai penyakit yang lain timbul di kawasan ini. Dalam pada itu kita tahu juga pada hari ini kawasan-kawasan setinggan kita hendak menghebahkan rancangan-rancangan Kerajaan menggunakan televisyen dan radio dan mereka ini tidak dapat nikmat kalau tidak ada bekalan ini.

Tuan Pengerusi, setakat itulah dan saya mempunyai penuh kepercayaan dengan adanya penyertaan ekuiti pihak kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara, pihak Lembaga Letrik Negara melalui Kementeriannya akan dapat mengadakan rancangan lebih dinamik dan lebih positif dan boleh dilaksanakan di dalam jangka masa yang ditetapkan dan kita tidak mahulah rungutan yang berlaku negara kita telah merdeka 20

tahun seperti sahabat saya dari Padang Rengas mengatakan orang kampung tengok wayar lalu di atas bumbung rumahnya tetapi tidak singgah dirumahnya.

Tuan Pengerusi, dalam pada menyokong ini, saya percayalah kalau tidak cukup dengan \$50 juta lebih ini Kementerian ini boleh minta lagi demi untuk kepentingan masyarakat dan saya percaya Dewan yang mulia ini sedia menyokongnya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.00 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun sama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional di dalam Dewan ini bagi menyokong peruntukan yang dipohon oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat tambahan sebanyak \$50.7 juta lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya sudah dengar dalam Dewan ini banyak kali iaitu angka itu berbunyi seperti seolah-olah \$50.7 juta. Yang sebenarnya angka itu ialah \$50,705,702 dan saya harap angka itu disebut secara penuh sebab ada perbezaan di antara angka \$50.7 juta dengan angka \$50,705,702.

Tuan Hashim bin Ghazali: Terima kasih, Tuan Pengerusi, sebanyak \$50,705,702.

Saya mengambil peluang mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih bagi pihak rakyat di dalam kawasan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah mengambil perhatian berat kawasan-kawasan yang di luar bandar termasuklah kawasan Matang ini sendiri, sebabnya penyusunan yang disusun oleh pihak Lembaga Letrik Negara bagi melaksanakan projek di kawasan saya, di kawasan Matang ini, telah berjalan dengan cara yang baik iaitu pada tiap-tiap tahun pelaksanaan ditunaikan mengikut kadangkadangkang 2-3-4 projek dan sebagainya bagi kawasan yang berkenaan.

Pada akhir-akhir ini saya nampak pihak Lembaga Letrik Negara bukan sahaja menggunakan tiang daripada kayu bahkan telah diberi tiang yang digunakan daripada besi, daripada rel keretapi. Apabila saya

tengok sendiri keadaan ini nampaknya kemajuan bagi pihak Lembaga Letrik Negara ini telah bertambah daripada tiang kayu sudah ditukar kepada tiang besi. Jadi tentulah masalah tiang ini saya percaya telah dapat diselesaikan dan dapat pula diadakan perubahan sepertimana yang saya tengok di dalam kawasan saya sendiri. Saya percaya kemungkinan apabila projek-projek ini dijalankan lagi tentulah dengan cara yang begitu. Berlainan pada satu masa dahulu apabila perkara ini dikemukakan kepada pihak Kerajaan biasanya disebut bagaimana kesulitan yang dihadapi, tiang-tiang bagi bekalan letrik ini tiang-tiang kayu. Saya percaya jika masalah ini masih lagi terganggu sebaik-baiknya dibolehkan Kerajaan mengkaji semula supaya tiang-tiang yang didapati bukan sahaja daripada kayu-kayu yang tertentu sepertimana yang ada sekarang ini, tetapi eloklah dikaji kepada kayu-kayu lain pula bagi menambah lagi bilangan tiang-tiang sekiranya keadaan yang sebegitu lama tidak dapat diselesaikan di setengah-setengah tempat.

Dalam hal ini saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih oleh kerana saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di kawasan saya bagi tahun ini akan diluluskan dua projek lagi bagi menyambung projek yang berjumlah hampir \$½ juta. Sungguhpun begitu kawasan Matang ini terlalu luas dan terlalu lama ketinggalan berkenaan dengan bekalan letrik ini. Apabila pelaksanaan diberi sebanyak dua projek lagi yang saya sebut tadi masih banyak lagi kawasan yang perlu dapat bekalan letrik. Oleh sebab itu saya telah mengemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menimbang lagi bagi kawasan-kawasan lain yang dianggap perlu dan saya anggap sepertimana pernah diberi tahu kepada saya perkara ini dipertimbangkan dan akan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat. Saya bagi pihak penduduk di kawasan berkenaan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di dalam pelaksanaan yang telah lalu saya hendak sebut di sini kesulitan yang dihadapi oleh kami iaitu Wakil-wakil Rakyat yang pernah terjadi apabila pihak Kerajaan telah meluluskan satu-satu kawasan yang berjumlah

sekian-sekian banyak bila pelaksanaan dibuat mengikut pengguna-pengguna dan pada akhirnya apabila semua selesai dipasang maka didapati oleh rakyat di kawasan-kawasan yang menjalankan projek ini tertinggal kadang-kadang sampai 7, 8, 10 buah rumah dan sebagainya. Kadang-kadang boleh kita kata mereka duduk di peringkat terpencil tetapi kadang-kadang mereka berada di kawasan-kawasan yang boleh sampai bekalan letrik yang berkenaan. Perkara yang seperti ini biasa kita kemukakan kepada pihak yang berkenaan maka jawapan yang biasa kita terima menyatakan wang bagi pelaksanaan di kawasan yang berkenaan itu telah habis dan tidak dapat lagi ditambah seberapa banyak pun yang dikehendaki bagi melaksanakan di kawasan yang berkenaan.

Bagi kawasan saya sendiri projek yang seperti ini terlalu banyak yang ketinggalan beberapa buah rumah di tiap-tiap projek yang dilaksanakan. Dan saya merayulah kepada pihak Kerajaan pada masa hadapan supaya dapat memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan pada masa hendak melaksanakan supaya jangan ketinggalan pun sebuah rumah ataupun beberapa rumah di kawasan yang berkenaan kerana apabila sahaja selesai projek di tempat yang berkenaan banyaklah tuduhan-tuduhan yang kita terima daripada penduduk-penduduk yang tidak dapat bekalan letrik menyatakan kita tidak mengambil berat dan sebagainya. Sebenarnya pelaksanaan seperti ini ia tertakluk kepada peringkat Lembaga Letrik Negara, kalau Lembaga Letrik Negara boleh buat pada keseluruhan ia boleh buatlah pada keseluruhan kerana kalau bagi pihak kami pun mengadakan perundingan. Jika jawapannya tidak ada wang, kami tidak dapat membuat apa-apa melainkan dirujuk kepada pihak yang berkenaan berunding dan sebagainya supaya dapat menambah lagi peruntukan yang seperti saya katakan tadi. Bagi hal ini, Tuan Pengerusi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pernah saya berunding masalah ini supaya dapat memberitahu kepada Lembaga Letrik Negara jangan ketinggalan sebuah rumah pun di kawasan projek-projek yang dilaksanakan seperti ini kerana ia menghadapi kesulitan.

Saya merayu supaya dikumpul seberapa banyak rumah-rumah yang ketinggalan di kawasan pelaksanaan yang sudah

dilaksanakan projek sejak beberapa tahun itu dan saya bercadang keseluruhannya apabila dapat diketahui berapa banyak perbelanjaan yang diperlukan saya bercadang akan kemukakan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya berunding dengan Yang Berhormat Menteri bagi meluluskan projek-projek seperti ini, jika dapat sebaik-baik segeralah kerana perkara-perkara ini terlalu lama yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, pernah terjadi masalah perbincangan di antara Lembaga Letrik Negara dengan pihak yang mempunyai pokok-pokok di tanahnya kerana ditebang, bukan ditebang oleh pihak Lembaga Letrik Negara tetapi ditebang ranting-rantingnya oleh pihak penduduk kampung itu sendiri kerana pokok-pokok biasanya di dalam kawasan Parlimen Matang ini terdiri daripada banyak sekali ialah pokok-pokok durian. Pokok-pokok ini sangat berharga kepada penduduk jika dibuang seranting, didapati seranting kadang-kadang sampai 100-200 biji buah pada setahun. Sekarang harga durian sebiji \$2 dan kalau 100 seranting sudah \$200 setahun, jadi oleh sebab itu mereka merasa bagaimana kerugian besar mereka hadapi. Di dalam masalah yang seperti ini biasanya diberitahu oleh pihak Lembaga Letrik Negara mereka tidak ada peruntukan untuk membayar gantirugi dan oleh sebab itu seperti saya katakan kecuailah kalau pokok-pokok itu tidak mempunyai nilai kepada penduduk yang berkenaan itu lain masalah. Tetapi di dalam kawasan saya banyak pokok yang bernilai kerana melalui pokok-pokok yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya menimbang dapat membayar gantirugi sekadar yang patut kepada pihak-pihak yang mempunyai pokok yang seperti saya katakan tadi dan jika sekiranya pihak Kerajaan dapat membayar gantirugi tentulah kesulitan-kesulitan yang dihadapi dan nilai-nilai yang dianggap oleh pihak rakyat yang harganya lebih dan sebagainya itu dapat mengurangkan perasaan mereka oleh kerana maklum sahajalah, Tuan Pengerusi, penduduk di luar bandar ini menghadapi masalah yang kita sedia maklum.

Lagi sekali saya merayu kepada pihak Kerajaan dapat menimbangkan dibayar gantirugi. Apabila ini hendak dinilai, bukan setakat dinilai seperti biasa,

sepatutnya dinilai sama berapa banyak gantirugi yang diperlukan di tempat-tempat yang dimasukkan bekalan elektrik seperti itu, kadang-kadang cuba hendak dielakkan supaya ia tidak kena sebarang pokok tetapi maklumlah, Tuan Pengerusi, sudah terlalu lama kampung-kampung seperti ini dan pokok-pokok durian pun berumur lebih 40-50 tahun yang ada di kawasan berkenaan. Kadang-kadang apabila perkara ini ditimbulkan kita selalu menerangkan kepada rakyat bahawa rakyat akan menerima bekalan elektrik yang tidak payah membayar wang se sen pun, hanya membayar wang memasukkan elektrik di dalam rumah mereka sahaja, tidak payah membayar wang kepada Lembaga Letrik Negara kerana peruntukan diberi oleh Kerajaan. Kita telah menerangkan kepada rakyat beberapa kali bahkan beratus-ratus kali tetapi rakyat selalu menyebut mengapa Lembaga Letrik Negara sahaja tidak mahu membayar seperti ini tetapi pada Jabatan-jabatan lain, misalnya, Jabatan Parit dan Taliair, tanah yang berhampiran dengan sungai misalnya hendak ditambahkan lagi, Kerajaan menilaikan dan membayar gantirugi dan kalau hal-hal lain pula yang ada seperti itu biasanya Jabatan lain menilai dan bayar gantirugi. Oleh sebab ada contoh seperti ini yang dibuat oleh pihak Kerajaan sendiri maka rakyat menilaikan tidak patutlah Lembaga Letrik Negara membuat belainan daripada yang telah dijalankan oleh Jabatan-jabatan lain di bawah pentadbiran Kerajaan ini sendiri. Maka perlu supaya Lembaga Letrik Negara dapat mengikuti contoh sepertimana Jabatan lain, bahkan Lembaga Letrik Negara pada satu masa dahulu pun pernah membayar gantirugi kepada pokok-pokok yang dipotong, yang ditebang kerana memasukkan bekalan elektrik.

Cuma pada akhir-akhir ini sahajalah, saya tidak dapat mengetahui pada keseluruhan di dalam negara tetapi yang saya mengetahui sangat-sangat oleh kerana di dalam kawasan saya sendiri tidak pernah dibayar gantirugi. Oleh sebab tidak dapat dibayar gantirugi maka menyebabkan banyak projek-projek yang seperti ini kadang-kadang mengambil masa untuk memujuk rakyat supaya dapat bekalan elektrik ini dimasukkan ke kawasan mereka. Kadang-kadang orang yang di hadapan kawasan yang berkenaan yang patut dapat bekalan elektrik dan di belakang

rumahnya masih di tanahnya lagi. Di dalam tanahnya yang seluas begitu ada pokok-pokok yang bernilai kepada mereka. Apabila pokok yang bernilai kepada mereka hendak ditebang kerana hendak diberi bekalan elektrik kepada orang yang di belakang rumahnya, beberapa rumah lagi ataupun sebuah rumah lagi di belakang kawasan rumahnya menyebabkan orang yang di hadapan menjadi mangsa, maka ia menahan supaya bekalan elektrik ini jangan dimasukkan ke kawasan rumah yang di belakang kerana tidak ada gantirugi, bahkan kadang-kadang diminta kepada rakyat yang di belakang rumah itu supaya dapat gantirugi. Manalah rakyat hendak dapat mencari kewangan supaya dapat gantirugi sepertimana diminta oleh pihak yang empunya pokok-pokok yang berkenaan. Oleh sebab itu biasa terjadi mengambil masa supaya kami sebagai Wakil Rakyat pergi memujuk, menyatakan betapa perlunya dan oleh kerana mengambil masa maka keadaan Lembaga Letrik Negara sendiri gelisah oleh kerana membuang masa di satu-satu projek menyebabkan pada projek yang berikut lambat hendak dilaksanakannya.

Di atas hal ini lagi sekali saya minta kepada pihak Kerajaan supaya mengkaji semula cara membayar gantirugi sepertimana yang saya katakan tadi supaya kegelisahan yang dihadapi oleh pihak rakyat dapat kita redakan dan dapat berjalan projek-projek ini dengan lebih sempurna dan lebih baik pada masa-masa hadapan.

Bagi projek yang telah diluluskan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada saya baru-baru ini dua kawasan yang berkenaan saya nampak di kawasan itu tidak menjadi masalah sangat kerana di kawasan-kawasan seperti ini banyak pokok-pokok getah sahaja tetapi di kawasan-kawasan yang sebelum daripada itu menghadapi masalah-masalah yang saya katakan tadi. Ini kadang-kadang menyebabkan rakyat yang tidak tahu asal-usul bagaimana Kerajaan memberi wang begitu banyak bagi pelaksanaan projek ini dengan tidak mengambil se sen daripada rakyat tetapi perkara-perkara seperti ini oleh kerana mereka tidak puas hati dengan keadaan-keadaan yang seperti saya kata tadi sebahagian daripada rakyat susah hendak menerima penjelasan yang kita telah beri, oleh sebab perbalahan selalu terjadi di antara pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara

dengan rakyat di satu-satu kawasan. Tetapi kita bernasib baik, tiap-tiap kampung mempunyai Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang cekap, mereka mempunyai kebolehan dalam kampung mereka sendiri. Biasanya bila ada kegelisahan seperti ini mereka campurtangan dengan dibantu oleh Penghulu Mukim dan akhirnya kami, Wakil-rakil Rakyat inilah pula pergi cuba menyelesaikan masalah-masalah seperti yang saya katakan tadi.

Dengan rayuan-rayuan permintaan dan cadangan yang saya kemukakan tadi dengan ini saya menyokong di atas permohonan yang telah diminta oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

5.17 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun bersama dengan rakan-rakan saya yang lain menyokong di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebanyak \$50,705,702 yang mana sebagaimana kita difahamkan sebanyak \$20,705,702 adalah khas diperuntukkan bagi bayaran gantirugi kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang. Di sini saya tidak akan menyentuh perkara ini dan saya bersetuju.

Apa yang saya hendak sentuh iaitu bekalan selebihnya itu yang saya percaya akan diberi kepada peruntukan seluruh Malaysia, termasuklah semua kawasan. Cuma satu sahaja, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peruntukan yang diminta ini kalau dikaji sebenarnya dengan kemahuan rakyat atau diselidiki dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang masih lagi belum mendapat bekalan api elektrik saya percaya peruntukan ini tidak mencukupi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan nanti daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam jawapannya sama ada peruntukan yang diminta ini benar-benar telah dikaji dan untuk tahun ini mencukupi bekalan yang diminta oleh kawasan-kawasan, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Sebab di dalam kawasan saya sendiri di Panti sana saya percaya kalau hendak dilaksanakan projek ataupun memberi bekalan elektrik

untuk tahun ini saya percaya \$10 juta pun tak cukup, itu baru kawasan saya sendiri, apa hal pula dengan kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang begini banyak saya harap kalau tidak pun dibekalkan kesemuanya, saya harap mana tempat-tempat yang sudah lama mohon itu berilah keutamaan. Ini rayuan saya.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya inginlah menegur keadaan yang mana sebelum ini pihak Pengawal Wilayah ataupun pihak Pengawal di peringkat Negeri atau Daerah membuat laporan, umpamanya untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana tempat-tempat yang perlu dimasukkan api. Tetapi apa yang mendukacitakan saya apabila perkara ini dibawa di dalam Majlis Tindakan Daerah di mana Wakil-wakil Rakyat dapat bertanya dengan Ketua-ketua Jabatan termasuklah pihak LLN Daerah.

Apa yang mendukacitakan saya, di kawasan saya terdapat pihak Pengawal Daerah ini dengan sendirinya menyenaraikan tempat-tempat yang dia sendiri fikir patut, bukan yang kita sebagai Wakil Rakyat, sebagai mewakili rakyat di tempat itu fikir patut. Ini saya harap dapat dibetulkan pada masa yang akan datang. Sepatutnya biarlah Pengawal Daerah ini berunding dengan kita memikirkan di mana tempat yang patut diberi keutamaan bukan yang dia fikir patut kerana Ketua-ketua Jabatan ini tidak selalu berjumpa dengan rakyat, tetapi yang selalu kena pepah dengan rakyat ialah kita Wakil-wakil Rakyat. Jadi kalau sudah ada dalam makluman Yang Berhormat Menteri perkara ini moleklah dan saya ucapkan tahniah supaya dapat penyelarasan itu pada masa yang akan datang, umpamanya kawasan saya dan saya percaya di kawasan lain juga begitu, biarlah berunding lebih dahulu dengan Wakil-wakil Rakyat di kawasan itu sama ada Dewan Negeri, lebih-lebih lagi Dewan Rakyat ini Ahli Parlimen di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya harap benar kepada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan pada Dewan yang mulia ini perkara yang sebenar berlaku dan sedang berlaku di kawasan pilihanraya saya di Kota Tinggi. Saya pergi dahulu ke bandar Kota Tinggi yang mana

beberapa buah kawasan di sekeliling atau berhampiran dengan bandar Kota Tinggi itu hari ini kalau penduduk di situ hendak menengok televisyen selepas pukul 9.00 malam baru boleh dapat tengok gambar dengan jelas. Kalau daripada petang sampai pukul 9.00 malam dapat tengok kain batik sama ada batik Kelantan atau batik Jawa, tidak tahulah, tetapi kain batik yang dapat ditengok. Selepas pukul 9.00 malam barulah televisyen dapat ditengok dengan jelas.

Apabila perkara ini saya bawa dalam Majlis Tindakan Daerah, pihak Pengawal Daerah mengatakan kita belum ada mendapat bekalan kebel yang baru. Kita terpaksa juga menggunakan kebel yang lama yang mana penggunaannya telah begitu banyak sekarang ini melebihi saya percaya daripada kapasiti yang ada. Jadi tidak hairanlah kalau menengok televisyen dapat batik sebab tidak terang gambarnya. Ini juga saya harap kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian kepada kebel-kebel yang lama ini tukarlah kepada yang baru supaya dapat pengguna-pengguna api ini dapat menikmati sebab mereka terpaksa membayar juga tiap-tiap bulan walaupun mereka tengok televisyen tidak dapat sempurna tetapi bil apinya dibayar sempurna juga. Saya harap dengan pertambahan ini nanti dapatlah diperbetulkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara di dalam kawasan pilihanraya saya dahulu sebelum pihak Kerajaan membuat satu dasar mengadakan Majlis Daerah menggantikan Majlis Bandaran dan menghapuskan sistem Majlis Tempatan (Local Council). Dengan terhapusnya Majlis Tempatan (Local Council) ini diterapkan dalam Majlis-majlis Daerah terdapat dalam kawasan pilihanraya saya ada empat buah yang dahulunya Majlis Tempatan yang sekarang sudahpun diserahkan dalam Majlis Daerah. Daripada empat buah kawasan Majlis Tempatan ini hanya satu sahaja yang selama ini dibekalkan dengan LLN iaitu sebuah tempat yang bernama Telok Sengat, tetapi masih ada tiga lagi, Sedeli Kechil, Pasir Gokok dan Sungai Rengit. Ketiga-tiga kawasan Local Council ini apinya dibekalkan oleh pihak swasta. Kadang-kadang pihak swasta mengatakan minyak tidak ada, bergelaplah, kadang-kadang pihak swasta mengatakan enjinnya rosak tidak dapat

dibetulkan, bergelaplah penduduk di situ. Ini keadaannya, sama ada keadaan ini permainan oleh pihak swasta hendak meninggikan bayaran tariffnya itu saya tidak faham. Jadi saya harap benar-benar.

Baru-baru ini saya balik ke Johor, saya difahamkan bahawa salah satu daripada kawasan itu yang bernama Sungai Rengit akan dibekalkan oleh LLN pada tahun ini. Saya harap pada pihak Menteri yang berkenaan ataupun Timbalan Menteri sewaktu menjawabnya kelak dapatlah saya diberi penjelasan sama ada benar ini akan dibekalkan pada tahun ini atau tahun hadapan, sebab Ahli Dewan Negeri di kawasan itu memberitahu saya baru-baru ini yang kawasannya iaitu Sungai Rengit itu akan dibekalkan, diambilalih oleh pihak LLN menggantikan tempat swasta. Saya harap di dalam jawabannya diberi tahu dan selepas Dewan ini nanti dapatlah berita baik ini saya bawa ke kawasan saya supaya dapat saya memberi tahu orang kampung saya, pengundi saya bahawa kawasan ini telahpun dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri umpamanya bahawa pada tahun ini ataupun pada awal tahun hadapan akan diambilalih oleh Kerajaan. Ini satu berita baik. Saya harap benarlah berita baik ini supaya dapat saya membawa oleh-oleh bila habis persidangan ini selama tiga minggu kita bersidang di sini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, di dalam kawasan pilihanraya saya, saya percaya dalam Semenanjung Malaysia Barat ini kawasan saya yang terlalu luas sekali. Kalau hendak dibandingkan dengan pulau Singapura, lima kali Singapura luasnya kawasan saya itu, patut ada seorang Perdana Menteri di situ.

Tuan Pengerusi, di sebabkan kawasan pilihanraya saya itu terlalu luas dan hutan rimbanya banyak—pada hari ini telah ditukar wajah iaitu hutan rimba tadi sudah tidak ada hutan rimba tetapi telah diteroka dijadikan pembangunan FELDA, dijadikan pembangunan Johor Tenggara, dijadikan pembangunan SEDC. Di sini terdapat kadang-kadang saya dan Ahli Dewan Negeri umpamanya pergi melawat kawasan ini saya tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengundi saya sendiri.

Sebagai satu contoh, satu kawasan yang bernama Ulu Sibul. Ulu Sibul ini tidak masuk

dalam FELDA tetapi masuk dalam rancangan Johor Tenggara iaitu bandar baru Ulu Sibul. Bersempadan dengan Ulu Sibul ini ada Sungai Sibul, kalau tidak silap saya ada Sungai Pengeli atau Pengeli Timur yang bersempadan dengan bandar Ulu Sibul ini. Yang ditanya, atau yang menjadi tandatanya atau pertanyaan yang tidak dapat saya jawab waktu berdialog dengan penduduk-penduduk di sini kenapa peneroka-peneroka di dalam Ulu Sibul ini dapat bekalan api elektrik dan kami katanya yang bersempadan dengan Ulu Sibul tetapi FELDA, bukan Johor Tenggara tidak dapat bekalan api elektrik. Jadi seolah-olah kata pengundi-pengundi saya ada diskriminasi, ada anak tiri dan ada anak emas. Peneroka Johor Tenggara dapat bekalan api elektrik, peneroka FELDA yang hanya bersempadan tidak dapat bekalan api elektrik. Saya harap ini juga apabila pihak Yang Berhormat Menteri menjawab nanti akan dapat menjelaskan kedudukan ini sebenarnya supaya dengan jawapan inilah nanti maklumat saya atau ilmu saya yang hendak saya beritahu pada penduduk-penduduk yang berhampiran dengan Ulu Sibul itu yang bernama Sungai Sibul dan Pengeli.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kawasan saya juga yang banyak terdapat kawasan-kawasan FELDA dan saya percaya pada hari ini pihak Kerajaan telah begitu banyak membantu rakyat kita untuk masuk dalam FELDA dan Alhamdulillah saya bagi pihak peneroka-peneroka FELDA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah menempatkan mereka dalam FELDA. Jadi dengan sebab pembelaan nasib mereka yang telah dibela oleh Kerajaan melalui FELDA, kita bersyukur kepada Allah, nasib mereka sehingga hari ini adalah bertambah baik dari semasa ke semasa. Sehingga pada hari ini, Tuan Pengerusi, sudah sampai ke peringkat bahawa sebahagian besar daripada peneroka-peneroka FELDA sudah termasuk dalam golongan mereka yang sudah mampu-mampu membeli kereta, membeli alat-alat rumahtangga dan termasuklah mampu membayar bil-bil api LLN kalau bekalan api ini dimasukkan ke dalam kawasan FELDA. Saya telah difahamkan dan saya telah diberi jaminan oleh peneroka-peneroka ini bahawa mereka telah sampai ke peringkat

atau ke tahap kemampuan untuk membayar bil-bil api walau berapa banyakpun sebulan yang dipakai sebab mereka sudah sampai ke tahap berkemampuan. Jadi, saya yang mewakili mereka di dalam Dewan yang mulia ini saya tujukan supaya Yang Berhormat Menteri mengambil ingatan kerana banyak sungutan-sungutan yang saya terima daripada pihak peneroka-peneroka itu yang mana mereka juga sebagai pengundi, mereka juga sebagai rakyat, mereka juga sepatutnya berhak mendapat bekalan api letrik sebagaimana kampung-kampung yang lain, sebagaimana daerah-daerah lain.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya mencadangkan oleh kerana kekurangan tenaga sebagaimana awal saya katakan tadi pukul 9.00 baru dapat menengok TV dengan jelas, jadi ini juga saya difahamkan kerana kekurangan sub-station.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, perkara itu di luar daripada perkara yang dibahaskan, cuba tumpukan kepada permintaan Kementerian ini.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, permintaan yang dikehendaki oleh Kementerian ini sebanyak \$50 juta, sebahagian daripadanya ialah untuk pembangunan dan saya difahamkan untuk menambah wang bantuan Kerajaan kepada pihak LLN. Jadi dengan sebab itu dengan adanya bantuan baru ini, peruntukan baru ini nanti saya harap untuk memulihkan tenaga letrik yang kurang tadi supaya dibanyakkan lagi apa yang dinamakan sub-station kerana dengan diadakan sub-station itu akan melebihi cahaya ataupun kuasa api yang selama ini malap sahaja di beberapa banyak kawasan, terutama dalam kawasan pilihanraya saya.

Tuan pengerusi, dengan ini saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.33 ptg.

Tuan Ibrahim bin Muhammad (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan tambahan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang

mana telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Bagi pihak saya daripada Kelantan saya minta kepada Menteri berkenaan supaya peruntukan ini di bawa ke Kelantan kerana kami di Kelantan ketinggalan berpuluh tahun kebelakang dalam lapangan pembangunan dan elektrik ini.

Satu perkara lagi saya berharap kepada Kementerian berkenaan supaya membuat kajian berkenaan dengan kampung-kampung yang telah ketinggalan, misalnya, satu kampung telah diadakan elektrik, kampung di tengah ketinggalan dan kampung di sebelah sana pun ada. Saya berharap kepada Menteri berkenaan supaya membuat kajian supaya kampung-kampung yang tertinggal itu dapat menikmati bekalan elektrik sebagaimana kampung yang telah ada di sekitarnya. Dan lagi kepada kampung-kampung yang telah dimasuki bekalan api itu ada yang ketinggalan, misalnya, beberapa buah rumah sahaja ketinggalan. Demikian juga saya berharap kepada Kementerian berkenaan membuat siasatan, misalnya, satu peruntukan yang telah diberi kepada satu-satu kampung itu \$200,000 tetapi apakala dipasang tiang-tiang ataupun wayar-wayar di kawasan itu, kata orang yang membuat kontrak itu peruntukan di tempat itu telahpun habis. Jadi, pada saya memandangkan perbuatan mereka itu memasang tiang tidak berapa banyak ataupun wayar yang telah dipasang itu tidak melebihi daripada estimate yang telah dianggarkan. Saya rasa patut dibuat kajian dengan sehalus-halusnya kerana saya telah buat lawatan di kampung-kampung saya dan kampung di dalam kawasan negeri Kelantan ini baru inilah sahaja kami merasai nikmat pembangunan di luar bandar, kerana malangnya kami selama 18 tahun lebih telah diperintah oleh Kerajaan PAS, mereka itu nampaknya tidak begitu galak sangat untuk mengadakan pembangunan kepada rakyat luar bandar. Oleh itu, saya berharap kepada Menteri berkenaan supaya peruntukan tambahan ini dibawa ke Kelantan dengan lebih banyak lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

5.36 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, di samping menyokong peruntukan

tambahan yang diminta itu saya ingin memberi sedikit sebanyak pandangan berkaitan dengan tiang-tiang elektrik yang selalu tidak dapat diperolehi itu.

Tuan Pengerusi, sebenarnya buat sementara ini hanya tiang-tiang kayu yang telah digergaji itu digunakan dan saya ingin mencadangkan di sini bahawa dalam negara kita ini terdapat begitu banyak kayu atau pokok-pokok yang bulat (round pole) yang belum digunakan lagi sehingga masa ini dan round pole ini pun telah digunakan di negara-negara barat bukan di kawasan luar bandar sahaja tetapi di bandar-bandar besar juga, misalnya, di New York, Toronto dan Montreal. Kalau kita mahu menggunakan kayu itu atau tiang itu tak payahlah kita hendak membawa ke satu kilang papan dan kayu itu boleh diubati selepas kulitnya dibuka dan tiang itu boleh tahan lama.

Saya harap oleh kerana di negara kita terdapat begitu banyak kayu, salah satu negara yang menghasilkan kayu dengan banyak, bahan itu dapat digunakan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu nampaknya banyak rancangan bekalan elektrik bagi kawasan luar bandar tak dapat dilaksanakan dengan cepat. Ini adalah disebabkan kemungkinan bahawa pekerja LLN sendiri mahupun pemborong tempatan telah mendapat kerja yang berlebihan. Buat sementara waktu ini saya mencadangkan pemborong di luar negeri dipelawa supaya banyak rancangan dapat dilaksanakan dan rakyat kita tak payah menunggu begitu lama. Kalau keadaan dapat diperbaiki maka bolehlah kerja-kerja itu diberi kepada pemborong tempatan sahaja. Ini satu cadangan yang saya ingin buat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Gerik dan lepas itu, saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.40 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dalam menyokong usul ini saya sukalah menarik perhatian Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan kepada beberapa pelaburan yang telah dijalankan oleh Kementerian ini, terutama sekali dalam bahagian tenaga. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian ini kerana telah dapat melaburkan sebegitu banyak wang ke dalam pelaburan tenaga hydro. Kita tahu kajian-kajian yang telah dibuat di masa-masa yang lampau iaitu di masa harga minyak masih murah dan pada masa kajian itu dijalankan kita dapati bahawa ampangan-ampangan hydro ini sangatlah ekonomik. Jadi, apabila harga minyak melambung naik begitu tinggi maka sudah tentulah pelaburan-pelaburan ini hari ini merupakan satu pelaburan yang sangat-sangat ekonomik dan dengan sebab itulah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian ini yang telah dapat melaburkan hampir satu billion ringgit iaitu dalam tiga buah ampangan di kawasan Parlimen Gerik.

Yang pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah juga kerana pihak Kementerian ini telahpun dapat menyiapkan Ampangan Temenggor dan pada masa ini dalam proses untuk membina dua ampangan lagi iaitu Ampangan Bersia sebanyak \$300 juta dan Ampangan Kenering juga \$300 juta. Tetapi dalam memberik tahniah ini saya juga ingin menarik perhatian Kementerian ini kepada masalah-masalah yang ada di kawasan ini akibat daripada pembinaan ampangan ini. Kalau tadi saya telah katakan bahawa dengan kita membina tiga buah ampangan ini yang mana kajian-kajiannya telah dibuat di masa harga minyak sangat murah dan pada masa ini harga minyak telah melambung naik dengan begitu tinggi, maka dapatlah kita kaji bahawa daripada segi viabilitinya projek ini bukan sahaja dapat memberikan keuntungan malahan beratus kali ganda keuntungan kepada Kementerian dan juga kepada LLN. Dengan sebab itulah saya berharap kalau pada masa ini suatu kawasan Parlimen yang telah dapat mengadakan tiga buah ampangan untuk kegunaan penduduk-penduduk di seluruh negara.

Pada masa ini penduduk-penduduk di kawasan ini yang jumlahnya lebih kurang 20% daripada penduduk dalam daerah ini dapat menikmati bekalan api. Dan daripada jumlah ini pula, kesemua sekali mereka ini terpaksa membayar 40 sen pada tiap-tiap satu yunit,

sedangkan kalau pihak LLN dapat membekalkan api ke kawasan ini, maka sudah tentulah penduduk-penduduk di kawasan ini cuma kena membayar 16 sen tiap-tiap satu unit. Dengan itu bermaknalah bahawa penduduk di kawasan ini terpaksa membayar 24 sen lebih daripada penduduk-penduduk yang ada di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan sebagainya di mana api-api elektrik di kawasan ini dibekalkan daripada kawasan Gerik tetapi penduduk-penduduk di Gerik sendiri oleh kerana mereka tidak mendapat bekalan elektrik daripada LLN hari ini terpaksa membayar 40 sen tiap-tiap satu unit, bermakna mereka terpaksa membayar dua kali setengah lebih; 250% lebih daripada penduduk-penduduk yang ada di dalam bandar. Jadi, bermaknalah bahawa dengan ada projek elektrik di kawasan Gerik ini bukan orang Gerik yang mendapat keuntungan, tetapi orang Gerik terpaksa membayar harga elektrik 250% lebih daripada penduduk-penduduk yang mana bekalan elektrik mereka terpaksa ataupun disalurkan daripada Gerik.

Dalam pada itu juga saya sukalah menarik perhatian Kementerian ini, terutama sekali LLN iaitu dengan terbinanya Ampangan Temenggor pada hari ini, kita dapati, Sungai Perak telahpun kering dan ini akan mengambil masa lebih kurang tiga tahun sebelum air di Sungai Perak ini akan naik ke parasnya yang dahulu. Dan dalam masa ini juga apabila generator di Ampangan Temenggor dijalankan di waktu malam, maka air-air yang berada 40 atau 50 kaki daripada permukaan air akan mengalir ke hilir Sungai Perak dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan ampangan ini sejauh lebih kurang 10 batu terpaksa mengalami kesusahan air kerana air-air yang mengalir itu busuk. Tetapi kita sedar dalam masa tiga tahun lagi perkara ini tidak akan berlaku, kerana dalam masa tiga tahun lagi tidak akan ada pokok-pokok yang mati, daun-daun yang mati dan sebagainya di dalam air kerana semua ini mungkin telah mengalir mengikut arus sewaktu generator dijalankan. Jadi, saya berharaplah kepada Kementerian ini oleh kerana rakyat di kawasan ini bukan sahaja telah mendermakan tanah-tanah mereka untuk dijadikan saluran api, talian api LLN, bukan sahaja mereka terpaksa bersusah-payah dengan tidak dapat pergi ke sungai, tidak dapat menggunakan air sungai dan

sebagainya, apabila Kementerian ini telah dapat mengadakan ke tiga-tiga buah ampangan ini penduduk-penduduk di kawasan Ulu Perak, khususnya penduduk-penduduk dalam kawasan Parlimen Gerik akan dapat nikmat daripada bekalan-bekalan elektrik yang telah dibekalkan oleh Sungai Perak.

Kita juga mengucapkan tahniah kepada pihak LLN kerana dalam satu kawasan sungai sejauh lebih kurang 30 batu pihak LLN telah dapat mengadakan tiga buah ampangan, jadi saya rasa kita patut mengucapkan tahniah kepada pihak LLN kerana telah dapat mengadakan satu perancangan yang begitu tersusun, satu pandangan yang begitu boleh dikatakan satu economic foresight yang sangat baik. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak LLN, kerana dengan terbinanya tiga buah ampangan di dalam satu kawasan sungai yang begitu pendek iaitu sejauh lebih kurang 20 batu, kita telah dapat membekalkan saya rasa lebih kurang 45% daripada kehendak-kehendak elektrik yang dibekalkan melalui hydro di dalam negara kita ini.

Jadi, saya berharaplah dengan adanya ampangan-ampangan ini terbina penduduk-penduduk di negeri Perak amnya dan juga penduduk-penduduk di kawasan di mana ampangan-ampangan ini dibina akan dapat menikmati bekalan elektrik. Hari ini di kawasan Gerik bukanlah saya hendak bercakap berkenaan dengan perkara yang sensitif tetapi perkara ini adalah satu perkara yang pasti, yang berlaku dan sedang berlaku. Hari ini 80% daripada penduduk-penduduk di kawasan Gerik tidak ada bekalan api dan daripada jumlah ini 95% daripada orang-orang China yang tinggal di kawasan kampung-kampung baru di mana kampung-kampung mereka begitu tersusun dan teratur mempunyai bekalan api, tetapi cuma 5% daripada mereka yang tinggal di luar-luar bandar mempunyai bekalan api. Jadi, apabila ketiga-tiga ampangan ini siap, saya berharaplah kepada pihak LLN supaya tidak memikirkan berkenaan dengan kos apabila mereka hendak memberikan saluran api kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan ini.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.48 ptg.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, walaupun pada mulanya perbincangan Anggaran Peruntukan (Tambahan) ini tidak begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk berucap tetapi setelah perbincangan dimulakan, nampaknya lebih rancak dan lebih banyak minat di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap tentang masalah ataupun soal bekalan elektrik di seluruh negara kita ini. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya bekalan elektrik kepada negara kita baik daripada segi keperluan perindustrian ataupun sebagai satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dalam negara kita. Dengan sebab itulah pihak Kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada pihak LLN terutama sekali dalam soal memberi peruntukan yang cukup bagi menjalankan segala-gala rancangan yang perlu untuk membawa tenaga kepada seluruh negara kita ini.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kalau dipandang dari segi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$78 juta telah diuntukkan kepada bekalan letrik luar bandar tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan-peruntukan ini telah dilipat gandakan sehinggalah berjumlah \$227.2 juta telah diperuntukkan kepada bekalan letrik kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah melahirkan harapan semoga projek bekalan letrik luar bandar akan dapat diperluaskan serta disegerakan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Kedah. Saya suka memaklumkan bahawa satu peruntukan yang besar sebanyak \$42.55 juta telah diperuntukkan kepada negeri Kedah bagi melaksanakan projek bekalan letrik luar bandar. Dan baharu-baharu ini Kementerian saya telah meluluskan beberapa projek tambahan kepada kawasan-kawasan di seluruh negeri Kedah termasuklah kepada kawasan Ahli Yang Berhormat daripada

Sungai Petani. Jadi, saya rasa dengan kelulusan tambahan itu serta peruntukan barangkali yang lebih besar lagi pada masa akan datang, maka kawasan-kawasan yang masih ketinggalan di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu akan dapat cahaya elektrik.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan mengenai soal bekalan elektrik dijadikan satu bahan politik iaitu ada tempat-tempat yang mana telahpun dipacak tiang-tiang elektrik tetapi setelah kawasan itu kalah kepada parti-parti Pembangkang, tiang-tiang elektrik itu telah diangkat atau dipindah kepada kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam soal bekalan elektrik luar bandar ini tidak masuk akal jikalau kita tidak memberi pertimbangan untuk meluluskan projek-projek bekalan elektrik daripada segi kita mengukur sejauh manakah sambutan dan nilai rakyat terhadap bekalan elektrik luar bandar. Tidak bererti jikalau kita mencurahkan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek ini, tetapi setelah projek itu selesai dilaksanakan, kita pula ditikam balik oleh pihak yang telah menerima peruntukan daripada pihak Kerajaan (*Tepuk*). Ibarat kata, tangan yang kita hului untuk memberi bantuan digigit setelah mereka ini menerima bantuan daripada pihak Kerajaan. Oleh sebab itulah, Tuan Pengerusi, saya ingin menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya jikalau hendak bekalan elektrik kepada kampung-kampung dalam kawasannya supaya mereka ini semua masuk dalam Barisan Nasional (*Tepuk*). Tetapi dalam pada itu, Tuan Pengerusi, ada juga kesan yang baik jikalau sesuatu kawasan itu tidak dapat bekalan letrik kerana sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda telah menyatakan kalau dalam kegelapan kadar kelahiran bayi bertambah lebih banyak lagi dan dengan itu kalau kawasan-kawasan PAS dalam kegelapan, saya percaya pada masa-masa akan datang lebih banyak penyokong parti PAS dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyatakan.....

Tuan Pengerusi: Hadapkan kepada Tuan Pengerusi!

Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyatakan berkenaan dengan kebimbangannya bahawa bekalan letrik kepada kawasan-kawasan perindustrian di dalam negara kita ini tidak dapat dijamin oleh pihak LLN kerana kuasa tenaga tidak mencukupi dan beliau telah menyebutkan tentang gangguan elektrik yang baharu-baharu ini dialami oleh kilang-kilang elektronik dalam kawasan Bayan Lepas.

Sebagai penjelasan saya suka menyatakan bahawa pada hakikatnya bekalan elektrik di dalam negara kita ini adalah mencukupi. Kalaupun dibanding dari segi permintaan maka kita menghadapi permintaan sebanyak 1,200 megawatt tetapi keupayaan kita untuk memberi kuasa elektrik adalah mencapai tahap ataupun paras sebanyak 1,387 megawatt. Oleh itu, Tuan Pengerusi, tidak timbul soal tidak cukup tenaga letrik di dalam negara kita, tetapi apa yang menjadi masalah ialah jurang perbezaan di antara kadar permintaan dan kadar kita dapat mengeluarkan janakuasa elektrik adalah tidak begitu tinggi dan tidak melebihi daripada had minima yang dirasakan adalah perlu bagi negara kita. Bagi mengatasi masalah ini maka pihak LLN ada cadangan yang lain untuk meninggikan lagi keupayaan kita mengeluarkan tenaga elektrik dengan mendirikan janakuasa elektrik yang baharu seperti janakuasa letrik di Prai, Peringkat ke 3 sebanyak 120 megawatt yang mana akan siap pada bulan Julai ataupun Ogos ini. Selain daripada itu baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan arahan supaya pihak LLN mendirikan dua janakuasa elektrik yang baharu iaitu sebanyak 200 megawatt supaya kita dapat menentukan bahawa jurang perbezaan di antara permintaan dan keupayaan kita akan bertambah lebih besar lagi.

Selain daripada itu, pihak LLN sentiasa memberi perhatian kepada sistem saluran (distribution system) kita yang mana di setengah-setengah tempat barangkali keupayaannya tidak begitu tinggi dan beberapa daripada talian-talian itu perlu ditukarkan. Oleh sebab itulah masalah pengagihan (distribution system) yang telah mengakibatkan gangguan elektrik, terutama sekali di kawasan-kawasan perindustrian di Pulau Pinang dan Seberang Prai dan masalah

ini akan diatasi dengan adanya cadangan daripada pihak LLN untuk menggantikan keupayaan ataupun menambahkan lagi keupayaan sistem saluran di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh tentang masalah bekalan elektrik di dalam negeri Perak yang mana beliau menyatakan bahawa di dalam kawasan LLN pencapaiannya barangkali lebih tinggi daripada kawasan-kawasan yang menjadi tanggungjawab pihak KED. Ini adalah benar, Tuan Pengerusi, kerana pihak KED telah memulakan rancangan bekalan elektrik dalam negeri Perak dalam Rancangan Malaysia Ketiga agaknya lewat sedikit daripada pihak LLN. Ini adalah kerana pada tahun 1976 dan tahun 1977 pihak Kerajaan Pusat menjalankan usaha untuk mengambilalih syarikat KED yang mana pada ketika itu merupakan sebuah syarikat swasta tetapi sekarang ini saya suka menyatakan bahawa 100% daripada syarikat ini telahpun diambilalih oleh Kerajaan Pusat. Oleh sebab itulah rancangan bekalan elektrik luar bandar di dalam negeri Perak dalam kawasan KED yang seharusnya mula pada tahun 1976 telah mula agaknya lewat sedikit iaitu pada bulan Julai tahun 1977.

Selain daripada itu, kita dapati juga pada masa-masa yang lalu syor-syor mengenai pembahagian kawasan ataupun projek-projek bekalan elektrik bagi negeri Perak barangkali tidak merupakan pembahagian yang seimbang bagi seluruh negeri Perak. Itulah sebabnya barangkali kawasan Ahli Yang Berhormat di Padang Rengas itu telah saya selidiki dengan halusnyanya saya dapati barangkali peruntukan yang diagihkan kepada kawasan Padang Rengas itu tidak seimbang dengan kawasan-kawasan yang lain.

Oleh sebab itulah pada masa-masa yang akan datang, Kementerian saya tidak bergantung 100% ataupun semata-mata kepada senarai yang datang daripada Majlis Tindakan Daerah kepada Majlis Tindakan Negeri dan seterusnya kepada Kementerian saya untuk mendapatkan kelulusan muktamad tetapi kita akan tambah saluran baru iaitu saluran daripada Wakil-wakil Parlimen kepada Kementerian sendiri (*Tepuk*). Saya percaya dengan adanya saluran ini maka akan merupakan satu cross-check kepada saluran ataupun cadangan-cadangan

yang datangnya daripada Majlis Tindakan Negeri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyokong supaya Kementerian ini diberi peruntukan tambahan kerana dikatakan bahawa kedudukan kewangan dalam LLN tidak merupakan kedudukan yang begitu sehat. Pada hakikatnya kedudukan dalam LLN tidaklah merupakan satu kedudukan yang mencemaskan kerana LLN adalah merupakan sebuah badan Kerajaan dan pihak Kerajaan akan berdiri teguh di belakang LLN. Hanya barangkali daripada segi pendapatan yang diterima daripada LLN tidaklah melambangkan kenaikan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh pihak LLN akibat kenaikan bahan-bahan minyak juga gaji-gaji kakitangannya dan juga barang-barang terutama sekali tiang-tiang elektrik dan sebagainya untuk menjalankan kegiatannya. Ini ialah kerana pihak Kerajaan memandang berat bahawa tariff ataupun kadar bayaran kepada pengguna-pengguna di dalam negara kita ini tidak seharusnya membebankan pihak orang ramai walaupun bahan-bahan yang digunakan oleh pihak LLN telahpun naik daripada segi kosnya.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyentuh tentang kemungkinan menggunakan solar energy bagi negara kita memandangkan bahawa punca tenaga daripada minyak barangkali telah naik akibat kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa. Ini merupakan satu syor yang agaknya baik tetapi pada masa ini daripada segi kos effectivenessnya solar energy ataupun tenaga solar ini tidak merupakan satu punca tenaga yang ekonomik berbanding dengan tenaga yang kita keluarkan daripada bahan minyak walaupun harga bahan minyak telah melambung tinggi.

Tetapi ada dua faktor, Tuan Pengerusi, yang barangkali akan mengakibatkan tenaga solar ini dapat diperluaskan penggunaannya di dalam negara kita iaitu pertamanya harga minyak barangkali akan naik lebih tinggi lagi pada masa-masa yang akan datang yang mana ada ura-ura harga minyak yang ditentukan oleh OPEC barangkali sampai ke paras \$20 satu barrel (tong) dalam masa tidak berapa lama lagi yang akan datang. Selain daripada itu juga akibat perbelanjaan yang begitu besar yang telah dikeluarkan oleh negara-negara yang lebih maju, kos pengeluaran daripada

punca tenaga solar ini akan bertambah lebih rendah lagi pada masa-masa yang akan datang.

Jadi saya rasa yakin bahawa solar energy ini pada satu masa yang akan datang akan merupakan satu punca yang boleh memainkan peranan yang penting dalam penggunaan ataupun mengisi keperluan tenaga negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu juga telah menyentuh tentang soal bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan setinggian dan ini adalah merupakan satu usaha baru yang akan dijalankan oleh Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab atas kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan-kawasan setinggian. Pada masa ini satu dasar baru telahpun digubal iaitu kita hendak memberi seberapa banyak kawasan-kawasan setinggian di kawasan Wilayah ini dengan bekalan elektrik. Pihak Kementerian Wilayah sedang menyediakan senarai kawasan-kawasan ataupun kampung-kampung setinggian di seluruh kawasan Wilayah ini dan akan dikemukakan kepada Kementerian saya bagi perlaksanaan.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menyatakan harapannya semoga peruntukan tambahan akan dapat disalurkan kepada kawasannya iaitu sebanyak \$300,000 kepada kawasan-kawasan yang agaknya di sebelah pedalaman. Sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya jikalau Ahli Yang Berhormat itu dapat mengemukakan senarai kampung-kampung yang dimaksudkan itu.

Selain daripada itu, beliau telah menyatakan juga bahawa bekalan ataupun tiang-tiang elektrik patutlah Kementerian memikirkan tentang kemungkinan digunakan tiang-tiang concrete sebagai menggantikan tiang-tiang kayu kerana tiang-tiang kayu agaknya sukar hendak diperolehi.

Selain daripada Ahli Yang Berhormat itu yang menyebutkan tentang soal tiang-tiang elektrik ini, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson juga telah sebut tentang kemungkinan digunakan round pole ataupun yang dimaksudkan tiang-tiang elektrik yang bulat untuk bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan di luar bandar.

Sukalah saya menyatakan, bahawa Kementerian saya akibat dan berkat kerjasama daripada Kementerian Perusahaan Utama telah berjaya mengatasi masalah kekurangan tiang-tiang elektrik bagi bekalan elektrik luar bandar dalam negara kita. Kalaulah di masa-masa yang lalu kita menghadapi kesulitan untuk mendapatkan tiang-tiang elektrik terutama sekali tiang-tiang elektrik yang berukuran 30 kaki dan pada tahun-tahun yang lalu bekalan tiang-tiang elektrik berukuran 30 kaki sangat sukar hendak diperolehi. Tetapi pihak LLN telah menambah lagi pembekal-pembekal kayu dan masa ini sudah banyak syarikat-syarikat yang sedia untuk membekalkan tiang-tiang kayu kepada pihak LLN dan kalaulah pada masa-masa yang lalu pada tiap-tiap bulan kita hanya mendapat 1,000 ataupun 2,000 tiang elektrik 30 kaki tetapi sekarang kita sudah dapat hampir 7,000 dan 8,000 tiang-tiang elektrik 30 kaki tiap-tiap tahun.

Memanglah benar bahawa ini telah menyulitkan pelaksanaan rancangan bekalan elektrik luar bandar sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang mana pihak LLN pada masa-masa yang lalu terpaksa mengagihkan tiang-tiang elektrik ini mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa iaitu catuan (rationing) tiang-tiang elektrik pernah dilakukan oleh pihak LLN tetapi akibat usaha baharu ini yang kita telahpun syukur mendapat kejayaan, masalah tiang elektrik tidak menjadi masalah yang merupakan batu penghalang kepada kejayaan, pelaksanaan bekalan elektrik di luar bandar.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebut tentang beberapa perkara iaitu rumah-rumah tercicir yang tidak diberi bekalan elektrik walaupun projek itu telah dilaksanakan dan disempurnakan oleh pihak LLN.

Sukalah saya menyatakan bahawa pihak LLN membuat banciaan dua kali iaitu pertama masa menyediakan anggaran dan keduanya pada masa pelaksanaan projek itu. Dan saya rasa agak sukar barangkali kita akan mendapat rumah-rumah yang tidak termasuk di dalam senarai-senarai untuk sesuatu kawasan itu barangkali penghuni rumah itu pada masa itu tidak ingin mendapatkan bekalan elektrik ataupun tidak begitu mampu untuk mendapatkan ataupun membayar perbelanjaan untuk menyambung api elektrik

kepada rumahnya. Tetapi perkara ini agaknya mudah hendak di atasi jikalau sesuatu kawasan itu dalam peringkat pelaksanaan projek bekalan elektrik bolehlah pihak berkenaan khususnya pihak Ketua-ketua Kampung ataupun Penghulu-penghulu di kawasan itu bolehlah memerhati dan bekerjasama dengan pihak LLN supaya tidak ada kampung-kampung ataupun rumah-rumah yang tidak termasuk dalam senarai pihak LLN.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu juga telah menyebut tentang kawasan yang mendapat bekalan daripada pelesen-pelesen awam, agaknya dua ataupun tiga di negeri Perlis. Sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian ini untuk mengambil alih bekalan elektrik yang dikeluarkan oleh pihak pelesen awam tetapi ini akan dijalankan berperingkat-peringkat dan saya percaya bahawa pada masa yang akan datang kita akan dapat mengambil alih pelesen-pelesen awam di kawasan Perlis dan juga dalam kawasan-kawasan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh tentang pokok-pokok terpaksa ditebang kerana hendak mendirikan ataupun hendak merentang talian-talian untuk projek-projek bekalan elektrik. Pada masa ini pihak LLN hanya pampasan ataupun memberi gantirugi kepada pokok-pokok yang ditebang kerana talian voltan tinggi iaitu ssKV ke atas pokok-pokok yang terpaksa ditebang dan ditebas akan dibayar ganti rugi mengikut Akta Letrik yang ada pada masa ini. Tetapi pokok-pokok yang terpaksa ditebang untuk sambungan voltan rendah (low voltage) kepada kawasan terutama sekali bila kita menjalankan bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan kampung tidaklah membayar gantirugi.

Pada masa ini pihak Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini. Dan untuk makluman dan pengetahuan Ahli Yang Berhormat ada beberapa buah negeri sahaja yang membayar pampasan ataupun gantirugi kepada pokok-pokok yang terpaksa ditebang untuk menyambung api elektrik ke rumah-rumah iaitu negeri Trengganu, negeri Kedah dan negeri Pulau Pinang untuk Seberang Perai. Bagi negeri-negeri yang lain termasuklah negeri Perak dan Negeri Perlis tidak ada peruntukan daripada pihak Kerajaan untuk menjelaskan bayaran gantirugi ini.

Daripada segi pihak LLN kita memandangkan bahawa projek bekalan elektrik ini adalah satu projek yang bercorak sosial dan pihak Kerajaan membiayai projek ini dengan perbelanjaan berjuta-juta ringgit pada tiap-tiap tahun. Daripada segi pihak orang ramai perlulah ada sedikit pengorbanan supaya nilai dan sambutan pihak orang ramai terhadap projek bekalan elektrik ini agaknya bertambah lebih besar dan lebih bermakna lagi. Dalam pada itu kalaulah ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ingin mengadakan peruntukan tambahan untuk membayar pokok-pokok yang terpaksa ditebang, pihak LLN tidak ada apa-apa halangan kepada Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian. Kerana kita pandang kalau kita membesarkan lagi peruntukan untuk satu projek lebih baik peruntukan tambahan itu digunakan untuk projek untuk kampung-kampung yang belum lagi mendapat bekalan elektrik. Itu saya rasa dalam peringkat ini adalah merupakan satu tindakan yang barangkali lebih bijak dan lebih menasabah. Walau bagaimanapun, saya akan memberi perhatian kepada syor dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Matang dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar barangkali perkara ini boleh dirundingkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi membayar gantrugi.

Tuan Pengerusi, saya barangkali tidak boleh hendak menyentuh satu persatu apa yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana nampaknya bekalan elektrik ini adalah merupakan projek tempatan iaitu satu projek yang dipandang dari segi keadaan sesuatu kawasan itu dan segala-gala permintaan untuk menambahkan lagi peruntukan kepada kawasan-kawasan luar bandar Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dan kita rasa yakin bahawa pihak-pihak tertentu akan menambahkan lagi peruntukan bagi Kementerian ini untuk melaksanakan bekalan elektrik bagi kawasan-kawasan luar bandar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sukalah menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan bekalan elektrik kepada kawasan FELDA yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti. Memanglah menjadi dasar pada masa yang lalu bahawa kawasan-kawasan FELDA yang luar daripada

kawasan pembangunan wilayah ini adalah merupakan kawasan yang sepatutnya diberi bekalan daripada peruntukan bekalan elektrik luar bandar. Tetapi oleh kerana kawasan-kawasan FELDA ini agaknya jauh terpencil, Kerajaan-kerajaan Negeri berpendapat bahawa peruntukan yang begitu besar patutlah diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan tradisional iaitu kampung-kampung yang lama yang telah lama minta dan mendesak pihak Kerajaan untuk menyediakan bekalan elektrik. Oleh sebab kawasan-kawasan FELDA yang luar daripada kawasan pembangunan wilayah ini, tidak ada ayah dan tidak ada tuannya, itulah sebabnya kawasan FELDA ini lama tertinggal dan lama terbengkalai daripada segi bekalan elektrik luar bandar. Saya sukalah menyatakan bahawa Kementerian saya telah mendapat persetujuan pada dasarnya daripada Kementerian Kewangan untuk mewujudkan peruntukan khas bagi kawasan-kawasan FELDA di luar kawasan Pembangunan Wilayah. Dan peruntukan ini akan kita laksanakan berperingkat-peringkat bermula dengan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan seterusnya kepada Rancangan Malaysia Keempat. Dengan ini saya rasa yakin bahawa kawasan-kawasan FELDA yang lama ketinggalan daripada segi bekalan elektrik akan dapat bekalan elektrik tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,705,702 untuk Maksud P. 61 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1979.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang

dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan telah bersetuju dengan Usul itu, seterusnya saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat seperti berbunyi:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$105,705,702 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1979 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Lee Chan Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat diluluskan.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AKTA AKITEK (PINDAAN) 1979

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Akitek (Pindaan) 1979 dibaca bagi kali kedua.

Dalam membentangkan cadangan ini, izinkan saya menerangkan secara ringkas maksud pindaan dibuat kepada Akta Akitek, 1967 itu.

Rang Undang-undang itu bertujuan untuk membolehkan orang-orang di Sabah dan Sarawak yang telah menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan sebagai Tukang Pelan Bangunan sekurang-kurangnya selama satu tahun sebelum Akta itu mula berkuatkuasa dapat didaftarkan sebagai Building Draughtsman di bawah Architects Act, 1967 dengan hak dan kuasa yang telah sedia ada pada mereka.

Sebelum berkuatkuasanya Akta Akitek, 1967 pada 1hb Oktober, 1973, pendaftaran orang-orang untuk menjalankan amalan akitek tertakluk kepada Architects Ordinance 1951. Ordinance itu telah berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak meliputi Sabah dan Sarawak.

Di bawah Architects Ordinance, 1951 orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan akitek yang diiktiraf dibenarkan berdaftar dengan Lembaga Akitek untuk menjalankan amalan akitek selepas mereka dapat meyakinkan Lembaga yang mereka mempunyai latihan yang memadai dan pengalaman bekerja di bawah Akitek yang berkelayakan. Mereka didaftarkan dalam daftar berasingan iaitu dalam Part II dan dinamakan sebagai "specially authorized person".

Dengan berkuatkuasanya Akta Akitek, 1967 pada 1hb Oktober, 1973 orang-orang yang dikenali sebagai "specially authorized person" dibenarkan memindah pendaftaran mereka kepada daftar baru dan dikenali sebagai "registered Building Draughtsman". Tiap-tiap "specially authorized person" melalui beberapa temuduga atau permohonan-permohonan bertulis dibenarkan memindah pendaftaran mereka dan semua hak-hak mereka yang sedia wujud tertakluk kepada permohonan berjaya meyakinkan Lembaga Akitek.

Architects Ordinance, 1951 tidak berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak dan oleh itu apabila Architects Act, 1967 mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1973, orang-orang di Sabah dan Sarawak yang telah menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan sebagai Tukang Pelan Bangunan adalah dianggap sebagai pemohon baru. Mereka yang tidak berjaya didaftarkan sebagai Akitek telah menolak tawaran untuk didaftarkan sebagai 'Building Draughtsman' di bawah seksyen 24 Akta itu sebab mereka akan kehilangan setengah daripada hak dan kuasa mereka yang ada. Umpamanya, dan di antara mereka yang menuntut telah dibenarkan oleh Majlis Tempatan di Sarawak untuk membuat pelan-pelan bangunan 5 hingga 7 tingkat. Tetapi jika mereka didaftarkan sebagai 'Building Draughtsman', bidang kuasa mereka akan terhad dan mereka

hanya dibenarkan mengemukakan pelan-pelan bangunan setakat 3,000 kaki persegi dan setakat 2 tingkat sahaja.

Oleh itu untuk membolehkan mereka yang tidak layak didaftarkan sebagai Akitek di Sabah dan Sarawak didaftarkan sebagai "registered Building Draughtsman" di bawah Part V Akta itu dengan mempunyai hak dan kuasa yang tidak kurang daripada yang sedia ada pada mereka, adalah perlu pindaan dibuat kepada Architects Act, 1967. Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah bertujuan supaya orang-orang di Sabah dan Sarawak yang telah menjalankan amalan atau menjalankan perniagaan sebagai Tukang Pelan Bangunan sekurang-kurangnya selama satu tahun sebelum Akta itu berkuatkuasa, adalah tidak tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan di bawah seksyen kecil 1 hingga 5, Seksyen 24 Akta itu.

Pindaan yang dicadangkan ialah dengan meminda Seksyen 24, Architects Act, 1967 dengan menambah satu peruntukan lagi seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang yang telah diedarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Akitek, 1967 dibaca kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

6.31 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong pindaan kepada Akta Akitek tahun 1967 ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia ini sedang membangun, baik Malaysia Barat ataupun Malaysia Timur dan di bawah pembangunan yang begini pesat banyaklah pembangunan-pembangunan yang sedang dibina, telah dibina dan akan dibina, bukan sahaja di Malaysia Barat malah di Malaysia Timur juga. Tetapi pengalaman apa yang dapat

kita lihat di dalam pembangunan yang berjalan di Malaysia Barat, di dalam proses pembangunan yang begini pesat bahawa Akitek-akitek kita telah gagal menghadapi cabaran, telah gagal menghadapi suatu keadaan yang sepatutnya mereka dapat mengawasi dan mengatasinya. Maksud saya ialah di dalam peluang pembangunan yang begini pesat di mana banyak bangunan-bangunan sedang didirikan dan akan didirikan tetapi apa yang kita lihat bahawa para-para akitek kita apabila diberi peluang yang begini baik dalam era pembangunan ini tidak menggunakan kesempatan ini bagi menonjol dan membentuk suatu national architecture, suatu pembentukan akitek yang mencerminkan kebudayaan dan aspirasi nasional kita. Ini jelas kelihatan. Bangunan-bangunan yang telahpun didirikan, yang sedang didirikan pada pendapat saya adalah merupakan bangunan-bangunan yang tidak boleh kita katakan sebagai bangunan-bangunan yang boleh mencerminkan ataupun menuju ke arah suatu pembentukan architecture yang mempunyai ciri-ciri nasional dan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kita pergi jauh, di Bandaraya Kuala Lumpur sendiri bangunan-bangunan begitu banyak bertumbuh semacam cendawan tetapi apa yang kita lihat bangunan-bangunan yang telahpun didirikan, pencakar-pencakar langit yang telah dibina tersergam di Ibu Kota negara Malaysia ini boleh dikatakan sebahagian besar adalah moden, cantik, indah—tidak boleh dinafikan, tetapi tidak mempunyai unsur-unsur kebudayaan dan nasional kita. Apa yang kita lihat ialah suatu pembentukan architecture yang boleh kita lihat di mana-mana negara yang membangun, tidak ada satu-satu identity. Kalaulah kita bandingkan bangunan-bangunan yang lama di Ibu Kota kita seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, iaitu bekas Bangunan Secretariat Kerajaan Negeri Selangor ataupun Bangunan Bandaraya yang ada sekarang ataupun Mahkamah Tinggi kita sekurang-kurangnya bangunan-bangunan tersebut mencerminkan, membayangkan dan mengandungi unsur-unsur tempatan dan juga mengandungi unsur-unsur kebudayaan nasional kita. Nampaknya akitek-akitek dahulu lebih cekap, lebih menyedari daripada Akitek-akitek kita yang ada sekarang. Akitek-akitek kita dahulu

apabila membina bangunan-bangunan, mereka menyedari bentuk-bentuk bangunan yang perlu mereka cipta tetapi nampaknya akhir-akhir ini akitek-akitek kita sungguhpun mereka cekap, mahir dan boleh diberi pujian tetapi hasil ciptaan mereka itu tidaklah mencerminkan hasrat dan identity nasional kita. Itu pengalaman daripada apa yang telah lalu. Namun demikian, pada pendapat saya keadaan ini belum lagi terlewat, negara kita masih lagi akan membina banyak bangunan-bangunan besar dan kita sungguh-sungguh berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapatlah mempengaruhi pandangan-pandangan dan pembentukan-pembentukan bangunan yang akan dilukis, yang akan dicipta oleh akitek kita supaya bangunan-bangunan kita adalah sedikit-sedikit, kalau tidak dapat semuanya pun adalah sebahagian daripadanya mencerminkan kebudayaan nasional negara kita. Itu suatu kegagalan dan saya tidak mahu menambah-tokok lagi di atas kegagalan yang pertama para akitek kita.

Kegagalan mereka yang kedua, ialah dari segi pengawasan dan pengawalan pembinaan. Pada hari ini kita telahpun mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita yang mengakui bahawa beliau banyak menerima aduan-aduan dari segi rumah-rumah yang mana mutunya kurang baik, aduan-aduan daripada rakyat bahawa rumah-rumah yang mereka beli adalah tidak memuaskan dari segi mutunya, mungkin simennya kurang, dindingnya ketuk sedikit sudah pecah, retak di sini, retak di sana, cerminnya mungkin tidak baik, kayunya mungkin tidak baik dan sebagainya. Perkara ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita di dalam masa soal-jawab-soal-jawab petang tadi dan bertanggungjawab dari segi mengawasi pembinaan rumah-rumah dan pembinaan-pembinaan seperti itu adalah kepada akitek-akitek. Sebagai seorang akitek, mereka bertanggungjawab di atas kesempurnaan pembinaan rumah-rumah dan binaan-binaan tersebut dan saya fikir para Akitek kita haruslah memberi masa yang lebih ataupun menambah tenaga mereka yang lebih untuk memberi pengawasan dan penjagaan yang lebih teliti dan lebih rapi supaya sekiranya

kontrektor-kontrektor itu telah melakukan sesuatu perbuatan yang tidak setimpal dengan pelan-pelan yang telahpun diluluskan oleh pihak-pihak tempatan, maka para akitek itu haruslah menasihatkan kepada pemaju ataupun pembina itu bahawa binaan-binaan mereka tidak seimbang dengan yang dikehendaki, maka haruslah suatu tindakan memperbaiki diambil.

Kita faham bahawa Akitek-akitek ini adalah dibayar oleh pemaju, kita sedar bahawa akitek-akitek ini adalah tertakluk kepada pemaju-pemaju, kerana mereka yang memilih akitek mana yang mereka perolehi, namun demikian saya berpendapat adalah menjadi satu tanggungjawab profesyen (professional responsibility) mereka. Walaupun mereka terpaksa menyatakan kepada majikan mereka sendiri bahawa majikan mereka sudahpun melakukan suatu perbuatan yang kurang baik maka tanggungjawabnya sebagai seorang professional architect memerlukan ianya secara diplomasi atau secara mana untuk menyampaikan pengetahuan ini kepada majikannya, kepada pembinaannya, kepada pemajunya untuk perkara-perkara yang salah itu diperbaiki.

Sekiranya ini dapat dilakukan dengan teratur, jujur dan ikhlas, saya percaya maka pembinaan-pembinaan rumah, baik rumah murah, rumah mahal atau apa jenis rumah sekalipun maka mutunya akan lebih baik, tetapi selama para-para akitek kita tidak mengambil perhatian yang lebih di atas tanggungjawab moral mereka sebagai seorang akitek, maka selama itulah kita akan dihujani oleh aduan-aduan daripada rakyat bahawa mutu rumah-rumah mereka adalah kurang memuaskan. Maka oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kerana perkara ini sudahpun berlaku, pada pendapat saya di Malaysia Barat, kita harap jangan pula perkara ini berlaku di Malaysia Timur yang sekarang ini sedang membangun dan mengikut kehendak pindaan Akta ini kita hendak menyusun para-para akitek kita dengan baik dan cermat.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil kesempatan yang baik ini untuk menentukan supaya apa yang berlaku di Malaysia Barat, dapat sekurang-kurangnya

memberi kesedaran kepada para akitek kita di sebelah Malaysia Timur jangan melakukan kesalahan yang telahpun berlaku di Malaysia Barat ini. Kalau di Malaysia Barat sudah kita perolehi bangunan-bangunan yang kurang mempunyai unsur kebudayaan nasional kita, maka kita harap di Malaysia Timur apabila akitek-akitek ini akan mencipta pembinaan-pembinaan dan reka bentuk mereka kita harap unsur-unsur kebudayaan nasional dan unsur-unsur tempatan di Malaysia Timur akan dapat ditonjolkan dan dicerminkan di pembinaan-pembinaan mereka.

Yang kedua, kita harap kalau di Malaysia Barat kita mengalami masalah mutu oleh sebab kurang pengawasan dari segi para akitek maka kita harap perkara ini tidak pula berlaku di Malaysia Timur, kita harap yang pembinaan-pembinaan di Malaysia Timur akan dapat lebih diawasi oleh para akitek di sana dan supaya pembinaan-pembinaan rumah di sana akan menjadi rumah-rumah yang lebih baik, lebih bermutu daripada yang terdapat sehingga hari ini di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.43 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang lebar tetapi hendak mengambil peluang menyokong usul ini dan memberi satu pandangan sahaja iaitu berkenaan rumah low-cost.

Saya harap akitek-akitek yang mengeluarkan pelan-pelan di dalam rancangan-rancangan low-cost membuat design-design yang lebih menarik hati. Sampai hari ini design-design rumah low-cost tidak begitu bermutu dan ini barangkali oleh sebab akitek-akitek sebagai satu profession tidak boleh menguntungkan dengan percentage yang besar jikalau mereka memberi lebih masa dan lebih perhatian kepada projek-projek low-cost ini.

Saya berharap akitek sebagai satu profession mengadakan sikap dan bertanggungjawab di dalam social improvement dan mengambil bahagian dengan sikap yang lebih positif untuk projek-projek perumahan low-cost dan juga di dalam projek-projek

membaiki dan menaikkan lagi taraf kawasan-kawasan setinggian di negara kita ini. Oleh kerana masalah golongan miskin ialah masalah yang terbesar dan rakyat di dalam golongan ini tidak ada wang atau kebolehan mengadakan akitek-akitek yang baik sekali dan saya harap akitek-akitek sebagai satu profession mempunyai satu rancangan untuk mengambil bahagian yang lebih berkesan di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.46 ptg.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

Mengenai pandangan akitek-akitek yang merupakan kebudayaan nasional (nasional characteristic) ini, konsep dan pandangan ini telah dikeluarkan dari pihak-pihak berkuasa dari masa ke semasa dan saya fikir ada tanda-tanda iaitu pihak-pihak akitek telah menerima konsep ini walaupun dari segi pelaksanaan mungkin lambat sedikit, tetapi pada amnya saya fikir akitek-akitek menerima konsep ini.

Saya berharap dan juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Sepang mencadangkan iaitu supaya akitek-akitek dalam negeri ini dapat menggambarkan dan menambahkan lebih banyak lagi bangunan-bangunan yang mempunyai mutu nasional characteristic seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan mutu architecture, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana telah tolong menjawab. Kalau hendak dikawalkan tiap-tiap bangunan dengan lebih ketat, itu bermakna bayaran (fees) lebih banyak, seperti juga lawyer dan doctor. Maklumlah, Tuan Yang di-Pertua,

kami ada akitek-akitek yang bertanggungjawab, yang baik, yang elok dan ada juga akitek yang tidak bertanggungjawab, juga ada akitek yang semata-mata hendak mencari wang dengan cepat; seperti lawyer dan doktor, begitu jugalah banyak yang bertanggungjawab dengan baik tetapi ada juga yang bertujuan semata-mata hendak mencari wang, itupun ada juga.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walau bagaimanapun pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Kepong, saya akan sampaikan kepada Lembaga Akitek supaya pengawasan yang lebih ketat dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 28hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.